

KISAH-KISAH KEINSAFAN

LIBERAL REPUBLIKAN



Cetakan Pertama 2015

© Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Penerbitan

Data Pengkatalogan-dalam-

Penerbitan:

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tingkat 9, Menara Utara

Bangunan Sultan Idris Shah

Seksyen 5

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan


Tel: 603-5514 3752

Faks: 603-5512 4042

E-Mel: pro@mais.gov.my

Laman web: mais.gov.my

Dicetak oleh:



KANDUNGAN

PRAKATA	v
Pengenalan pada Fahaman Gerakan Liberal Republikan (GLR)	1
TAKRIFAN GLR	1
MODEL-MODEL REPUBLIK	2
REALITI PENGARUH GLR	2
DIAGNOSIS TERHADAP PENGARUH GLR	3
IMPLIKASI DARIPADA PENYEBARAN FAHAMAN LIBERAL REPUBLIKAN	3
SYOR MENGEKANG PENGARUH FAHAMAN LIBERAL REPUBLIKAN	4
KISAH-KISAH KEINSAFAN	5
KISAH 1 Aku Yang Dulu Seorang Pejuang Liberalis Republikan	7
KISAH 2 Keberkatan Doa Ibu	15
KISAH 3 Antara Perjuangan Dan Pengkhianatan	21

KISAH 4	Ketaksuban Yang Membawa Padah	27
KISAH 5	Mangsa Tipu Daya Fahaman Liberalisme	33
KISAH 6	Penjara Pemikiran	41
KISAH 7	Bangsaku Tertipu, Agama Tergadai	47
KISAH 8	Aku Mangsa Liberal Republikan	53
KISAH 9	Sokong Membawa Rebah	59
KISAH 10	Peluang Kedua	65
KISAH 11	Suluh Cahaya Kebenaran	73
KISAH 12	Ikut Rasa Binasa	81
KISAH 13	Taubat Merawat Salah Faham Umat	89
KISAH 14	Berani Kerana Benar	95
KISAH 15	Air Mata Khalid	101
KISAH 16	Sesal Yang Tiada Noktahnya	107
KISAH 17	Di Mana Bumi Dipijak, Di Situ Langit Dijunjung	115
KISAH 18	Salah Perhitungan	121
KISAH 19	Mentaati Pemerintah	127
KISAH 20	Wahai Umatku, Bangkitlah Dari Tidur	133

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan Salam buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Dengan limpah dan kurniaNya maka dapatlah buku, *Kisah-Kisah Keinsafan Liberal Republikan* ini, diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), dengan pembiayaan sepenuhnya daripada Lembaga Zakat Selangor. Terbitan buku ini adalah bagi tujuan mengembalikan semula manfaatnya kepada umat Islam melalui penjagaan akidah yang sering diancam oleh pelbagai pihak.

Semakin hari umat Islam berhadapan dengan cabaran yang kian hebat termasuklah cabaran yang boleh menggugatkan akidah. Cabaran tersebut datang daripada musuh-musuh Islam yang tidak pernah jemu berusaha mencemarkan akidah umat Islam. Jika dahulu, masyarakat berhadapan dengan pengaruh fahaman seperti sekularisme, materialisme, hedonisme, individualisme dan kapitalisme, kini ide serta konsep liberalisme dan pluralisme pula cuba diserapkan dalam kalangan masyarakat. Begitu juga, terdapat usaha untuk memperkenalkan sistem pentadbiran republikan bagi mengubah amalan politik negara yang menterjemahkan sistem pemerintahan berasaskan demokrasi raja berperlembagaan semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan lagi.

Realiti ini bukan sahaja berupa cabaran kepada masyarakat tetapi juga menjadi ancaman kepada aqidah dan pemikiran umat Islam. Realiti ini juga meletakkan umat Islam dalam situasi kritikal untuk mempertahankan Islam, diri, keluarga, bangsa dan negara daripada fahaman-fahaman tersebut memandangkan

umat Islam di negara ini tidak terkecuali daripada berhadapan dengan ledakan globalisasi. Senario perkembangan fahaman-fahaman tersebut turut menyaksikan bagaimana musuh-musuh Islam merangka perancangan dan mengatur strategi secara licik termasuk mempergunakan golongan-golongan yang mempunyai kepentingan menjayakan agenda menundukkan Islam serta menguasai pegangan umatnya.

Justeru, adalah penting bagi umat Islam untuk peka pada perkembangan yang berlaku dan memahami setiap agenda yang dirancang oleh musuh-musuh Islam. Menginsafi akan kepentingan ini, MAIS mengambil inisiatif menerbitkan buku ini sebagai satu usaha memberi peluang kepada masyarakat untuk menyelami permasalahan yang sedang mengancam umat Islam dan secara tidak langsung mengambil iktibar daripadanya.

Naskhah ini mengandungi 20 buah kisah pengalaman individu-individu daripada pelbagai latar belakang serta profesion (nama-nama yang digunakan adalah bukan nama sebenar) yang pernah terpengaruh serta terlibat sama ada dari segi mengamal, memperjuangkan mahupun menentang fahaman tersebut. Menyorot pada kisah dan pengalaman yang dipaparkan, jelas bahawa usaha penjajahan masih dipergiatkan secara berterusan oleh musuh-musuh Islam melalui penyebaran doktrin-doktrin agama, politik dan ekonomi yang berkiblatkan barat.

Kisah-kisah yang dipaparkan adalah realiti yang sedang mengancam akidah, pemikiran dan perpaduan umat Islam di Malaysia. Malah, kejayaan mempengaruhi sebahagian pertubuhan politik, pertubuhan bukan kerajaan dan individu-individu yang berpengaruh menyebabkan golongan yang menyokong fahaman tersebut semakin berani mencabar sistem pentadbiran, perundangan dan institusi raja yang turut melibatkan hak serta kedudukan Islam dan umat Melayu di negara ini. Seperkara lagi yang harus diberi perhatian adalah berkaitan dengan jati iman

dan jati diri umat Melayu yang menuntut pada pengukuhan khususnya dalam kalangan generasi muda sebagai peneraju pelapis dalam memartabatkan Islam, memelihara maruah bangsa dan memacu kemakmuran negara.

Pendedahan realiti mengenai bahaya dan ancaman fahaman liberalisme serta sistem republikan melalui naskhah ini diharapkan dapat membuka mata, hati dan fikiran masyarakat khususnya umat Islam untuk sama-sama memikul tanggungjawab serta memainkan peranan dalam menjamin survival Islam dan umatnya serta memelihara kedaulatan negara.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ingin mengucapkan “*Jazakumullahu Khairan Kathira*” kepada semua pihak yang sama-sama terlibat bagi menyiapkan buku yang amat berharga ini untuk kepentingan akidah umat Islam. Semoga dengan usaha yang kecil ini, akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di samping memberi kesedaran untuk mengeluarkan zakat bagi kemaslahatan ummah melalui lapan asnaf yang diwajibkan. Hasil ganjaran yang diperolehi melalui penerbitan buku ini akan dikongsi pahala dan manfaatnya oleh pengeluar zakat di akhirat kelak.

Sekian, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

YAD DATO' SETIA HAJI MOHAMAD ADZIB BIN MOHD ISA
Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS)

Pengenalan pada Fahaman Gerakan Liberal Republikan (GLR)

TAKRIFAN GLR

Secara umumnya, gerakan liberalisme mengambil pengaruh fahaman liberalisme barat. Ia menular ke seluruh aspek kehidupan manusia iaitu agama, ekonomi, budaya dan politik. Dalam konteks Malaysia, fahaman ini turut memainkan peranan untuk merealisasikan agenda pihak atau gerakan yang berusaha memperkenalkan sistem politik republikan. Ciri-ciri gerakan liberal republikan (GLR) antaranya termasuklah:

1.

- Mentafsir agama mengikut kesesuaian agenda politik dan fahaman longgar terhadap peranan Islam dalam pentadbiran negara.

2.

- Menggunakan label Islam tetapi dalam acuan yang menyeleweng segi akidah dan hukum syara'.

3.

- Menghakis peranan institusi raja yang bertindak sebagai payung dan pelindung Islam.

4.

- Mengesyorkan gantian oleh sistem 100% pilihan rakyat iaitu sistem pemerintahan republik tanpa lagi tertakluk pada hak Majlis Raja-Raja.

MODEL-MODEL REPUBLIK

1. • Parlimen + Presiden (Pilihan Rakyat) Dengan Kuasa Terhad
2. • Parlimen + Presiden (Dipilih Oleh Parlimen Dengan Kuasa Terhad)
3. • Kuasa Dikongsi Antara Perdana Menteri + Parlimen + Speaker
4. • Presiden Berkuasa Eksekutif
5. • Model Hibrid (Sistem Campuran)

REALITI PENGARUH GLR

- 1 Kata-kata penghinaan terhadap institusi raja mula berani dilontar dalam media sosial oleh pejuang, penyokong serta mangsa GLR.
- 2 Tokoh-tokoh tertentu dan segelintir golongan ikhtisas sudah mula mempersoalkan kuasa titah Diraja.
- 3 Konsep-konsep “rakyat”, “demokrasi”, “hak asasi”, “keadilan” dan konsep-konsep kemasyarakatan dimanipulasi secara intelek dan “reverse psychology”.
- 4 Tindakan undang-undang yang semakin toleran menambah pada kekeruhan.

DIAGNOSIS TERHADAP PENGARUH GLR

1.
 - Bibit-bibit awalan boleh merebak menjadi barah minda dan jiwa.
2.
 - Generasi muda khususnya akan semakin memisahkan diri mereka dari sejarah yang menjadi tunjang pada identiti negara dan kedudukan Islam.
3.
 - Isi kandungan manifesto, slogan perjuangan, hasil-hasil kajian dan pelbagai bentuk komentar akan diselitkan dengan pelbagai tanggapan negatif terhadap institusi raja.
4.
 - Serangan terhadap MAIN, JAIN, enakmen Islam dan kedudukan fatwa adalah sebagai sebahagian strategi untuk menghakis kuasa raja-raja.

IMPLIKASI DARIPADA PENYEBARAN FAHAMAN LIBERAL REPUBLIKAN

1.
 - Meletakkan Islam setaraf dengan agama-agama lain.
2.
 - Mengubah rupa Islam yang asal dan epistemologinya yang sebenar.
3.
 - Menutup ruang dakwah dan jihad dalam mempertahankan Islam kerana tertakluk pada suara majoriti rakyat.
4.
 - Menghapus peranan institusi raja sebagai pemayang kedaulatan dan kedudukan Islam di Malaysia.
5.
 - Mewujudkan ketidakstabilan sosiopolitik dalam negara.
6.
 - Menggalakkan penyebaran fahaman agama dan ideologi politik yang bertentangan dengan syariat Islam.
7.
 - Membuka peluang pada penjajahan pemikiran dan jiwa daripada pengaruh-pengaruh asing yang mempunyai agenda tersirat.
8.
 - Mencemar maruah serta martabat agama, bangsa dan negara termasuk mudah tunduk pada kehendak serta percaturan pihak berkepentingan.
9.
 - Menggadaikan hak-hak Islam dan umatnya atas nama perjuangan hak asasi yang tidak mahu melihat Islam sebagai tonggak negara.

SYOR MENGEKANG PENGARUH FAHAMAN LIBERAL REPUBLIKAN

1. • Memberi pendedahan sistematik dan mantap mengenai agenda GLR.
2. • Membuat semakan terhadap strategi pendidikan dan penjiwaan terhadap sejarah dan peranan institusi raja.
3. • Menerapkan pendidikan Perlembagaan Persekutuan.
4. • Menguatkuasakan undang-undang.
5. • Menyebarkan lambakan maklumat berhemah dan berusaha secara berjemaah dalam menyekat fahaman tersebut daripada berkembang melalui penulisan, wacana, perbincangan dan sebagainya.
6. • Mengusulkan isu dan permasalahan berkaitan fahaman liberal republikan dijadikan sebagai sebahagian agenda perbincangan utama di Majlis Raja-Raja serta disusuli dengan tindakan yang segera dan tegas.



KISAH-KISAH KEINSAFAN



KISAH 1

AKU YANG DULU SEORANG PEJUANG LIBERALIS REPUBLIKAN

Senario politik tanahair memperlihatkan terdapatnya usaha dan perancangan halus sedang dirangka untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara liberal republikan. Perancangan tersebut bukan sahaja melibatkan pihak yang kurang bertanggungjawab dalam negara tetapi juga campur tangan daripada kuasa-kuasa asing yang mempunyai agenda tersendiri. Hal ini diperakui oleh Dr. Rosman Ibrahim yang merupakan bekas aktivis liberal republikan dan akhirnya meninggalkan perjuangan sia-sia tersebut disebabkan perasaan cinta beliau terhadap agama, bangsa dan negara.

Dr. Rosman berkhidmat sebagai seorang pensyarah di salah sebuah universiti di Lembah Klang. Beliau amat meminati bidang politik dan pemikiran. Justeru, tidak hairanlah pemikiran logikal dan kritikal menjadi asas pada pandangan serta hujah beliau. Perkembangan politik tanahair juga mendorong Dr. Rosman meneliti perjalanan sejarah serta fahaman liberalisme di Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Holland dan negara-negara barat yang lain. Karya-karya aliran liberalisme seperti *Two Treatises on Government* (oleh John Locke), *The Spirit of the Laws* (oleh Charles de Secondat) dan *A Treatise on Human Nature* (oleh David Hume) menjadi rujukan awal beliau dan berjaya dihadap sepenuhnya. Begitu juga dengan karya Adam Smith, seorang ahli ekonomi dan

falsafah pada abad ke-18 yang memajukan pemikiran ekonomi liberal menerusi karyanya, *The Theory of Moral Sentiments* dan *The Wealth of Nation*, beliau berpandangan seseorang individu boleh membina kehidupan yang tinggi dengan nilai-nilai moral dan keutuhan berekonomi tanpa bimbingan atau arahan daripada negara. Sesebuah negara itu mampu menjadi kuat apabila rakyatnya bebas dalam setiap rinci kehidupan mereka. Teori ini dikemukakan bertujuan untuk memperkenalkan "*laissez-faire*" iaitu sebuah kerajaan yang berasaskan pasaran bebas yang mana secara tidak langsung menghapuskan sistem feudalisme, polisi-polisi merkantalisme dan monopoli.

Berdasarkan pada penelitian Dr. Rosman terhadap karya-karya tersebut, beliau menyimpulkan bahawa dalam beberapa aspek, Malaysia juga terkena tempias sistem ala feudal serta amalan kronisme dan monopoli yang menyumbang pada jurang kapitalisme, jenayah rasuah dan kualiti pembangunan turut terjejas. Di samping itu, ia menjadi penghalang pada survivalisme golongan usahawan atau kontraktor yang bukan daripada kalangan kroni seseorang pemimpin yang berpengaruh.

Dr. Rosman memperluaskan perspektif fahaman liberalisme dengan menyelusuri sejarah rangkaian revolusi rakyat dalam peradaban manusia. Dr. Rosman memberi beberapa contoh revolusi rakyat dunia yang menyumbang pada perkembangan fahaman liberalisme. Glorious Revolution (1688) memperlihatkan revolusi berkenaan memperkukuhkan Parlimen Britain dan mengurangkan kuasa raja dengan kerap menggantikan seorang raja dengan raja yang lain. Manakala Revolusi Amerika pula menterjemahkan ide liberalisme dan prinsip republik yang didukung oleh golongan radikal sehingga berjaya menolak tradisi sedia ada. Malah, ide dan prinsip tersebut berjaya mempengaruhi para peneroka New England menentang kuasa Britain atas nama kehidupan, kebebasan dan kesenangan. Dalam pada itu, Revolusi Perancis mencatat sejarah apabila berjaya menggulingkan raja,

aristokrat dan institusi gereja Roman Katholik. Fahaman liberal semakin kukuh apabila Lafayette membawa masuk ide-ide liberalisme yang baharu dari Amerika Syarikat ke Perancis. Beberapa tahun kemudian satu kumpulan bergelar Jacobin telah memusatkan kuasa mereka sendiri dan tidak mengendahkan undang-undang dan peraturan. Keadaan ini akhirnya menyebabkan *Reign of Terror*. Dalam hal ini, meskipun republikan berperlembagaan yang diperjuangkan, Napoleon Bonaparte, seorang tokoh dalam bidang politik dan ketenteraan menjadi maharaja sedangkan sebelum itu beliau asalnya adalah seorang konsul. Seterusnya, kempen peperangan oleh Napoleon Bonaparte telah menyumbang pada penyebaran fahaman liberalisme ke seluruh Eropah.

Menurut Dr. Rosman hasil pengamatan beliau terhadap sejarah revolusi rakyat di dunia dan perkongsian pemikiran dengan rakan-rakannya yang mempunyai minat yang sama untuk memahami liberalisme, pemikirannya mula menyetujui prinsip liberalisme republikan. Dr. Rosman mula mempersoalkan peranan dan kredibiliti institusi Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah dan ketua agama sesebuah negeri. Dr. Rosman meragui apakah semangat "*raja dan rakyat berpisah tiada*" masih dipelihara oleh institusi raja mahupun rakyat. Adakah institusi raja masa kini mempunyai kesungguhan yang sama seperti raja-raja pada zaman Kesultanan Melayu yang awal dari segi menjaga kebajikan rakyat dan memelihara kedaulatan Islam? Persoalan-persoalan ini membuatkan Dr. Rosman merasa terpacu untuk memainkan peranan bagi memperbaiki taraf hidup serta memperjuangkan hak rakyat marhaen.

Ketika semangat inginkan perubahan dalam sistem politik negara, Dr. Rosman berpegang pada pendirian bahawa langkah pertama dan utama untuk menyelamatkan rakyat adalah dengan mengubah sistem pemerintahan negara pada suatu sistem ala republik serta menanam semangat liberalisme dalam masyarakat.

Dr. Rosman menambah, ketika itu beliau mengagumi amalan pentadbiran republik dan liberalisasi ekonomi oleh Amerika Syarikat. Dr. Rosman juga mengidamkan negara ini dikuasai sepenuhnya oleh rakyat. Malah menurut Dr. Rosman, beliau ketika itu meyakini konsep pemerintahan republik kerana ia telah diamalkan berabad-abad lamanya seperti Republik Rom yang bertahan semenjak dari 509 SM sehingga 44 SM. Republik Rom memperkenalkan prinsip-prinsip seperti *annuality* (memegang jawatan selama satu tahun sahaja) dan *collegiality* (dua orang memegang jawatan ketua negara) yang berjaya meletakkan rakyat sebagai aset penting dalam mencorakkan sesuatu dasar kerajaan.

Harapan Dr. Rosman akhirnya menemui jalannya apabila beliau terlibat dengan perjuangan bawah tanah yang digelar sebagai Pencetus Revolusi Negara yang dipimpin oleh Dato' Suria, seorang tokoh nasionalis dan bekas pemimpin kerajaan yang dikaguminya. Dato' Suria mempunyai pengaruh yang kuat dan pengikut yang ramai kerana dipandang sebagai pemimpin yang lantang bersuara dan penggerak kepada revolusi yang dituntut oleh sebahagian rakyat. Beliau melalui hukuman penjara selama 10 tahun kerana didakwa menghasut rakyat dan memberi ancaman pada keselamatan negara. Sepanjang Dato' Suria menjalani hukuman, Dr. Rosman bersama ahli-ahli Pencetus Revolusi Negara terus menggerakkan rencana organisasi haram ini. Sejurus sahaja Dato' Suria dibebaskan dari penjara, Pencetus Revolusi Negara didaftarkan sebagai sebuah parti politik dengan nama Parti Revolusi Nasional. Parti Revolusi Nasional yang dipimpin oleh Dato' Suria terus mengatur strategi-strategi licik untuk merealisasikan matlamat parti. Dr. Rosman merasakan ketika itu perjuangannya semakin mencabar. Perjuangan yang pada awalnya untuk memulihkan taraf hidup rakyat, sedikit demi sedikit menuju ke arah strategi meruntuhkan fungsi dan institusi raja. Dr. Rosman menyatakan ketika itu beliau amat meyakini perjuangan Parti Revolusi Nasional. Dr. Rosman percaya bahawa penghapusan institusi raja akan membawa satu perubahan untuk

agama, bangsa dan negara.

"Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merancangkan tipu daya dan Allah pula membalas tipu daya (mereka), dan ingatlah, Allah sebijak-bijak yang membalas (dan menggagalkan segala jenis) tipu daya." Firman Allah SWT tersebut menerusi Surah Ali 'Imran, ayat 54 cukup menjelaskan bahawa Dia Maha Berkuasa dalam menetapkan sesuatu perkara. Sehebat mana kuasa, sebijak mana akal pemikiran dan selicik mana pun tipu daya seseorang tidak akan mampu mengatasi kekuasaan dan kehendak Allah SWT. Dr. Rosman menyatakan bahawa rakyat Malaysia khususnya umat Islam harus bersyukur kerana Allah masih melindungi Islam serta memelihara keselamatan dan keamanan negara. Dr. Rosman juga mengingatkan supaya umat Islam sentiasa merujuk pada Al-Qur'an dan Al-Sunnah dalam mencari apa juga penyelesaian. Tidak salah untuk menimba pengetahuan dan mencari maklumat daripada karya-karya barat tetapi sekiranya kurang berhati-hati dan hanya bersandar pada pemikiran logik sahaja akan menjerumuskan seseorang pada fahaman yang membinasakan. Seperkara lagi tambah Dr. Rosman, masyarakat terutamanya generasi muda umat Melayu perlu memperkukuhkan jati iman dan jati diri supaya tidak mudah dipengaruhi atau dimanipulasi oleh pihak yang mempunyai agenda tersirat. Berdasarkan pengalaman beliau sendiri dan pengamatannya, umat Melayu mudah terikut-ikut serta mudah dibakar sentimen mereka. Umat Melayu menurut Dr. Rosman, masih dengan sikap terburu-buru dan ingin mencapai sesuatu dengan segera serta kurang mempertimbangkan kesan jangka panjang.

Dr. Rosman turut menegaskan bahayanya memberi ruang kepada musuh. Beliau juga menyatakan kegusarannya tentang tipu daya musuh yang berjaya menyelinap dalam jiwa dan pemikiran masyarakat serta memecahbelahkan umat Melayu khususnya. Berapa ramai golongan profesional dan ahli akademik sepertinya yang terperangkap dalam agenda musuh dan konco-

konconya, inikan pula rakyat marhaen yang terbatas kemampuan mereka dari segi pemikiran serta peluang mendapatkan maklumat yang benar, tepat dan sahih.

Dr. Rosman pernah tersasar langkah dalam memilih jalan, tersilap percaturan dalam memilih wadah perjuangan dan tersalah pertimbangan dalam memilih pemimpin. Tokoh yang dikaguminya dan diyakini mampu memberi sinar baharu kepada negara rupanya mempunyai agenda tersirat yang boleh menggugat agama, bangsa dan negara serta mencetuskan imperialisme atau penjajahan halus musuh terhadap tanahair. Dr. Rosman menyedari akan agenda tersebut apabila dimaklumkan oleh seorang rakannya yang juga merupakan akitivis Parti Revolusi Nasional bahawa beberapa pemimpin tertinggi parti telah berjumpa dengannya dan beberapa aktivis lain. Mereka menceritakan rancangan sulit Dato' Suria bersama beberapa individu yang dipercayai dihantar khas oleh ejen risikan CIA dari Amerika Syarikat. Pertemuan tersebut dirakamkan dan salah seorang pemimpin tertinggi Parti Revolusi Nasional yang kurang bersetuju dengan tindakan pemimpin berkenaan telah membuat salinan rakaman tersebut. Dr. Rosman sendiri terkejut dengan kandungan rakaman tersebut dan bukan sahaja merasa tertipu tetapi juga bimbang pada kesan yang akan menimpa rakyat dan negara sekiranya ia berlaku.

Berdasarkan rakaman berkenaan, ejen CIA tersebut telah menawarkan kepada Dato' Suria pembiayaan dan tajaan penuh kepada partinya untuk menggerakkan kempen secara besar-besaran bagi memenangi dan menguasai majoriti besar dalam pilihan raya umum. Kejayaan mencapai majoriti akan memberi ruang pada usaha meminda perlembagaan dan mengehadkan atau menghapuskan kuasa Raja-Raja Melayu. Ringkasnya, perbincangan tersebut menjurus pada usaha mengubah negara sebagai sebuah negara republikan di samping mengamalkan prinsip-prinsip liberalisme. Beberapa isu lain turut dibangkitkan termasuklah menjalinkan hubungan diplomatik dengan Israel,

membenarkan Amerika Syarikat membuka pangkalan tentera di negara ini, menyediakan seluas-luasnya peluang perdagangan untuk Amerika Syarikat serta menerapkan dasar pluralisme dalam Perlembagaan Negara dengan alasan kesaksamaan sosial dan kebebasan beragama.

Menurut Dr. Rosman, pada peringkat awal beliau kurang mempercayai rakaman tersebut. Namun begitu, Dr. Rosman mengambil inisiatif menyasiat perkara berkenaan dengan bertanya kepada beberapa kenalan rapat Dato' Suria. Dr. Rosman juga memperhalusi setiap perancangan, strategi, tindakan, lawatan, perbincangan dan ucapan Dato' Suria. Ternyata ada kebenarannya bahawa Dato' Suria memainkan watak "*duri dalam daging*" dan "*talam dua muka*" serta "*gunting dalam lipatan*" semata-mata untuk memenuhi agenda peribadi dan politiknya.

Di samping itu, Dr. Rosman mengambil masa lebih dari sebulan untuk mengkaji semula sistem beraja negara ini serta mendapatkan pandangan beberapa ahli sejarah, ahli perundangan dan cendekiawan berkenaan sistem dan institusi raja. Hakikatnya, sistem dan institusi raja yang sememangnya telah termaktub dalam Perlembagaan Negara lebih membawa kebaikan khususnya dari segi melindungi Islam, umat Melayu dan perpaduan sosial. Dalam konteks ini, apa yang menjadi permasalahan bukanlah sistem atau institusi berkenaan tetapi sikap serta keperibadian segelintir raja atau kerabat mereka yang telah mencemarkan imej institusi berkenaan. Sekiranya golongan yang berkaitan dengan institusi raja ini lebih menjaga etika dan tingkah laku mereka tentu sahaja rakyat lebih menghormati institusi ini.

Perspektif Dr. Rosman terhadap fahaman dan prinsip liberalisme turut berubah setelah beliau merujuk kepada beberapa orang agamawan bagi mendapatkan kepastian mengenainya menurut kerangka Islam. Liberalisme bukan sahaja menjadi ancaman pada ekonomi tetapi lebih menggusarkan adalah ia

mampu merosakkan akidah umat Islam serta meruntuhkan institusi sosial. Dr. Rosman menambah, ketika itu beliau merasa tidak sanggup melihat Islam menjadi taruhan yang akhirnya nasib Islam serta umat Melayu tergadai di tanahair sendiri hanya kerana ingin melakukan revolusi terhadap sistem pentadbiran dan ekonomi.

Dr. Rosman dan beberapa pemimpin tertinggi dan aktivis Parti Revolusi Nasional mengambil keputusan meletakkan jawatan dan meninggalkan parti berkenaan. Pengalaman tersebut menurut Dr. Rosman menjadi pengajaran kepada beliau bahawa sesuatu pendirian tidak boleh berlandaskan emosi, persepsi dan teori mempersona semata-mata. Tekstualiti perlu diiringi dengan kontekstualiti. Begitu juga sifat taksub dan jumud terhadap seseorang tokoh atau sesebuah parti perlu dijauhi supaya terhindar daripada mengambil pendirian dan keputusan yang salah.

KISAH 2

KEBERKATAN DOA IBU

“Hidayah Allah serta kasih dan doa seorang ibu”, jawab Fathi apabila ditanya mengenai punca utama dia meninggalkan fahaman liberalisme yang diperjuangkannya sebelum ini.

Fathi Ikhsan pengarah filem yang pernah mencipta nama di Perancis berkongsi pengalamannya terpengaruh dengan fahaman liberalisme. Bercerita tentang latar belakang kehidupannya semenjak kecil, ternyata kehidupannya sebagai anak yatim dan satu-satunya waris peninggalan arwah bapanya begitu mempengaruhi keperibadiannya sebagai seorang yang berdikari, suka bersendirian dan keras hati. Namun begitu, Fathi dikurniakan seorang ibu yang penyayang, penyabar dan lemah-lembut dalam mendidiknya. Ibu Fathi membesarkannya dengan penuh kasih sayang serta memberi pendidikan duniawi dan ukhrawi yang secukupnya kepada Fathi. Fathi yang dibesarkan tanpa figura seorang bapa cuba melindungi kekurangannya itu berbanding dengan kehidupan rakan-rakannya yang lain dengan sifat degil dan sentiasa merasakan dirinya betul. Ibu Fathi tidak jemu-jemu menasihatinya meskipun segala nasihat yang diberi ibarat, *“seperti mencurahkan air di daun keladi”*.

Fathi juga seorang pelajar yang pintar dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi sehingga sering mendapat tempat pertama sama ada dalam ujian akademik mahupun beberapa

siri pertandingan yang disertainya. Kecemerlangannya dalam bidang akademik dan bukan akademik membuka jalan untuknya melanjutkan pengajian ke salah sebuah universiti di Perancis. Fathi memutuskan untuk mengikuti kursus yang menepati jiwanya iaitu seni media. Corak pemikiran Fathi yang berbeza dengan rakan-rakan senegaranya menyebabkan Fathi lebih selesa bergaul dengan pelajar dari negara-negara lain terutamanya Amerika Syarikat, United Kingdom dan Perancis. Pergaulannya tersebut menyebabkan sedikit demi sedikit pemikiran dan budaya barat mula menular dalam diri Fathi. Meskipun begitu, Fathi masih lagi berpegang pada agama Islam dan tidak lupa untuk mendirikan solat.

Mengimbas kembali penglibatannya dalam memperjuangkan pemikiran liberalisme, Fathi tidak menafikan perubahan corak kehidupannya yang semakin dipengaruhi oleh budaya barat membentuk pemikiran dan pendiriannya. Sambil mengeluh panjang, Fathi memetik sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, *“Seseorang itu mengikut agama temannya, oleh itu hendaklah seseorang itu meneliti siapa yang menjadi temannya”*. Menurut Fathi, kedangkalannya dalam ilmu agama dan perubahan gaya hidupnya menyebabkan dia lalai terhadap pesanan Baginda dan dengan mudah hanyut dalam aliran pemikiran dan budaya baharu yang kononnya lebih mencerminkan kebebasan dan kemajuan.

Pegangan dan amalan Islamnya semakin longgar. Beliau juga amat jarang malah hampir melupakan ibunya di Malaysia kerana leka dengan gaya hidupnya yang dirasakan penuh kebebasan, kemajuan dan keseronokan. Masa beliau banyak dihabiskan dengan rakan-rakan yang sealiran dengan pemikirannya semakin mendorong Fathi memberi ide-ide baharu dan kreatif termasuk yang bertentangan dengan prinsip Islam. Beliau dan rakan-rakannya kemudian mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah syarikat yang menghasilkan filem atau drama pendek.

Ketika itu menurut Fathi, beliau bukan sahaja memajukan ide-ide barat yang sering kita tonton dalam filem-filem negara barat seperti tentang kebebasan, persamaan hak, keseronokan dan hiburan tetapi juga secara tidak langsung telah memberi perspektif yang berbeza dan tersasar daripada prinsip Islam. Ini adalah kerana dalam kelompoknya, Fathi adalah satu-satunya Muslim. Memandangkan rakan-rakan Fathi amat menghormati dan menyanjungi kreativiti beliau, maka segala ide yang diketengahkan oleh Fathi pada padangan mereka dikira benar dan diterima oleh Islam.

Fathi semakin hanyut apabila filem dan drama terbitan syarikatnya bukan sahaja mendapat sambutan baik daripada masyarakat tempatan tetapi juga antarabangsa. Konsep filem dan drama terbitan syarikat Fathi dan rakan-rakannya banyak berkisar tentang kehidupan anak muda yang inginkan kebebasan, memenuhi cita-cita dan kemahuan melalui apa juga cara serta tidak kurang juga memaparkan gaya hidup dan pergaulan bebas dan hiburan yang melampau sebagai saluran mengatasi tekanan. Lebih menyedihkan menurut Fathi, beliau juga berkompromi menggunakan nama-nama Islam bagi beberapa watak dalam filem atau dramanya bertujuan untuk menunjukkan kononnya Islam adalah agama yang terbuka dan bertoleransi terhadap semua perkara atau keadaan. Kemuncak pencapaiannya adalah apabila beberapa filem terbitan syarikatnya bersama rakan-rakan mendapat '*box-office*'. Fathi mula mempunyai pengikutnya sendiri yang meminati karya beliau. Beliau juga semakin popular dan sering dijemput oleh media-media tempatan di Perancis untuk berkongsi pengalaman mengenai pembikinan filem dan dramanya yang sering mendapat sambutan ramai.

Pencapaian demi pencapaian mendorong Fathi untuk mengembangkan ide karya seninya ke Malaysia. Kepulangannya ke Malaysia dengan azam untuk menghasilkan sebuah filem yang menjadi trend anak muda serta mengubah gaya hidup

mereka. Fathi juga memasang impian untuk membentuk generasi muda yang boleh menjadi pelapis bagi mempertahankan dan memperjuangkan pemikiran liberalisme yang amat diyakininya pada ketika itu. Ibu Fathi amat gembira dengan kepulangan Fathi yang amat dirindunya walaupun jauh di sudut hatinya terasa seperti dipinggirkan kerana sekian lama Fathi tidak bertanya khabar apa lagi untuk memaklumkan kepadanya lebih awal mengenai kepulangannya ke Malaysia. Sejurus sahaja sampai ke kampungnya, ibu Fathi terkejut dengan perubahan penampilan Fathi dengan fesyen pakaian dan gaya rambut terpacak yang menyakitkan pandangan serta lenggok bahasa yang hilang nilai kesantunan budaya Melayu. Menurut Fathi, ibunya tetap menyambut kepulangannya dengan penuh kasih sayang, tenang dan gembira walaupun pada ketika itu jelas terpancar perubahan pada wajah ibunya sejurus sahaja dia menjejakkan kaki di halaman rumah ibunya.

Fathi semakin bergiat aktif untuk menghasilkan sebuah cerita yang berkonsepkan suara anak muda menuntut kebebasan. Dalam pada itu, senario tanahair mengenai institusi Raja-Raja Melayu juga menarik perhatian Fathi untuk memaparkan sisi negatif institusi berkenaan melalui karyanya. Fathi memanfaatkan kreativitinya untuk mempengaruhi pemikiran masyarakat melalui garapan cerita yang ringan dan santai serta mudah diterima umum. Namun begitu, karya Fathi tidak terkecuali daripada menerima kritikan daripada golongan yang masih berpegang kuat pada ajaran Islam serta memelihara nilai-nilai murni masyarakat timur, melindungi maruah bangsa dan menghormati kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu. Kritikan dan cemuhan daripada golongan berkenaan tidak dipedulikan oleh Fathi kerana keyakinannya terhadap fahaman dan pemikiran liberalisme telah menjadi satu prinsip dalam hidupnya.

Benarlah firman Allah SWT melalui ayat 213 dari Surah Al-Baqarah yang bermaksud, *"Allah memberikan hidayah kepada*

siapa yang dikehendakiNya kepada jalan yang lurus.”. Sesungguhnya hidayah itu adalah milik Allah dan Dia yang layak secara mutlak memberi hidayah kepada sesiapa sahaja dari kalangan hamba-hambaNya. Begitu jugalah dengan titik pusingan bagi Fathi yang mendapat hidayah Allah untuk kembali pada ajaran Islam yang sebenar dan meninggalkan fahaman liberalisme yang menyesatkannya. Allah SWT mentakdirkan Fathi terdengar rintihan doa ibunya yang cukup menyentuh hatinya. Menurut Fathi, masih terngiang-ngiang di telinganya ungkapan doa ibunya yang cukup meruntun hati Fathi iaitu;

“Ya Allah seandainya anak kesayanganku terleka dengan keduniaan yang membawanya jauh daripadaMu, maka itulah kesalahan dan kekurangan dalam didikanku kepadanya, maka hukumlah aku dan janganlah Engkau biarkan anakku menanggung kekhilafanku. Ya Allah, ampunkanlah segala dosanya terhadapMu sama ada secara sedar atau tidak sedar kerana perjalanan hidupnya masih panjang berbanding diriku. Ya Allah, hambaMu ini telah memaafkan segala kesalahan anakku kepadaku kerana tiada manusia yang sunyi daripada melakukan kesilapan dan mungkin ia adalah hukumanMu terhadap terhadap dosa-dosaku yang lalu. Ya Allah jadikanlah anakku seorang anak yang soleh serta lindungilah anakku daripada segala bahaya yang boleh membuatnya sakit dan terluka.”

Begitulah mulianya hati seorang ibu terhadap anaknya. Kasih sayang ibu tiada tandingan dan kekal sehingga ke akhirat. Doa tulus seorang ibu menginsafkan Fathi mengenai jalan hidup dan pemikirannya yang semakin jauh tersasar. Fathi segera mendapatkan ibunya lantas memeluk erat ibunya sambil memohon ampun. Ibu Fathi memanjatkan kesyukuran kepada Allah sambil mengungkapkan kata-kata semangat kepadanya, *“Ibu sangat sayang kepada Fathi dan Allah sangat menyayangi hambaNya yang menyesali kesalahan lampayunya.”*. Selepas itu, ibu Fathi menghulurkan sehelai sejadah serta baju Melayu bersama kain pelikat peninggalan arwah ayahnya. Fathi menyambutnya dengan

deraian air mata dan bergegas ke bilik air untuk mengambil wuduk. Ibu Fathi menasihatinya supaya mendirikan solat taubat dan hajat agar Allah SWT mengampuni dosa-dosanya, ditetapkan iman serta sentiasa mendapat petunjuk daripada Allah dalam segenap kehidupannya selepas ini.

Hari-hari berikutnya, Fathi dapat merasakan rasa kesal masih berbekam di hatinya kerana dek ketipisan iman, kedangkalan ilmu agama, keegoan yang tinggi serta kesilapan memilih teman dan gaya hidup menyebabkan Fathi mengkhianati agama, bangsa dan negaranya. Begitu juga, tanpa sifat sabar dan doa seorang ibu, Fathi hampir pasti menggolongkan dirinya sebagai anak derhaka. Malah, lebih membebankan perasaan Fathi adalah keterlanjurannya mempengaruhi pemikiran masyarakat termasuk anak-anak muda untuk meyakini fahaman liberalisme. Atas kesedaran ini, menerusi media siber, Fathi segera mengisytiharkan kesalahannya, memohon maaf kepada semua pihak yang terpengaruh dengan ide dan pemikiran liberalisme yang diketengahkannya serta membuat keputusan untuk menghasilkan karya perfileman dan drama yang bersifat Islamik. Banyak pihak dan ramai antara rakan-rakannya serta para peminat karyanya tidak bersetuju dengan tindakannya dan sebahagian besar daripada mereka menarik balik segala bentuk sokongan yang diberikan serta melontarkan pelbagai cemuhan kepada Fathi. Namun begitu, Fathi telah membulatkan tekadnya kerana bagi beliau memadailah dia mendapat pertolongan daripada Allah SWT, galakan daripada ibu dan sokongan daripada pihak atau ahli masyarakat yang meyakini perjuangannya untuk mendaulatkan kedudukan Islam, bangsa dan negara.



KISAH 3

ANTARA PERJUANGAN DAN PENGKHIANATAN

Islam dan umatnya sering dicemburui oleh musuh-musuhnya. Senario ini sememangnya berlaku sepanjang zaman. Dalam konteks Malaysia, umat Melayu secara umumnya beragama Islam. Justeru, tidak hairanlah mengapa umat Melayu dijadikan sasaran sebagai alat untuk mengembangkan fahaman liberalisme serta propaganda musuh untuk membentuk sistem politik republikan di negara ini.

Strategi dan matlamat musuh ini berjaya memerangkap ramai anak Melayu termasuklah Fitri, seorang anak kampung dari sebuah keluarga yang sederhana. Fitri menerima pendidikan Islam yang kukuh. Di sekolah, Fitri ditarbiah mengikut syariat Islam dengan konsep '*biah solehah*'. Namun begitu, pendidikan dan pendedahan awal yang diterima oleh Fitri mengenai Islam bukanlah satu jaminan bahawa dia tidak akan dipengaruhi oleh ajaran atau fahaman lain. Hal ini terbukti apabila Fitri melanjutkan pengajiannya di luar negara. Sewaktu menjalani kehidupan di luar negara, Fitri bergaul dengan pelbagai bangsa dari seluruh dunia. Teman akrab Fitri ketika itu adalah Iswadi iaitu rakan senegaranya dan Richard Maxwell yang berasal dari Amerika Syarikat. Richard mempunyai pengetahuan yang luas tentang perbandingan agama dan doktrin di dunia. Fakta dan hujah yang dikemukakan oleh Richard sering mengagumkan Fitri dan Iswadi. Tanpa disedari,

Richard berjaya mempengaruhi pemikiran Fitri dan Iswadi.

Menurut Fitri, Richard sering menyentuh tentang kebebasan individu menguasai penguasa dan kelompok sosial. Ini bererti kebebasan individu mengatasi kerajaan dan agama rasmi sesebuah negara itu sendiri. Konsep ini adalah sebahagian daripada teras pemikiran liberalisme. Liberalisme pula sering digandingkan dengan konsep pluralisme termasuklah pluralisme agama iaitu kesamarataan agama. Dalam konteks liberalisme dan pluralisme, banyak perkara yang haram di sisi Islam menjadi halal atau dibenarkan.

Setelah menamatkan pengajian, Fitri membawa pulang bersama fahaman dan aliran pemikiran tersebut ke Malaysia. Malah, lebih menyedihkan Fitri turut aktif menyebarkannya dan mempunyai pengikut. Menurut Fitri, anak muda Melayu yang paling mudah dipengaruhi khususnya apabila mereka diyakinkan dengan perjuangan menuntut hak sama rata sebagai satu pendekatan untuk mengharmonikan masyarakat.

Berdasarkan pengalaman beliau, Fitri menjelaskan bahawa apabila seseorang itu telah meyakini fahaman liberalisme maka dengan mudahnya juga mereka menerima konsep-konsep seperti pluralisme dan republikan. Begitu jugalah diri Fitri dalam usahanya menyebarkan pengaruh Islam Liberal.

Bagi golongan yang mempunyai ilmu dan asas agama yang kuat tentu sahaja menolak prinsip Islam Liberal. Ini adalah kerana secara dasarnya, Islam itu bersifat syumul dan tidak perlu disifatkan semula seperti memperkenalkan konsep Islam Liberal. Berbeza pula bagi golongan yang mempunyai kefahaman Islam yang cetek tentu sahaja mereka mudah menerima dan berpegang pada pandangan Fitri yang menggunakan alasan Islam Liberal itu adalah sebahagian daripada usaha tajdid iaitu pembaharuan ke atas agama Islam yang selama ini dianggap rigid.

Siapa yang tidak mahu bergelar mujadid terutama bagi golongan yang baharu mahu berjinak-jinak mendalami serta menghayati ajaran Islam atau golongan yang mendapati prinsip-prinsip tertentu dalam fahaman tersebut menyebelahi dan memenuhi kepentingan mereka. Golongan seumpama ini mudah mengagumi sesuatu secara zahir sahaja. Kalau seseorang itu tidak kuat asas Islamnya, mereka mudah terpengaruh. Mereka terpesona dengan pemikiran liberal dan menganggap ia satu usaha tajdid bagi memperbaharui dan memajukan negara. Sehingga sampai ke satu tahap mereka menyimpulkan bahawa Islam di Malaysia tidak akan maju dan umatnya akan sentiasa berada pada takuk lama sekiranya Islam Liberal ini ditolak serta tidak dijadikan pegangan.

Inilah yang disebutkan sebagai penyesatan dan kelencongan pemikiran secara terancang. Kelencongan pemikiran ini adalah satu ancaman bagi akidah umat Islam kerana ia berlaku tanpa disedari. Kiasan mudahnya, jika seseorang itu sedang berjalan lurus kemudian membelok sedikit, akhir di hujungnya golongan ini akan jauh dari jalan keluar. Itulah hakikat yang berlaku pada Islam Liberal ini.

Puncanya, pertama sekali adalah takjub kepada barat. Fitri menambah, jika pergi ke negara barat memang secara zahirnya ramai yang terpegun. Beliau memberi contoh masyarakat di Australia gemar membawa anjing peliharaan mereka bersiar-siar. Terdapat undang-undang di Australia yang mana jika anjing tersebut membuang najis di atas jalan, tuannya terpaksa mengutip dan membersihkannya. Pihak berkuasa tempatan di sana ada menyediakan kemudahan plastik di wakaf-wakaf atau taman rekreasi untuk tujuan tersebut. Sekiranya tuan kepada anjing peliharaan tersebut tidak membersihkannya maka akan dikenakan denda.

Islam Liberal yang diperjuangkan oleh Fitri dan pertubuhan yang dianggotainya ternyata mempunyai agenda tersirat

khususnya bagi mengubah sistem dan senario politik negara. Justeru, mendapatkan sokongan kuat daripada masyarakat adalah sesuatu yang kritikal untuk dicapai dengan matlamat mengembangkan liberalisme serta menggugat sesebuah kerajaan. Berbalik kepada suasana di Malaysia, Islam adalah agama Persekutuan di bawah naungan institusi raja yang diketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong. Bagi negeri-negeri pula ia dinaungi oleh sultan atau raja. Modus operandi bagi mengembangkan liberalisme ini termasuklah memansuhkan institusi raja kerana mereka tidak mahu melihat Islam yang hakiki bertapak di Malaysia. Golongan ini juga bercadang menggantikan sistem demokrasi raja berperlembagaan yang menjadi amalan negara ini semenjak merdeka dengan sistem pentadbiran republik. Sistem republik ini adalah mengikut pemerintahan majoriti dan kuasa sepenuhnya adalah tertakluk pada parti yang dominan ke atas negara tersebut. Justeru, ini amat membimbangkan kerana sekiranya hal ini terjadi, tidak mustahil agama Islam kita di Malaysia sebagai agama rasmi Persekutuan akan terhapus sepenuhnya. Tentu sahaja kita tidak mahu nasib Islam di Malaysia mengulangi sejarah dan pengalaman sepertimana di Indonesia yang mana kebebasan untuk beragama adalah begitu ketara sekali.

Golongan ini juga giat menjayakan pelbagai forum wacana liberal. Antaranya, wacana yang dianjurkan oleh Islam *Rennnaissance Front* (IRF) dengan kerjasama institusi gereja. Wacana yang membincangkan tentang konsep negara Islam berkenaan dianjurkan di sebuah di gereja. Persoalannya, mengapa ia perlu dibincangkan di gereja? Kenapa ia tidak dibincangkan di masjid atau institusi Islam sendiri? Ternyata ini adalah antara strategi halus musuh untuk menggambarkan kegagalan konsep Islam bernegara kepada masyarakat. Strategi halus ini telah lama mereka guna pakai kerana orientalis barat banyak menulis tentang *the failure of political Islam* atau kegagalan politik Islam. Perkara inilah yang mereka cuba serapkan dalam masyarakat dan negara ini.

Wacana-wacana seumpama ini mereka anjurkan supaya akhirnya masyarakat boleh menerimanya. Lebih menyedihkan ia mendapat sokongan daripada sebahagian daripada tokoh dan sarjana Islam. Malah, bagi membuktikan sokongan, mereka sanggup mengeluarkan kenyataan yang menyalahbeli puak Islam Liberal tersebut.

Fitri turut mendedahkan bahawa golongan Islam Liberal ini melalui pertubuhan mereka mempunyai perancangan serta strategi yang sangat licik. Golongan ini juga bijak memutarbelitkan fakta, konsep dan hukum yang termaktub dalam ajaran Islam. Contohnya, konsep *maqasid syar'iiyyah* yang bermaksud menjaga agama telah diputarbelitkan sebagai menjaga semua agama. Di samping itu, wacana-wacana yang dianjurkan turut memberi ruang dan menyediakan platform untuk aliran Syiah bertapak di Malaysia. Dalam hal ini, mereka menganjurkan beberapa siri seminar untuk merungkai ajaran Islam yang tulen ini yang mana penceramah-penceramah yang dijemput membentangkan kertas seminar terdiri daripada individu yang berpegang kuat pada ajaran Syiah.

Sesungguhnya kisah dan pengalaman Fitri ini masih menuntut jalan penyelesaian secara berhikmah, strategik, istiqamah dan tepat. Usaha membendung fahaman liberal republikan ini adalah tanggungjawab bersama umat Islam di Malaysia. Umat Islam perlu bersatu padu dalam menangani isu akidah ini walaupun berlainan ideologi politik. Masyarakat perlu berlapang dada dan berjiwa besar dalam hal akidah ini andai mahu melihat generasi Malaysia khususnya umat Islam akan datang tidak dinodai anasir luar yang berupaya mengancam akidah mereka serta kestabilan negara.

KISAH 4

KETAKSUBAN YANG MEMBAWA PADAH

Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu sama ada ilmu ukhrawi mahupun ilmu duniawi. Namun begitu, Islam juga menganjurkan umatnya supaya berhati-hati dalam pencarian dan pengamalan ilmu. Semakin tinggi iman dan ilmu seseorang, semakin besar ujian untuknya. Ini adalah kerana iblis dan syaitan sentiasa mencari peluang untuk menyesatkan manusia sebagaimana Rasulullah SAW pernah bersabda dengan mafhumnya,

“Sesungguhnya syaitan (termasuk jin) itu berjalan dalam tubuh anak Adam sebagaimana darah yang mengalir dalam tubuhnya.”

(HR Bukhari dan Muslim)

Ibnu Fatah seorang ahli pemikir tanahair yang terkenal tidak terkecuali daripada melalui ujian tersebut. Beliau seorang graduan jurusan fizik dari Harvard University, United Kingdom. Meskipun mempunyai latar belakang akademik dalam jurusan sains tulen, Ibnu Fatah turut meminati bidang falsafah dan sains pemikiran. Tidak hairanlah sewaktu pengajiannya di United Kingdom, beliau begitu bersemangat dalam menggali ilmu-ilmu di luar bidangnya dan sering menyertai forum-forum pemikiran anjuran universiti. Kekerapannya menghadiri forum ataupun seminar pemikiran

memberi beliau peluang bertemu dengan ahli-ahli pemikir tersohor di dunia termasuklah Prof. Dr. Rehan yang berasal dari Indonesia.

Ibnu Fatah amat tertarik dengan kupasan dan garapan terhadap isu-isu pemikiran sejagat oleh Prof. Dr. Rehan yang dijemput untuk membentangkan kertas kerja dalam satu seminar pemikiran. Kebetulan pula pada ketika itu, pihak universiti telah melantik Prof. Dr. Rehan sebagai Profesor Tamu untuk tempoh selama satu tahun. Kesempatan tersebut dimanfaatkan oleh Ibnu Fatah untuk bertemu dengan Prof. Dr. Rehan bagi mendapatkan pandangan dan bertukar-tukar fikiran. Perhubungan Ibnu Fatah dan Prof. Dr. Rehan akhirnya bertukar menjadi perhubungan seorang guru dan anak murid. Ibnu Fatah amat selesa dan mudah memahami segala ilmu yang disampaikan oleh Prof. Dr. Rehan. Prof. Dr. Rehan juga secara tidak langsung memberi pendedahan kepada Ibnu Fatah mengenai beberapa kaedah pemikiran dan cara berhujah.

Pendedahan yang diterima oleh Ibnu Fatah tersebut dimanfaatkan olehnya untuk berdebat dengan pelajar-pelajar di universiti sama ada dalam program-program rasmi atau perbincangan santai. Ketangkasan Ibnu Fatah berhujah dan berdebat mula menjadi sebutan dan mendapat perhatian ramai. Ibnu Fatah turut mencabar dirinya dengan menceburi bidang penulisan. Kesungguhannya tersebut membuahkan hasil apabila penulisannya kerap disiarkan di dalam buletin universiti dan turut mendapat tempat di kolum beberapa akhbar tempatan.

Kelantangan Ibnu Fatah dalam menyuarakan pemikiran dan pandangannya menyebabkan beliau dilabel sebagai seorang yang berfikiran liberal oleh pelajar-pelajar Islam di universiti berkenaan. Ramai yang menasihatinya malah tidak kurang juga yang menentanginya secara terbuka tetapi Ibnu Fatah terus tetap dengan pendirian kerana yakin tidak mungkin Prof. Dr. Rehan menurunkan ilmu yang salah kepadanya.

Setelah tamat pengajian dan sebelum pulang ke tanahair, Prof. Dr. Rehan berpesan kepada Ibnu Fatah supaya terus menuntut dan menguasai ilmu pemikiran apabila berada di Malaysia. Prof. Dr. Rehan turut memberi satu senarai nama yang terdiri daripada empat ilmuwan dari Indonesia dan seorang lagi rakyat Malaysia untuk Ibnu Fatah hubungi serta menimba ilmu daripada mereka. Dua minggu selepas kembali dari United Kingdom, Ibnu Fatah segera menghubungi para ilmuwan berkenaan yang dicadangkan oleh Prof. Dr. Rehan. Dalam pada itu, Ibnu Fatah masih terus berhubung dengan Prof. Dr. Rehan melalui *facebook* atau *skype* bukan sahaja untuk bertanya khabar tetapi seolah-olah telah menjadi rutin untuk Ibnu Fatah memaklumkan kepada Prof. Dr. Rehan mengenai aktiviti serta perkembangannya di Malaysia.

Selepas hampir setahun menimba ilmu dan pemikiran dengan para ilmuwan tersebut dan aktif dalam program-program forum, seminar dan bengkel serta penulisan, Ibnu Fatah semakin dikenali sebagai seorang ahli pemikir. Perkembangan tersebut mula dimanfaatkan oleh sebuah parti politik yang mempunyai perkaitan dengan Prof. Dr. Rehan dan para ilmuwan yang menjadi guru kepada Ibnu Fatah selama ini. Prof. Dr. Rehan dan rakan-rakan ilmunya berjaya mempengaruhi Ibnu Fatah untuk menjadi '*master mind*' bagi sebuah gerakan dalam merangka strategi dan perancangan untuk menyebarkan fahaman liberalisme kepada masyarakat. Pada peringkat awal pembabitannya, Ibnu Fatah mengetuai satu kumpulan terdiri daripada 20 orang ahli pemikir yang berperanan menyuntik secara halus fahaman liberalisme sama ada melalui ceramah, penulisan dan perbincangan.

Isu-isu yang menjadi fokus kepada kumpulan yang diketuai oleh Ibnu Fatah adalah berkaitan dengan kesamaan hak antara kaum dan agama serta kebebasan golongan *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT). Isu politik berhubung tentangan terhadap institusi raja dan cadangan membentuk pentadbiran republikan dilakukan secara sulit memandangkan kedua-duanya adalah

isu sensitif dan boleh menjadi masalah kepada parti berkenaan melaksanakan agenda mereka sekiranya pihak berkuasa mengambil tindakan. Pemikiran dan fahaman liberal republikan yang menjadi agenda penting gerakan ini turut dimasukkan elemen jihad supaya nampak Islamik serta mudah menarik golongan sasaran untuk menyertainya. Apabila mendapati fahaman yang cuba disebarikan mula mendapat perhatian serta pengikutnya semakin bertambah, gerakan ini mula bersifat militan. Gerakan ini merancang untuk menimbulkan huru-hara dalam negara dan meruntuhkan institusi raja bagi mengambil alih tampuk pemerintahan.

Namun begitu, perancangan dan aktiviti gerakan ini akhirnya berjaya dihidu oleh pihak kerajaan. Pihak keselamatan telah menyerbu lokasi operasi gerakan berkenaan dan berjaya merampas segala data serta maklumat yang dapat membantu mereka mengesan pemain utama dan saki-baki pengikut bagi gerakan ini. Ibnu Fatah turut tertangkap serta dijatuhkan hukuman penjara kerana merancang untuk mengancam keselamatan negara. Ibnu Fatah bernasib baik kerana belum sempat melaksanakan misi militan. Jika tidak, beliau berhadapan dengan kemungkinan dijatuhkan hukuman mati kerana menentang Yang di-Pertuan Agong.

Sepanjang menjalani hukuman di penjara, pihak penjara telah menjadualkan beberapa program kaunseling dan '*brain wash*' untuk Ibnu Fatah dan ahli-ahli gerakan yang menerima hukuman yang sama. Para kaunselor dan pencetus kesedaran ini terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pelbagai latar belakang profesion termasuklah kaunselor, agamawan, psikatris, bekas tentera, pegawai perubatan dan sebagainya.

Kehidupan di penjara benar-benar menginsafkan Ibnu Fatah. Beliau bukan sahaja kehilangan profesion tetapi juga maruah diri dan masa berkualiti bersama keluarga. Perjuanganya sebelum

ini adalah perjuangan yang sia-sia. Selepas dibebaskan daripada hukuman, Ibnu Fatah berazam membayar semula dosa dan pengkhianatannya terhadap agama, bangsa dan negara. Beliau aktif dalam kegiatan dakwah malah sering dijemput untuk memberi ceramah serta membentangkan kertas kerja dalam seminar-seminar yang berkaitan. Ibnu Fatah juga memanfaatkan kemahiran penulisan yang dimilikinya untuk menyampaikan mesej kesedaran kepada masyarakat sama ada melalui media cetak mahupun media siber. Ibnu Fatah bersyukur kepada Allah dan mencintai kehidupan baharunya iaitu berdakwah untuk mencapai keredhaan Allah SWT.

KISAH 5

MANGSA TIPU DAYA FAHAMAN LIBERALISME

Seorang individu yang pernah terpengaruh dengan fahaman liberalisme dan mengamalkan cara hidup bebas meminta agar penulisan beliau yang berdasarkan pengalamannya disiarkan. Harapan beliau perkongsian cerita dan pengalamannya itu dapat dijadikan renungan dan pengajaran atas dasar cintanya terhadap agama, bangsa dan negara.

Babak Pertama: Kisah Kehidupan Keluarga

Namaku Man. Aku dilahirkan pada pertengahan tahun 1970-an. Aku dibesarkan dalam keluarga yang miskin. Ayahku bekerja sebagai seorang penoreh getah. Manakala ibuku pula seorang suri rumah. Ayah dan ibu berasal daripada keluarga yang susah. Ayah datang ke kampung ini sebagai peneroka. Aku masih ingat, sewaktu aku masih kecil, sekitar rumah kami masih lagi merupakan kawasan hutan belukar. Ayah pernah menceritakan kepadaku sewaktu ayah mula-mula meneroka kampung ini, terserempak dengan binatang seperti ular sawa sebesar paha orang dewasa, harimau, gajah dan segala binatang hutan yang lain adalah perkara biasa yang dilalui oleh ayah dan penduduk kampung.

Aku mempunyai lapan orang adik-beradik, tiga perempuan dan lima lelaki. Aku merupakan anak yang ketujuh. Kehidupan keluargaku boleh dikatakan amat susah ibarat, "*kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*". Seringkali kami adik beradik terpaksa berkongsi makanan. Berkongsi seekor ikan selayang untuk tiga orang adalah perkara biasa dalam hidup kami sekeluarga. Kadang-kadang kami terpaksa mengikat perut apabila harga getah turun atau ketika musim hujan. Kebun getah yang hampir seekor itu pun bukanlah kepunyaan ayah. Kebun itu milik orang kampung. Hasil yang ayah peroleh daripada menoreh getah di kebun itu, dibahagikan kepada dua. Separuh diberikan kepada tuan tanah, manakala separuh lagi pula ayah gunakan untuk menanggung kami sekeluarga.

Abangku yang sulung mengambil keputusan untuk berhenti sekolah setelah tamat tingkatan tiga dan menolong ayah menoreh getah. Hal yang sama dilakukan oleh abangku yang kedua, berhenti sekolah dan membantu ayah menoreh getah. Sebenarnya, kami adik-beradik tidak mahu melihat ayah yang semakin tua terpaksa bertungkus lumus memerah kudratnya untuk menyara kami sekeluarga. Abangku yang sulung dan yang kedua merasakan mereka perlu berkorban untuk adik beradik yang lain dapat menyambung pelajaran walaupun mereka tahu pendidikan itu juga penting untuk masa depan mereka. Sebagai anak yang kedua bongsu, aku sering dinasihati oleh saudara-saudara tuaku untuk tetap meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mampu membantu keluarga suatu masa nanti. Jika diikutkan hati, aku juga ingin berhenti sekolah setelah tamat tingkatan tiga dan bekerja untuk membantu ibu dan ayahku. Namun begitu, apabila aku tamat tingkatan tiga, ayahku sendiri melarangku untuk berhenti sekolah. Pada masa itu, aku merasakan ayah dan ibu telah nampak kepentingan pendidikan buat kami, namun apakan daya, ayah dan ibu tidak mampu untuk menanggung kami adik-beradik kesemuanya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Akhirnya, aku bertekad untuk belajar

bersungguh-sungguh sehingga berjaya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Niatku pada masa itu hanya satu, aku ingin merubah kehidupan keluargaku yang hidup dalam kemiskinan.

Babak Kedua: Menyambung Pelajaran Ke Luar Negara

Aku berjaya mendapat keputusan yang agak baik dalam peperiksaan SPM. Setelah itu aku ditawarkan untuk menyambung pelajaran ke luar negara dalam bidang ekonomi. Seingatku, akulah orang pertama dalam kampungku yang berjaya melanjutkan pelajaran di luar negara dalam keadaan masih ramai anak kampung yang tidak dapat melanjutkan pelajaran di universiti tempatan. Anak-anak kampung yang berjaya belajar di universiti dari kampungku boleh dibilang dengan jari. Keluargaku terutamanya ayah dan ibu cukup berbangga dengan kejayaanku melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sebulan sebelum pemergianku, ayah dan ibu asyik bertanyakan segala keperluan yang mungkin aku terlupa untuk membawanya. Akhirnya, sampailah masanya aku berangkat ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran. Ayah telah menyewa kereta sewa khusus untuk kami bertolak ke lapangan terbang. Kami tidak mempunyai kereta kerana ayah tidak mampu untuk membelinya. Apa yang ayah miliki hanyalah sebuah motosikal buruk yang digunakan untuk pergi menoreh getah. Itulah kali pertama aku menaiki pesawat. Aku merasa cukup bertuah kerana berpeluang menaiki pesawat dalam keadaan kami di kampung yang hanya mengenali pesawat melalui gambar-gambar sahaja atau ketika ia terbang di ruang udara.

Pada tahun pertama belajar di luar negara, aku agak terkejut dengan suasana dan budaya yang begitu berbeza dengan budaya dan suasana di Malaysia umumnya dan suasana di kampungku khususnya. Duduk berjauhan dengan keluarga dan berkawan

dengan anak-anak orang-orang kenamaan dan golongan kerabat diraja sedikit sebanyak menyebabkan aku mula berubah. Bercerita tentang kehidupan di luar negara, budaya mereka begitu bebas dan mengamalkan cara hidup individualistik. Aku mula mengenali apa itu arak dan disko. Aku juga mula berani untuk mendekati perempuan-perempuan muda sekelas denganku. Kalau dahulu, aku masih ingat, dengan keadaan kami yang miskin di kampung dan tidak terdedah dengan budaya bebas, aku jarang bergaul dan bersembang dengan perempuan. Rutinku sewaktu di bangku sekolah dahulu hanyalah pergi ke sekolah, beri tumpuan pada pengajaran guru dan kemudian setelah tamat sesi persekolahan, aku terus balik ke rumah.

Di luar negara, aku merasakan dunia sudah terbalik. Aku mula merasakan mereka yang tinggal di kampung adalah mereka yang kolot, jumud, berfikiran sempit, ketinggalan zaman dan dikongkong oleh agama. Berbeza dengan kehidupan di luar negara, yang mana aku bebas untuk melakukan apa sahaja. Kopiah yang selalu aku pakai untuk ke masjid atau surau yang ibu melipat dan menyimpannya dengan rapi dalam beg pakaianku semasa aku bersiap-siap untuk ke luar negara entah ke mana. Aku sudah semakin biasa meninggalkan solat. Begitu juga dengan ibadat puasa, kadang-kadang aku berpuasa, kadang-kadang tidak. Aku lebih suka berfoya-foya dan menghabiskan masa di kelab-kelab malam bersama kawan-kawan yang berasal daripada keluarga yang berada. Wang biasiswa yang diterima banyak aku gunakan untuk menampakkan seolah-olah aku anak orang kaya. Di saat ini, aku menganggap agama dan budaya yang kami amalkan di Malaysia merupakan suatu yang mengongkong kebebasan dan kemajuan. Bagiku, semua amalan agama hanyalah seumpama candu yang mengkhayalkan orang yang mengamalkannya dan menyebabkan mereka berfikiran kolot. Di sini aku melihat, masyarakat barat mampu maju tanpa ikatan dengan agama. Mereka lebih bebas dan berfikiran terbuka.

Namun begitu, aku tetap mengutamakan pelajaranku. Prinsipku ketika itu ialah lakukan apa sahaja asalkan pelajaran tetap cemerlang. Malah, aku merasakan tidak perlu agama untuk cemerlang dalam apa juga yang diceburi. Begitulah seterusnya kehidupanku pada tahun kedua dan ketiga. Perangaiku semakin buruk. Aku seolah-olah bukan lagi orang kampung atau orang Malaysia. Bahkan aku lebih suka bercakap dalam Bahasa Inggeris walaupun dengan kawan-kawan Melayuku. Selama empat tahun pengajianku di luar negara, aku tidak pernah pulang ke Malaysia. Aku hanya menelefon emak dan ayah untuk bertanya khabar mereka. Alasanku kepada mereka, aku tidak cukup duit untuk balik bercuti di Malaysia dan komited dengan urusan pengajianku. Ayah dan ibu tidak mengesyaki apa-apa serta tidak mengetahui bahawa sikap dan perangaiku sudah berubah memandangkan aku cemerlang dalam pelajaran.

Babak Ketiga: Bekerja Dengan Syarikat Bukan Melayu

Sekembalinya aku ke Malaysia, aku berpura-pura di hadapan ayah, ibu dan adik beradikku seperti aku dahulu semasa bersama mereka. Kemudian, setelah aku mencari kerja, aku ditawarkan bekerja dengan sebuah syarikat konsultan milik bukan Bumiputera di sebuah bandar besar. Kebanyakan yang bekerja di sini adalah bukan Bumiputera dan mereka memegang jawatan di bahagian pengurusan.

Di syarikat ini aku belajar banyak perkara. Antara yang paling aku pelajari adalah hanya dengan usaha, sesuatu dapat dicapai. Tanpa usaha, kita tidak akan dapat mencapai apa yang kita inginkan. Bahkan inilah yang dipegang oleh kebanyakan bangsa mereka. Di sini, aku mula teringatkan kehidupanku di luar negara dahulu. Ramai rakyat Malaysia daripada golongan elit hidup dalam kemewahan di luar negara dan mengamalkan sikap membazir. Mereka tidak berusaha keras untuk mencapai

segala kemewahan. Berlainan dengan diriku yang semenjak kecil, terpaksa berusaha untuk memiliki apa yang aku inginkan. Aku mula membenci kehidupan golongan elit tersebut.

Babak Keempat: Memulakan Alam Rumah Tangga

Pada suatu ketika, aku mula memikirkan untuk hidup berkeluarga. Pada masa itu, aku telah memiliki kereta dan rumah sendiri dengan hasil duit kerjaku. Di luar negara dahulu, aku sering bertukar-tukar wanita semata-mata untuk bersuka ria dan berfoya-foya. Suatu hari, aku pulang ke kampung untuk menziarahi ayah dan ibuku. Di kampung, ibuku bertanya soal berumahtangga dan berkeluarga. Menurut ibu, ada keluarga kenalan ayahku yang bertanya tentang diriku sama ada sudah mempunyai atau belum. Zaman sekarang sudah berubah. Kalau dahulu, lelaki yang ramai mencari perempuan, tetapi sekarang adalah zaman perempuan sudah melebihi bilangan lelaki. Akhirnya, ramai perempuan terpaksa bersaing sesama mereka untuk mencari pasangan hidup. Lelaki pula mempunyai banyak pilihan.

Begitulah dengan hidupku. Ramai yang bertanyakan tentang status hidupku melalui keluargaku. Kalau ikutkan hatiku, aku ingin mencari dan memilih sendiri jodoh pilihanku, tetapi memandangkan suasana di tempat kerjaku yang dipenuhi dengan mereka yang bukan sebangsa dan seagama denganku, aku seolah-olah tiada pilihan. Setelah dipujuk oleh ayah dan ibuku, aku menerima jodoh pilihan keluargaku. Kata mereka, anak kepada kenalan ayahku ini seorang gadis yang baik, berlatarbelakangkan agama dan baharu memperoleh ijazah dalam bidang pengajian Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Akhirnya, tanpa berfikir panjang, aku menerima cadangan ayah dan ibuku untuk berkahwin dengan gadis tersebut.

Babak Kelima: Perubahan Dalam Hidupku

Setelah berkahwin, isteriku kemudiannya mendapat tawaran menjadi seorang guru di sebuah negeri. Setelah memikirkan bahawa aku terpaksa berpisah dengan isteriku dan kami terpaksa tinggal berjauhan, aku memutuskan supaya isteriku tidak bekerja dan cukup dengan aku sahaja yang bekerja menanggung keluarga. Setelah setahun setengah berkahwin, kami dikurniakan seorang cahaya mata perempuan. Sepanjang perkahwinan kami sehingga hari ini, isteriku banyak bersabar dengan karenahku. Aku berasa beruntung memiliki seorang isteri sepertinya. Dia seorang yang kuat beragama dan rajin mendalami ilmu agama. Setiap malam, isteriku bangun untuk solat sunat malam dan berdoa. Sedangkan aku, solat wajib pun masih lagi tidak cukup sehari semalam terutamanya solat Subuh apabila hari aku cuti dan tidak bekerja. Isteriku juga banyak menasihati diriku dan mengajarkanku hal-hal berkaitan agama. Aku merasakan diriku begitu jahil dalam agama, seolah-olah aku masih lagi berada di sekolah rendah. Namun begitu, isteriku banyak memberi bimbingan kepadaku. Sepatutnya akulah sebagai ketua keluarga yang membimbingnya. Isteriku juga menerangkan kepadaku bahaya pemikiran-pemikiran yang luarannya nampak cantik tetapi sebenarnya amat bahaya untuk umat Islam, seperti fahaman liberal yang selama ini secara tidak sedar, aku adalah salah seorang daripada mereka yang berfahaman sebegini.

Lama-kelamaan, sikapku mula berubah. Aku mula berjinak-jinak dengan ilmu agama. Aku mula menghadiri kelas-kelas agama di masjid dan surau. Buku-buku agama yang dahulunya jauh sekali untuk aku baca, kini sudah menjadi teman di waktu lapangku. Aku sudah mula berkawan dengan ahli surau dan masjid. Aku juga merasakan betapa pentingnya kedaulatan Islam di Malaysia dinaungi oleh institusi beraja, kerana mereka diibaratkan seperti penjaga kepada agama ini di Malaysia. Apa-apa keputusan yang penting berkaitan agama perlu diputuskan

oleh mereka. Kuasa mereka termaktub dalam Perlembagaan Negara. Oleh yang demikian, aku merasakan bahawa institusi beraja ini perlu dikekalkan untuk menjaga Islam daripada pihak yang ingin institusi ini dihapuskan serta bagi mencapai cita-cita mereka ke arah negara republik serta bebas daripada pengaruh institusi beraja yang berperanan memelihara kedaulatan Islam di negara ini.

KISAH 6

PENJARA PEMIKIRAN

Faktor pergaulan adalah antara faktor-faktor yang membentuk sikap, tingkah laku dan pemikiran seseorang. Hal ini diakui oleh Zaharin yang merupakan anak tunggal kepada Zain, seorang ahli korporat dan Marina yang berkhidmat sebagai eksekutif di salah sebuah syarikat swasta di bandar Georgetown, Pulau Pinang. Keluarga Zaharin tinggal di sebuah kawasan perumahan yang majoritinya terdiri daripada kaum Cina. Zaharin juga mendapat pendidikan sepenuhnya di sekolah Cina. Justeru, Zaharin membesar dan lebih menyerap nilai serta budaya Cina berbanding budaya Melayu. Malah, Zaharin lebih fasih berbahasa Kantonis dan Inggeris jika dibandingkan dengan Bahasa Melayu.

Sewaktu di sekolah menengah, Zaharin mempunyai dua orang rakan karib iaitu Stephen Chong dan Marilyn Mei. Keakraban mereka berlanjutan sehingga ke zaman universiti yang mana mereka bertiga sama-sama melanjutkan pengajian di Universiti Malaya. Malah, selepas mempunyai kerjaya masing-masing pun mereka masih berhubung. Hayat persahabatan mereka panjang disebabkan Zaharin merasakan mereka bertiga mempunyai keserasian dan persefahaman. Jika berselisih faham pun tidak pernah berlarutan sehingga memutuskan persahabatan mereka.

Sepanjang menjalinkan persahabatan, mereka bertiga jarang berbual tentang agama dan kaum. Namun begitu, pada satu

hari Stephen Chong dan Marilyn Mei bertanya kepada Zaharin mengapa bangsa Melayu sangat mementingkan kedudukan Islam, Melayu dan institusi raja sedangkan kaum-kaum lain tidak menerima hak yang sama. Zaharin merasa terpukul dengan pertanyaan itu tetapi jauh di hati kecilnya membenarkan keraguan rakan-rakannya itu. Zaharin ketika itu sendiri terfikir mengapa kaum Melayu perlu taksu pada hak keistimewaan Melayu dan Islam serta menjunjung institusi raja. Selama beliau bersahabat dengan Stephen Chong dan Marilyn Mei, mereka saling menghormati termasuklah dari segi pegangan agama. Tambahan pula pada pandangan Zaharin ketika itu, bukankah kaum-kaum lain juga memainkan peranan dalam pembangunan dan kemajuan negara. Justeru, bukankah lebih baik setiap hak keistimewaan dikongsi bersama.

Institusi raja yang pada tanggapan Zaharin hanyalah sebuah institusi “gajah putih” dan sekadar simbolik serta tingkah laku segelintir kerabat diraja yang kurang menjaga etika secara tidak langsung menghilangkan rasa hormatnya terhadap institusi tersebut. Dalam sesetengah hal, institusi raja dicemarkan oleh ahlinya sendiri sehingga umat Melayu termasuk Zaharin tidak tahu bagaimana untuk mempertahankan sebuah institusi yang penting untuk Islam dan umat Melayu di negara ini di mata masyarakat khususnya kaum bukan Melayu.

Dalam ketulusan mereka bersahabat, Stephen Chong dan Marilyn Mei semakin kerap melakukan provokasi mengenai hak asasi manusia dan institusi raja kepada Zaharin sehingga timbul rasa benci dalam dirinya terhadap senario berkenaan dan institusi raja. Stephen Chong dan Marilyn Mei memberi galakan kepada Zaharin untuk meluahkan perasaan dan pendapat tentang isu hak kebebasan beragama, hak keistimewaan orang Melayu yang perlu dikongsi dengan kaum lain serta peranan institusi raja melalui media sosial termasuklah blog, *facebook*, *twitter* dan *instagram*. Sebagaimana penulisan dan komentar lain, pandangan Zaharin

mendapat sokongan dan tentangan. Kemarahan Zaharin mencapai kemuncaknya apabila ramai yang mencemuh Zaharin sebagai orang Melayu yang lupa diri dan asal usulnya. Zaharin menepis cemuhan tersebut dengan satu kenyataan yang sebenarnya beliau amat kesal kerana mengeluarkannya iaitu beliau tidak berbangga sebagai bangsa Melayu dan baginya Melayu tidak penting serta merasakan tindakannya benar kerana memperjuangkan hak yang sama untuk semua kaum.

Apabila berada pada tahun akhir pengajian, Zaharin sepertimana pelajar-pelajar universiti yang lain harus menyiapkan sebuah tesis bagi melengkapkan kerja kursus. Zaharin bercadang menulis sebuah tesis yang mengupas tentang pemikiran dan keadilan sejagat. Bagi membantu Zaharin menyempurnakan tesis tersebut, beliau memilih Prof. Dr. Khadijah sebagai penyeliannya kerana difahamkan dia adalah seorang yang tebal jiwa Melayunya. Jelas menunjukkan bahawa Zaharin mencabar dirinya untuk bertarung pemikiran dengan seorang ilmuwan yang tebal jiwa Melayunya.

Sepanjang Zaharin di bawah seliaan Prof. Dr. Khadijah, Zaharin mendapati Prof. Dr. Khadijah berfikiran terbuka meskipun kerap juga Zaharin mengemukakan cadangan-cadangan yang agak kritikal. Zaharin sendiri berasa hairan dan mendorong beliau bertanya kepada Prof. Dr. Khadijah mengapa banyak antara kupasan dan cadangan yang dikemukakannya tidak mendapat kritikan atau bantahan. Prof. Dr. Khadijah dengan ringkas menyatakan tidak salah untuk berfikiran kritis tetapi setiap hujah perlu kuat akarnya. Akar hujah pula bukan berdasarkan emosional, logikal dan rasional sebaliknya haruslah dalam kerangka Islam dan budaya masyarakat yang dikaji. Jawapan Prof. Dr. Khadijah tersebut berjaya membuka dimensi baharu dalam pemikiran Zaharin. Terdetik dalam hati Zaharin selama ini sedalam mana dia cuba memahami intipati Al-Qur'an dan Al-

Hadis serta sejauh mana dia mengerti tentang sisi murni budaya Melayu.

Semenjak hari itu, Zaharin banyak menerima pengetahuan baharu daripada Prof. Dr. Khadijah termasuk mengupas persoalan mengenai kedudukan Islam, Melayu dan institusi raja menurut perspektif Islam, perundangan dan sejarah. Pendekatan kupasan oleh Prof. Dr. Khadijah mengajar Zaharin untuk berfikir secara menyeluruh dan bukannya secara terpisah-pisah atau memilih apa yang menepati pemikiran sendiri sahaja. Berhubung institusi raja yang sebelum itu amat dibenci oleh Zaharin, Prof. Dr. Khadijah memberi satu analogi yang mudah dengan menggunakan sebuah papan tulis berwarna putih yang besar serta terdapat satu titik hitam di atasnya. Menurut Prof. Dr. Khadijah, golongan yang tertutup pemikiran dan mata hatinya lebih tertumpu pada titik hitam tersebut sebaliknya golongan yang celik pemikiran dan mata hatinya melihat pada ruang serta peluang yang diwakili oleh warna putih pada papan tulis tersebut. Justeru, hindarilah daripada sikap dan pemikiran yang hanya melihat sisi buruk atau kekurangan sahaja sebaliknya perlulah menilai kelebihan, kepentingan dan manfaatnya untuk agama, bangsa dan negara.

Sebelum semester berakhir, Zaharin pergi ke pejabat Prof. Dr. Khadijah untuk mengucapkan terima kasih di atas ilmu, bimbingan, nasihat dan kata-kata perangsang yang diberikan kepadanya. Dalam pertemuan itu, Prof. Dr. Khadijah menghadiahkan Zahari sebuah bingkai kata-kata yang tercatat wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 iaitu;

❁ Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung Persekutuan Tanah Melayu (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).

- ❖ Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, tanah simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
- ❖ Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta milik kamu, kami tubuhkan Rejimen Askar Melayu selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
- ❖ Kami kekalkan dan kami jamin kerajaan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu memerintah negara ini.
- ❖ Kami isytiharkan Islam adalah agama Persekutuan.
- ❖ Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu.
- ❖ Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain (kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

Zaharin merenung *Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu* yang menjanjikan kesejahteraan, kedamaian, kestabilan dan keamanan jika masyarakat bersatu dan berpegang teguh kepadanya. Pengalaman beliau ini cukup memberi pengajaran kepada Zaharin bahawa warisan serta maruah agama, bangsa dan negara perlu dipelihara secara turun temurun. Zaharin berazam untuk membentuk keluarga dan anak-anaknya dengan didikan Islam serta nilai-nilai murni budaya Melayu sebagaimana pesanan Rasulullah SAW yang bermaksud,

"Setiap anak yang dilahirkan itu adalah umpama kain putih (fitrah), ibu bapalah yang bertanggungjawab mewarnakan dan mencorakkannya sama ada menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi."

(HR Bukhari dan Muslim)



KISAH 7

BANGSAKU TERTIPU, AGAMA TERGADAI

Sistem politik di Malaysia hakikatnya berada pada tahap kritikal. Jarum-jarum halus yang ditanam dalam diri masyarakat Malaysia khususnya umat Melayu Islam mula dibaja dan disemai dengan baik. Perjuangan dipolitikkan atas kepentingan parti-parti itu sendiri. Terdetik di dalam hati Raihana, mana yang harus beliau pilih sedangkan tiada parti yang pada pandangannya mempunyai integriti yang tinggi. Semua melaungkan kata-kata retorik kononnya parti merekalah yang telus dalam memperjuangkan agama, bangsa dan negara sehingga rakyat terus terpedaya. Lebih menjijikkan adalah terdapat dalam kalangan pemimpin sama ada dari parti pemerintah mahupun pembangkang yang bersikap *“menangguk di air keruh”* untuk keuntungan dan kepentingan mereka. Di samping itu, tatkala agama Islam mulai diperkotak-katikkan, pihak yang mempunyai kuasa kurang bertegas malah ada yang mengambil pendekatan berdiam diri. Terbelakah Islam di negara ini? Bertubi-tubi persoalan tersebut bermain dalam fikiran Raihana.

Sememangnya menurut Raihana terdapat beberapa gerakan di negara ini yang menunggu peluang untuk meluaskan pengaruh fahaman atau parti mereka. Tumpuan gerakan tersebut adalah kepada golongan kurang terbela, generasi muda dan individu sepertinya yang tercari-cari wadah perjuangan yang tepat. Dalam

hal ini, luahan Raihana kepada temannya Amir mengenai kemelut politik tanahair akhirnya menjebakkan Raihana pada perjuangan yang cukup asing bagi beliau sebelum ini. Amir memperkenalkan kepada Raihana sebuah gerakan yang menurutnya meletakkan perjuangan membela nasib agama dan bangsa sebagai satu jihad. Raihana pada mulanya agak ragu-ragu akan tetapi setelah diyakinkan oleh Amir, terdetik dalam hati Raihana untuk mencuba kerana menganggap mungkin ia adalah wadah yang tepat untuk sebuah perjuangan. Raihana ingin mencuba kerana tertarik dengan misi gerakan tersebut iaitu membebaskan rakyat Malaysia daripada kelompok kapitalisme dengan menanam semangat perjuangan dalam masyarakat Melayu menentang kezaliman serta memperjuangkan hak-hak agama dan bangsa.

Masa terus berlalu dengan pantas. Raihana merasakan satu kepuasan dalam dirinya kerana turut menyumbang merekrut beberapa ejen sulit yang memainkan peranan di ceruk-ceruk kampung dengan memainkan isu dan mempersoalkan peranan institusi raja di Malaysia. Suatu ketika dahulu, institusi raja dihormati dan disanjung kerana pemahaman dan pengamalan agama Islam serta akhlak mereka terhadap rakyat jelata sangat baik. Namun, peredaran masa memperlihatkan golongan diraja sering dikaitkan dengan gaya hidup moden, mewah serta cenderung pada hiburan dan keseronokan yang secara tidak langsung mencemarkan imej institusi raja itu sendiri di mata rakyat.

Perjuangan gerakan yang disertai oleh Raihana ini semakin kukuh dengan sokongan daripada beberapa pihak yang menyumbangkan dana untuk mempergiatkan misi ini. Kadang-kadang tercetus di benak fikiran Raihana, siapakah pendukung di sebalik misi ini? Ahli gerakan hanya menerima arahan semata-mata. Tatkala orang lain melelapkan mata, ahli-ahli gerakan bertungkus lumus menyiapkan memo berbaur hasutan untuk diedarkan kepada orang ramai bagi membangkitkan

kesedaran. Pelbagai kaedah digunakan supaya mesej ini dapat tersebar dengan meluas. Medium siber adalah pilihan utama dalam menyebarkan pelbagai maklumat. Meskipun pelbagai kecaman diterima, menjadi prinsip gerakan ini untuk mengambil pendekatan berdiam diri dan menyembunyikan identiti.

Fenomena "*Arab Spring*" di negara-negara Arab turut dijadikan sandaran untuk mengatur strategi membangkitkan semangat berjuang dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Islam. Ia suatu idea yang sangat berhasil. Ramai dalam kalangan rakyat Malaysia mula berani menyuarakan hak dengan mengadakan perhimpunan besar-besaran. Semangat sebegini yang diinginkan. Raihana yang semakin sehati dengan perjuangan gerakan yang disertainya mula berani menyuarakan isu kebebasan beragama yang dianggapnya sebahagian daripada hak asasi manusia melalui blog. Pada pandangannya, manusia seharusnya diberi hak dalam membuat pilihan. Agak memeranjatkan Raihana, ramai juga yang menyokong dan memberi semangat kepadanya tetapi tidak kurang juga yang mengkritik serta mencemooh pandangannya.

Begitu juga, Raihana pernah terlibat membahaskan isu mahkamah syariah yang kurang efektif serta ketidaktelusan dalam menangani hak-hak wanita. Dalam hal ini, Raihana mendapat kerjasama dan sokongan daripada sebuah pertubuhan bukan kerajaan terkenal di tanahair kerana kemampuan pertubuhan berkenaan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan Islam dan wanita dengan lebih telus berdasarkan hujahnya yang logik dan mudah difahami. Ketika itu menurut Raihana, isu perebutan anak menjadi polemik. Anak-anak seharusnya dijaga oleh bapa yang beragama Islam untuk menjaga akidah anak-anaknya. Jiwa Raihana memberontak. Pada pandangannya naluri seorang ibu walaupun bukan beragama Islam harus juga dititikberatkan. Terdapat segelintir teman-teman Raihana menasihati beliau memandangkan pendiriannya tidak berasas dan bertentangan

dengan pegangan Islam. Namun begitu, Raihana tidak mengendahkan nasihat teman-temannya kerana beranggapan mereka tidak memahaminya.

Mengimbau penglibatannya yang semakin jauh dalam gerakan tersebut, Raihana memaklumkan bahawa beliau pernah menyertai rombongan kecil ke sebuah negara jiran untuk menemui pemimpin atau individu yang merupakan pendukung utama gerakan berkenaan. Individu berkenaan menegaskan bahawa negara jiran yang dilawati itu maju dalam pelbagai aspek kerana mereka tidak terikat dengan sistem monarki yang menyekat hak-hak kebebasan rakyatnya sendiri. Sepanjang perjalanan pulang, Raihana memikirkan dengan sedalam-dalamnya perkara ini. Namun begitu, Amir memberikan kata putus kepada Raihana supaya tetap dan yakin dengan perancangan yang dirangka jika beliau benar-benar bersedia memikul misi gerakan.

Namun begitu, perancangan Allah mengatasi segala-galanya. Suatu hari, bapa Raihana yang merupakan seorang bekas pegawai tentera meminta Raihana pulang segera ke kampung. Sesampai di rumah, bapa Raihana menyambutnya dengan senyuman. Ia sedikit sebanyak melegakan hati Raihana. Selepas selesai menunaikan solat Isyak, bapanya memanggil Raihana untuk menceritakan segala aktiviti yang beliau terlibat. Menurut Raihana, meskipun berada di kampung, bapa beliau sentiasa mengikuti perkembangannya. Ketika itu, tanpa dapat dikawal Raihana meluahkan segala yang terbuku di hatinya. Wajah bapa Raihana masih tenang walaupun riak mukanya terzahir perasaan kecewa dan antara kata-kata bapanya masih terngiang-ngiang di telinga Raihana;

“Abah tahu anak abah pejuang yang hebat dan memiliki semangat juang. Namun, kita sebagai orang Islam perlu mendasari perjuangan dengan akal yang waras dan pendirian yang tetap. Ramai anak muda tidak memahami makna jihad itu sendiri. Pelbagai pihak cuba

menjatuhkan martabat agama Islam dan bangsa Melayu sendiri tanpa perlu mencemarkan tangan-tangan mereka. Saudara seIslam dan sebangsa kita dijadikan sebagai boneka mereka. Mereka hanya ketawa betapa bodohnya kita, memikirkan jangka masa pendek yang ingin dicapai tanpa memikirkan kemungkinan yang berlaku. Abah memahami propaganda yang cuba dibawa oleh pihak-pihak tertentu dalam menjalankan misi mereka. Mereka mempergunakan anak-anak muda seperti kamu yang ada semangat perjuangan dengan menyelewengkan hakikat sebenarnya yang berlaku untuk mencapai matlamat mereka. Selama ini institusi raja memainkan peranan dalam menjaga hak-hak orang Islam dan bangsa Melayu. Jika tidak kita ibarat, “bagaikan melukut di tepi gantang” di tanahair sendiri seperti yang berlaku di negara jiran kita.”

Kata-kata bapanya itu membuatkan Raihana tersentak. Raihana lantas terfikir apakah yang diperjuangkan selama ini benar-benar memberi manfaat kepada bangsanya? Berkali-kali Raihana mempersoalkan dirinya. Raihana baharu menyedari bahawa selama ini beliau hanya bertindak berdasarkan perasaan tidak puas hati, benci serta rasa tidak adil dan bukannya berlandaskan akal yang waras dan hati yang telus. Selama ini, Raihana memandang lekeh sistem dan institusi raja di Malaysia tetapi hakikatnya sistem ini telah menjaga kedaulatan agama Islam dan bangsa Melayu. Nasihat bapanya memberi inspirasi kepada Raihana untuk menjadi seorang insan yang cakna dengan keadaan sekeliling dan bukannya dijadikan boneka mana-mana pihak dalam merealisasikan impian mereka.

Raihana merumuskan bahawa Islam hanya boleh membangun dengan hebat sebagaimana Khilafah (4 khalifah) dengan kesatuan ummah. Kelompangan yang berlaku dalam kalangan umat Melayu seharusnya ditangani dengan bijak. Umat Melayu adalah ibarat “*serumpun lidi*”. Jika keseorangan, mudah dipatahkan dan diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu. Serumpun lidi sangat susah untuk dipatahkan dan memerlukan tenaga yang kuat untuk mematahkannya. Begitulah umat Melayu yang dianugerahkan

oleh Allah iman dan Islam yang cukup kuat untuk melawan doktrin-doktrin atau anasir-anasir jahat yang cuba meracuni umat ini.

KISAH 8

AKU MANGSA LIBERAL REPUBLIKAN

Masyarakat dunia berhadapan dengan sebuah teori liberalisme yang berjaya mempengaruhi setiap dimensi kehidupan masa kini. Setiap ahli masyarakat telah menjadi mangsa bagi fahaman yang semakin menghimpit kemelut dunia sama ada sebagai racun mahupun penawar. Liberal republikan merupakan sebuah teori politik yang menegaskan bahawa negara-negara yang mengamalkan demokrasi liberal lebih aman dan selamat berbanding negara-negara lain. Hal ini diyakini melalui hasil yang diperoleh apabila negara-negara tersebut melaksanakan kesamarataan budaya politik, nilai moral dan kerjasama ekonomi di samping mengamalkan prinsip saling kebergantungan untuk hidup di dalam sesebuah negara.

Latiff mula mendapat pendedahan dari segi daya berfikir apabila usia beliau menginjak ke zaman remaja. Ketika itu beliau menerima pendidikan di sekolah agama yang banyak membantu Latiff memahami dan mengamalkan perintah agama. Sepanjang pembelajarannya di sekolah, subjek sejarah adalah antara mata pelajaran yang telah mengubah cara Latiff berfikir. Subjek ini memperkenalkan kepada Latiff beberapa tokoh penting negara dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di tanahair ini. Latiff juga mempunyai minat membaca dan mengikuti isu-isu semasa. Kebetulan kebanyakan isu itu dibincangkan dan sering dibahasakan oleh guru sejarah di sekolahnya.

Latiff semakin berminat mengikuti perkembangan beberapa tokoh. Tokoh yang menurutnya seakan memahami persoalan dalam fikirannya. Latiff mengagumi seorang tokoh yang selalu membangkit dan memperjuangkan isu-isu kebajikan rakyat tanpa sempadan agama dan bangsa serta menuntut kebebasan hak rakyat untuk bersuara. Ucapan tokoh berkenaan yang amat meyakinkan telah memberi kesan yang mendalam kepada Latiff.

Latiff mula menunjukkan perubahan dari segi penampilan, gaya berfikir dan cara bercakap yang banyak dipengaruhi oleh personaliti tokoh yang beliau kagumi. Perubahan Latiff menimbulkan tanda tanya kepada kedua orang tuanya tetapi Latiff meyakinkan mereka bahawa beliau tidak terlalu fanatik untuk terlibat dalam mana-mana parti politik atas alasan bahawa beliau masih di bawah umur. Minat Latiff tersebut berterusan sehingga beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Kehidupan di universiti mendedahkan Latiff pada suasana yang lebih mencabar sama ada dalam bidang akademik mahupun bukan akademik. Di samping itu, Latiff mula aktif dalam pertubuhan belia yang penuh dengan keinginan yang tinggi dan semangat yang berkobar-kobar untuk membawa perubahan. Ramai kawan-kawan beliau mempunyai minat yang serupa dan mengagumi tokoh yang sama sepertinya.

Hati Latiff mula terdetik untuk memberi sokongan atas setiap usaha yang dilakukan oleh tokoh tersebut. Hasrat tersebut mendorong Latiff menghadiri setiap ceramah yang disampaikan oleh tokoh berkenaan tanpa mengira sama ada lokasinya dekat mahupun jauh. Latiff mendapati tokoh berkenaan mempunyai penyokong yang sangat ramai serta banyak membantu beliau dalam melaksanakan harapan dan keinginan rakyat untuk hidup bebas di dalam negara tanpa terkongkong dengan peraturan kerajaan.

Umum mengetahui bahawa antara dasar dan ide yang dicetuskan oleh tokoh tersebut ialah memperjuangkan hak rakyat dalam sistem pendidikan, kewangan dan politik pentadbiran negara. Sistem pendidikan yang memungkin bahawa setiap orang perlu dibiayai pengajian mereka oleh kerajaan atas dasar hak yang patut mereka perolehi kerana membayar cukai paling mendapat perhatian daripada golongan belia dan pelajar. Tokoh ini juga mempamerkan pendekatan perpaduan yang kukuh antara semua kaum dan agama. Pada pandangan tokoh tersebut rakyat bebas untuk mengamalkan fahaman masing-masing tanpa mengira jenis agama yang mereka pilih. Ketaksuban Latiff terhadap tokoh tersebut menyebabkan beliau lupa tentang prinsip serta fungsi Perlembagaan Negara dan institusi raja.

Latiff semakin fanatik terhadap segala usaha tokoh berkenaan sehingga mengambil keputusan untuk menyertai perhimpunan jalanan di ibu kota yang dianjurkan oleh pertubuhan tersebut. Tujuan perhimpunan yang diadakan adalah untuk mempertahankan hak kebebasan rakyat dalam semua aspek. Latiff telah dikaburi dengan slogan kebebasan dan hak sama rata serta semakin lupa apa yang telah dipertahankan oleh nenek moyangnya sebelum ini berhubung kedaulatan negara serta kesetiaan kepada raja.

Menceritakan pengalaman beliau menyertai perhimpunan haram, Latiff menyatakan ketika itu, sifat taksub serta fanatik terhadap tokoh dan 'perjuangannya' amat menguasai dirinya ketika itu. Menurut Latiff, dia percaya pemikirannya dan penyokong-penyokong yang lain telah dipengaruhi untuk mengangkat tokoh tersebut sebagai pemimpin kononnya untuk menggerakkan perubahan besar dalam sistem kerajaan. Perhimpunan haram berkenaan sudah tidak terkawal akibat daripada provokasi yang dilakukan oleh peserta-peserta perhimpunan sehingga memaksa pihak keselamatan campur tangan dengan menyembur gas pemedih mata. Para peserta yang

agresif dan melakukan provokasi termasuk Latiff diberkas dan dibawa ke balai polis untuk disoal siasat.

Sepanjang soal siasat dijalankan, Latiff diberi peringatan bahawa apa yang diperjuangkan oleh peserta-peserta perhimpunan haram tersebut adalah sia-sia dan salah di sisi undang-undang negara. Salah seorang anggota polis di situ turut menjelaskan kepada Latiff agenda tersirat tokoh yang dikaguminya dan ramai yang menjadi mangsa beliau demi untuk memenuhi cita-cita politiknya. Setelah selesai disoal siasat, Latiff ditahan selama tiga hari di dalam tahanan lokap sebelum dibebaskan oleh kedua orang tuanya. Latiff berasa bersalah atas tindakannya menghadiri perhimpunan haram tersebut tanpa memohon keizinan orang tuanya terlebih dahulu.

Latiff amat bersyukur kerana kedua orang tuanya sentiasa memahami dan memberi sokongan kepadanya meskipun beliau telah tersilap memilih jalan. Menurut Latiff, bapa beliau menasihatkannya supaya meneliti dan mengkaji secara mendalam sebelum memilih pemimpin atau perjuangan yang ingin disertai. Nasihat bapa beliau mendorong Latiff bermuhasabah diri. Latiff juga mengambil inisiatif mencari maklumat tentang latar belakang serta prinsip dan pendekatan perjuangan yang dibawa oleh tokoh tersebut di perpustakaan dan meminta pandangan daripada para pensyarah di universitinya yang diyakini boleh dipercayai serta tidak bersikap berat sebelah. Latiff menemukan jawapannya. Ternyata perjuangan tokoh tersebut adalah berasaskan pada fahaman dan prinsip liberal republikan ciptaan barat yang dibentuk untuk manfaat mereka.

Pengalaman tersebut membuka mata dan fikiran Latiff. Rakyat yang bertanggungjawab sentiasa menghormati Perlembagaan Negara dan turut berperanan dalam menyumbang terhadap keamanan serta kestabilan negara. Begitu juga, Latiff turut mengenang sumbangan institusi raja dalam memelihara

maruah agama, bangsa dan negara apabila menentang penubuhan Malayan Union pada satu ketika dahulu. Para pejuang terdahulu juga berjuang untuk mempertahankan dan membebaskan negara daripada ancaman serta tekanan musuh serta penjajah. Institusi raja tetap mempunyai fungsi khususnya melindungi kedaulatan Islam dan menjaga rakyat. Latiff juga tidak sanggup jika agama lain menggantikan Islam sebagai agama Persekutuan dan tidak boleh menerima sekiranya ketuanan Melayu tergadai di tanahair sendiri.

KISAH 9

SOKONG MEMBAWA REBAH

Senario hari ini memperlihatkan generasi muda mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan hala tuju sesebuah negara. Generasi muda hari mempunyai persepsi dan dimensi pemikiran tersendiri terhadap sesuatu isu. Generasi muda sering dikaitkan dengan mahukan kebebasan dalam banyak perkara seperti dari segi pergaulan, tindakan, pemikiran dan pembuatan keputusan. Dari segi positifnya, ia membangunkan generasi berfikir, berkeyakinan tinggi, berani bersaing dan maju ke hadapan. Namun begitu, sekiranya tidak dikawal ia boleh mengundang kesan negatif terutamanya dari segi menyimpangkan mereka daripada prinsip serta nilai agama dan budaya. Dalam era globalisasi dan alam siber menguasai dunia, usaha untuk mengawal unsur-unsur asing yang bertentangan dengan prinsip Islam serta norma masyarakat timur semakin mencabar. Jawapan bagi permasalahan ini adalah didikan dan penerapan jati iman serta jati diri yang mampu menjadi perisai pada ancaman tersebut.

Firdaus seorang pelajar yang bijak, aktif, berani dan lantang bersuara. Hampir semua penghuni kampus mengenali Firdaus kerana keaktifan beliau dalam kelas, persatuan, sukan dan program-program pelajar. Keperibadian Firdaus banyak dipengaruhi oleh didikan tegas bapanya yang merupakan seorang pensyarah di sebuah universiti di utara tanahair. Semenjak kecil lagi bapa beliau memberi penekanan pada pendidikan agama dan

akademik secara seimbang kepada Firdaus serta adik beradiknya yang lain. *"Setandan pisang, tidak semua buahnya elok"*. Begitulah perumpamaan untuk Firdaus yang mempunyai sifat degil dan suka memberontak berbanding adik beradik beliau yang lain. Kerana itulah Firdaus sering menjadi sasaran kemarahan bapanya kerana sering melanggar perintah.

"Mana tidak tumpahnya kuah jika tidak ke nasi". Meskipun wujud jurang di antara Firdaus dengan bapanya, Firdaus mewarisi minat membaca terutama bahan bacaan falsafah, sejarah dan sains yang mencabar pemikiran dan didorong perasaan ingin tahu yang tinggi. Bapa Firdaus mempunyai koleksi bahan bacaan yang pelbagai sehingga memperuntukkan sebuah bilik untuk dijadikan bilik bacaan keluarga. Firdaus mendapati bahawa selain daripada buku-buku agama, bapa beliau sering memilih bahan bacaan berasaskan sejarah dan falsafah. Ia menarik minat Firdaus untuk mengetahui lebih lanjut setiap bacaan yang dipilih oleh bapanya. Pada peringkat usianya yang masih muda ketika itu iaitu 16 tahun, Firdaus telah mengenali beberapa istilah dan konsep yang berkaitan dengan pembaharuan, kebebasan, liberalisme, hak asasi manusia, perbandingan agama dan sebagainya.

Titik perubahan yang besar berlaku dalam diri Firdaus sewaktu beliau melanjutkan pengajian di universiti. Dunia kampus memberi peluang kepada Firdaus untuk menerokai ilmu terutama berkaitan dengan falsafah dan sejarah tamadun-tamadun besar di dunia. Di samping itu, perasaan inginkan kebebasan mendorong Firdaus mengkaji dan meneliti prinsip-prinsip liberalisme yang diperkenalkan oleh negara barat. Fahaman tersebut dirasakan sesuai dengan nalurinya yang mahukan kebebasan. Firdaus semakin mendalami dan menghayati prinsip kebebasan dalam bersuara, berfikir dan bertindak. Berasaskan pada penghayatan beliau terhadap prinsip-prinsip tersebut, Firdaus mula berani ke hadapan menyatakan ide dan memajukan kritikan termasuk kepada pihak pentadbiran universiti. Rentetan dari keberaniannya

itulah, Firdaus sering menjadi perhatian masyarakat kampus dan mulai mempunyai pengikut yang sependapat dengannya.

Firdaus dan rakan-rakannya berasa seronok serta teruja apabila corak pemikiran dan tindakan mereka mendapat perhatian. Ia mendorong Firdaus dan rakannya berusaha untuk menyebarkan fahaman liberalisme dalam kalangan masyarakat kampus. Pegangan agama Firdaus terhadap Islam semakin longgar dan hanya menumpukan pada ibadah yang wajib sahaja. Firdaus juga semakin berani mempersoalkan prinsip Islam yang menentang liberalisme dan pluralisme agama kerana beliau menyokong kebebasan beragama. Bagi Firdaus, anutan agama adalah hak individu dan tiada siapa yang berhak untuk memaksa seseorang menganut agama yang tidak diminatinya. Malah, Firdaus menyokong sekiranya seseorang Muslim ingin menukar agamanya atas alasan kebebasan beragama.

Personaliti seperti Firdaus sering diintai oleh pihak yang mempunyai agenda dan kepentingan. Sebuah parti politik telah menawarkan pelbagai kemudahan dan sokongan dalam bentuk material, peluang dan pendedahan sekiranya Firdaus membantu agenda mereka untuk mempengaruhi masyarakat terutamanya generasi muda. Parti politik berkenaan selain daripada menyokong fahaman liberalisme turut mendukung ide pluralisme dan pentadbiran republikan yang secara tidak langsung akan menghapuskan institusi raja di negara ini. Firdaus yang meminati politik menyatakan persetujuannya dan aktif membantu segala kempen dan propaganda parti politik berkenaan. Penglibatan Firdaus semakin jauh sehingga beliau kerap menyertai demonstrasi haram anjuran parti politik berkenaan dan sekutunya sehingga menyebabkan Firdaus dikenakan tindakan gantung pengajian oleh pihak universiti.

Keluarga terutamanya bapa Firdaus kecewa dengan perubahan beliau yang hanya merugikan diri dan masa depannya.

Firdaus berasa terpuakul dan kesal apabila kedua orang tuanya menyalahkan diri mereka dan memohon maaf kepadanya kerana gagal mendidik dan membimbingnya mengikut jalan yang benar. Firdaus terus terduduk dan sujud di kaki orang tuanya apabila mereka merayu sambil menitiskan air mata memohon Firdaus insaf dan kembali ke pangkal jalan. Ketika itu baharulah Firdaus sedar betapa besar dosanya kepada Allah, betapa hinanya dia kerana menitiskan air mata ibu bapanya, betapa bodohnya dia kerana mudah terpedaya dengan fahaman yang menyesatkan serta hasutan yang memudaratkan bukan sahaja dirinya malah keluarga, pegangan agamanya dan maruah bangsanya.

Pada malamnya, Firdaus duduk bersama bapanya di bilik bacaan keluarga. Bapa Firdaus menerangkan kepadanya tentang bahaya memahami liberalisme dalam konteks yang salah kerana ia boleh menjejaskan akidah seseorang Muslim. Bapanya menegaskan lagi bahawa Islam tidak menghalang kebebasan berfikir, bersuara dan bertindak tetapi hendaklah dalam kerangka yang betul dan terkawal iaitu melalui penghayatan pada ajaran Al-Qur'an, sunnah Rasulullah SAW, sirah para nabi dan sahabat serta pandangan ulama' Islam. Berhubung dengan institusi raja, bapa Firdaus menjelaskan bahawa adalah penting untuk mempertahankannya kerana ia merupakan payung bagi agama Islam di negara ini. Jika payung tidak dijaga atau tiada, nescaya kedudukan Islam dan umatnya di negara ini umpama tenggelam dek hujan dan kering dek kepanasan matahari. Bapa Firdaus juga mengingatkan Firdaus supaya jangan mudah terpedaya dengan tipu daya musuh-musuh Islam sepertimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ
بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ مِّنْكُمْ فَإِنَّهُ مِنَّهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا
يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani menjadi pemimpin(mu), sebahagian mereka adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain. Barangsiapa di antara kamu mengambil mereka menjadi pemimpin maka sesungguhnya orang itu termasuk golongan mereka, sesungguhnya Allah tidak memberi pemimpin kepada orang yang zalim.”

(Surah Al-Maa'idah; 5 : 51)

KISAH 10

PELUANG KEDUA

Aiyuu Ain dilahirkan di sebuah kampung di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan merupakan anak sulung daripada 12 orang adik beradik. Keluarganya hidup dalam kemiskinan. Ayahnya Rahman Marat atau dikenali orang kampung sebagai 'Man Marat' merupakan pemandu teksi manakala ibunya pula hanya seorang suri rumah mengurus rumah tangga dan adik beradiknya. Aiyuu Ain dibesarkan dalam sebuah keluarga miskin. Keluarganya dihipit kemiskinan kerana hanya bergantung pada pendapatan ayahnya yang tentunya tidak mencukupi untuk menyara sebuah keluarga besar seramai 14 orang itu. Sewaktu kecil, Aiyuu Ain dibesarkan dengan penuh kasih sayang. Malangnya, sikap penyayang ayahnya itu berubah apabila tabiat kaki judi mula menguasai dirinya. Kebanyakan duit pendapatannya dihabiskan untuk berjudi. Kesannya, keluarganya hidup dalam kesusahan dan lebih teruk lagi anak-anaknya menjadi mangsa nafsu serakahnya.

Keadaan keluarga yang penuh konflik, menjadikan Aiyuu Ain nekad untuk berusaha bersungguh-sungguh menempa kejayaan cemerlang. Bagi dirinya, tiada jalan lain untuk dia berjaya keluar dari terus-menerus menjadi mangsa nafsu serakah ayahnya dan belenggu kemiskinan yang menghimpit keluarganya melainkan melalui pencapaian cemerlang dalam keputusan akademik. Hanya dengan kejayaan yang cemerlang memberi peluang kepadanya untuk membebaskan dirinya daripada belenggu masalah yang

amat menekan jiwanya. Aiyuu Ain mahu bebas dan jauh daripada tersepit memikirkan masalah yang dihadapi oleh diri dan keluarganya. Dia mahu ke luar negara. Jauh dari tempat yang membuat dia berduka dan mengalirkan air mata saban masa.

Berkat kesabaran dan ketekunan Aiyuu Ain, dia telah berjaya mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tidak sia-sia dia bersenggang mata setiap malam bertemankan pelita untuk mengulang kaji pelajaran. Dia kemudiannya terpilih menerima biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Cita-citanya untuk pergi jauh meninggalkan keluarganya telah menjadi kenyataan. Aiyuu Ain memilih untuk menyambung pengajiannya di Universiti Adelaide, Australia dalam bidang politik antarabangsa.

Bagaikan rama-rama yang berjaya keluar dari kepompongnya, Aiyuu Ain berasa hidupnya amat bahagia. Sewaktu pengajiannya di Australia, dia mula mengenali erti cinta seorang insan bergelar lelaki. Dia mula berasa dirinya dihargai. Namun begitu, perkenalannya dengan seorang pelajar dari Malaysia di universiti yang sama yang merupakan kerabat diraja yang disegani ternyata ibarat pepatah, *"ku sangka panas hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari"*.

Lelaki yang diharapkan mampu menjadi pelindung dirinya setelah melalui pengalaman getir bersama ayahnya dahulu ternyata seorang buaya darat. Lelaki berkenaan hanya ingin mempergunakan dirinya sahaja untuk memuaskan nafsu jantannya. Sifat polosnya menyebabkan Aiyuu Ain mudah diperdayakan. Mana mungkin seorang yang berketurunan raja dan kaya-raya akan menjadikan gadis yang berasal dari keluarga miskin serta tidak diketahui asal keturunan sebagai isteri.

Aiyuu Ain sangat terpukul apabila mendapat penghinaan dan diperlakukan sedemikian rupa. Prestasi akademiknya mula jatuh merudum dan tajaan biasiswa ditarik balik oleh penaja. Dia

seperti kehilangan arah, namun pada masa yang sama berusaha untuk bertahan walaupun kerap kali tidak dapat mengawal emosi seperti mengambil pil tidur tanpa kawalan dan ponteng kuliah. Keadaan Aiyuu Ain mendapat perhatian pihak tertentu. Dia telah didekati oleh David, seorang rakyat Australia yang menawarkan khidmat untuk membantu Aiyuu Ain menangani masalah yang dihadapinya. Setelah mengetahui masalah gangguan emosi dan kewangan yang dihadapi oleh Aiyuu Ain, David menawarkan khidmat kaunseling secara percuma dan bantuan kewangan untuk membiayai pengajian Aiyuu Ain sepenuhnya sehinggalah dia berjaya menamatkan pengajiannya di Australia. Ibarat *"orang mengantuk disorongkan bantal"*, Aiyuu Ain dengan hati terbuka menerima tawaran tersebut. Tanpa disangka, melalui sesi kaunseling yang dihadiri Aiyuu Ain tersebut, David secara halusnyalah telah menyuntik fahaman liberalisme dalam pemikiran Aiyuu Ain. Peristiwa hitam dihimpit kemiskinan, dinodai bapa sendiri dan terjerat dengan cinta palsu seorang kerabat diraja menjadikan fahaman tersebut menular dengan mudah dalam dirinya. Dendam Aiyuu Ain terhadap pemuda berdarah keturunan diraja yang pernah diserahkan segala cinta dan harapan menjadikan dia semakin aktif membantu menyebarkan fahaman tersebut. Dendam itu juga membunuh kepercayaannya terhadap institusi raja.

Aiyuu Ain merasakan keadilan perlu ditegakkan. Dia tidak mahu rakyat marhaen sepertinya tertindas dengan segelintir sikap kerabat diraja yang suka berfoya-foya dan kurang bertanggungjawab. Tambahan pula Aiyuu Ain kini diberi kepercayaan oleh puak penggerak fahaman liberal republikan untuk menyampaikan ceramah dan berkongsi pengalaman hidupnya. Ceramah yang diserapkan dengan agenda liberal republikan mendapat sambutan hangat sehingga dirakam dan tersebar luas di media siber. Nama Aiyuu Ain mula mendapat perhatian masyarakat dunia termasuk Malaysia.

Walaupun berpegang pada fahaman liberal berkenaan, namun Aiyuu Ain masih mempunyai kepercayaan kepada Allah SWT. Aiyuu Ain masih tidak lupa menunaikan solat. Kenangan bersama ibu dan adik-adiknya masih terpatris kemas dalam ingatannya. Sebenarnya, walaupun Aiyuu Ain cuba lari daripada memikirkan tentang keluarganya, dia tidak pernah gagal menitipkan wang kepada ibu dan adik-adiknya di kampung. Dia sanggup menggunakan wang biasiswanya dan kemudian wang bantuan yang diterimanya untuk kegunaan ibu dan adik-adiknya di kampung. Sikap binatang ayahnya, menyebabkan dirinya benci apabila membicarakan perihal keluarga. Namun, kasih sayang kepada ibu dan adik-adiknya masih menebal. Aiyuu Ain berazam sebaik sahaja menamatkan pengajiannya di Australia, dia ingin membawa ibu dan adik-adiknya berpindah dari kampung demi membina sebuah kehidupan baharu. Aiyuu Ain terus menyimpan impiannya tersebut dan yakin beliau mampu merealisasikan. Keyakinannya tersebut didorong oleh perubahan kehidupan yang dinikmatinya. Kedudukan kewangannya stabil dan tidak lagi dibelenggu dengan masalah kewangan. Aiyuu Ain menampung kehidupan dan pengajiannya melalui elaun khidmat ceramah penyebaran fahaman liberalisme yang diberikannya yang sememangnya lumayan.

Ketika itu Aiyuu Ain merasakan inilah pelangi setelah hujan yang beliau nantikan selama ini. Inilah kehidupan yang kian memberi erti kepada dirinya. Seinggalah suatu hari, Aiyuu Ain ditakdirkan bertemu dengan seorang lelaki yang menarik perhatiannya dan sedang memberi ucapan di dewan utama universiti. Lelaki yang bernama Muhammad Al-Bakri merupakan Presiden Persatuan Pelajar Malaysia bagi kampus Adelaide. Aiyuu Ain terpegun dengan intipati ucapan serta penyampaian yang tersusun. Biarpun sebelum ini lelaki yang hadir dalam hidupnya ternyata mengecewakan dirinya, namun lelaki yang menarik perhatiannya kali ini sangat berbeza. Semenjak hari itu, Aiyuu Ain berusaha untuk menarik perhatian Muhammad Al-Bakri tetapi

ternyata semua usahanya menemui kegagalan.

Aiyuu Ain tidak mahu berlungah. Biarlah orang lain menganggap sikapnya seperti *"perigi mencari timba"*. Bagi dirinya, inilah jawapan pada permintaannya kepada Allah selama ini iaitu menemukan dirinya dengan cinta yang suci dan sejati. Aiyuu Ain kemudian menyampaikan hasratnya untuk berkenalan dengan Muhammad Al-Bakri melalui rakannya. Keberanian Aiyuu Ain bertindak demikian kerana beliau mendapat inspirasi daripada sejarah lamaran Saidatina Khadijah RA kepada Rasulullah SAW. Tambahan pula, Muhammad Al-Bakri adalah seorang lelaki yang baik dari segi agama dan akhlaknya.

Aiyuu Ain bersyukur kerana hasratnya disambut baik oleh Muhammad Al-Bakri. Namun begitu, Muhammad Al-Bakri mahu diatur pertemuan bagi mereka berta'aruf dan mengenali diri masing-masing lebih dekat. Sepanjang perkenalannya dengan Muhammad Al-Bakri, ternyata lelaki tersebut mempunyai akhlak dan kematangan yang tinggi kerana bersedia menerima segala kekurangan diri Aiyuu Ain termasuk perihal sikap ayahnya yang kaki judi dan pemabuk. Bagi Muhammad Al-Bakri, tiada siapa di dunia ini yang meminta dilahirkan dalam keluarga sedemikian. Apa yang penting adalah diri Aiyuu Ain sendiri yang berkehendakkan pada kebaikan.

Namun begitu, perhubungan Aiyuu Ain dan Muhammad Al-Bakri teruji apabila pada satu hari Aiyuu Ain dengan penuh bersemangat berkongsi akan fahaman liberal republikan yang dipegangnya selama ini. Wajah Muhammad tiba-tiba berubah sambil beristighfar panjang. Tindak balas Muhammad Al-Bakri tersebut serta-merta menaikkan api kemarahan Aiyuu Ain sehingga mewujudkan sesi perdebatan yang hangat antara mereka berdua. Aiyuu Ain yang tidak berpuas hati dengan Muhammad Al-Bakri bingkas bangun meninggalkan pertemuan mereka begitu sahaja.

Sesampai sahaja di biliknya, Aiyuu Aini menangis sepuas-puasnya. Hatinya sungguh terluka mendengar apa yang diperkatakan oleh Muhammad Al-Bakri. Setelah perasaannya sedikit reda, perlahan-lahan Aiyuu Ain cuba mengingatkan apa yang diperkatakan oleh Muhammad Al-Bakri sepanjang mereka bertelingkah tadi. Hujah Muhammad Al-Bakri sebenarnya jika diperhalusi agak meyakinkan dan ada relevannya. Namun, kerana ego Aiyuu Ain yang tinggi menyebabkan dia tidak mahu menerima kenyataan bahawa perjuangannya selama ini hanya dimanipulasi pihak barat agar mereka dapat menguasai pemikiran, budaya dan pemerintahan umat Islam. Aiyuu Ain terus berusaha menenangkan perasaannya dan beliau teringat pada pesanan Rasulullah SAW dalam sebuah hadis iaitu, *"Tinggalkan apa yang meragukan kamu, kerjakanlah apa yang tidak meragukan kamu. Sesungguhnya kebenaran membawa ketenangan dan dusta itu menimbulkan keraguan."*

(HR Tirmidzi dan An-Nasa'i)

Hadis berkenaan cukup membuatkan Aiyuu Ain berfikir dan membuat pertimbangan. Malam itu, Aiyuu Ain bangkit menunaikan solat istikharah buat kali pertama dalam hidupnya. Setelah banyak keputusan hidupnya dibuat atas dasar dendam dan emosi dirinya semata-mata, kali ini beliau bertekad mahukan jawapan daripada Allah SWT. Hatinya bulat, Aiyuu Ain menyerahkan kepada Allah untuk memutuskan jalan hidup yang terbaik bagi dirinya. Beberapa malam Aiyuu Ain istiqamah menunaikan solat istikharah bagi mendapatkan petunjuk daripada Allah. Tanpa Aiyuu Ain sedari, hari demi hari juga hatinya seperti berat untuk memikirkan dan menyentuh tentang liberalisme. Aiyuu Ain semakin kurang aktif memberi ceramah tentang liberalisme sebaliknya dengan sokongan dan bantuan Muhammad Al-Bakri, Aiyuu Ain mendapat peluang berkongsi ilmu serta pengalamannya mengenai bahaya fahaman liberalisme dan kepincangan prinsip republikan melalui ceramah, media cetak

dan media siber. Aiyuu Ain berazam untuk membuang fahaman liberal republikan jauh daripada hidupnya.

Aiyuu Ain menganggap pengalaman ini adalah peluang kedua baginya. Dia mahu menghargai dan memaknakan jawapan daripada Allah. Setelah mengalami episod demi episod dalam hidupnya yang penuh dengan pelbagai rintangan, dia mahukan sesuatu yang menemukan dirinya dengan jalan pulang. Jalan yang membawanya kepada keredhaan Allah.

KISAH 11

SULUH CAHAYA KEBENARAN

Pepatah Melayu ada mengingatkan, *“setinggi mana langit dipandang, rumput dipijak jangan dilupa”*. Pepatah tersebut jelas mengingatkan umat Melayu agar sentiasa berpegang dan memelihara asas didikan, adab budaya, nilai-nilai murni serta asal usul biarpun telah mencapai kejayaan atau berada pada kedudukan yang hebat. Begitu juga, walaupun bagaimanapun kelebihan yang dimiliki oleh negara lain, tetap negara sendiri lebih baik sepertimana pepatah menyebut, *“hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri”*. Pengalaman inilah yang dilalui oleh Amirul dan kesudian beliau berkongsi pengalaman tersebut dengan harapan ia dapat dijadikan iktibar terutama kepada umat Melayu.

Amirul dilahirkan dalam keluarga yang sederhana dan merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Keluarganya tidak pernah mempunyai perkaitan dengan dunia politik. Ayah beliau seorang pembantu perubatan manakala ibunya pula pula berkhidmat dengan salah sebuah agensi kerajaan. Menurut Amirul, semenjak kecil beliau tidak pernah terdedah dengan dunia politik, begitu juga dengan institusi raja.

Mengimbas kembali penglibatan beliau dengan fahaman liberalisme, Amirul menyatakan ia bermula sewaktu melanjutkan pengajiannya ke United Kingdom. Sewaktu menjalani

kehidupan di United Kingdom, Amirul mula berjinak-jinak dengan pertubuhan hak asasi manusia dan aktif sebagai aktivis pertubuhan tersebut. Menurut Amirul, penglibatannya sebagai aktivis hak asasi manusia disebabkan beliau merasakan dunia ini tidak adil. Terdapat ramai ahli masyarakat yang melayani manusia lain kadangkala lebih hina daripada binatang. Amirul turut menceritakan bagaimana rakan-rakan beliau daripada golongan gay dihina oleh masyarakat Islam sehinggakan perkataan haram dan neraka itu sering diamburkan kepada golongan ini. Pada pandangan Amirul ia tidak menggambarkan keindahan Islam dan apakah hak seseorang untuk menghukum orang lain masuk syurga atau dihumbankan ke neraka?

Penglibatan dalam gerakan menegakkan hak asasi manusia benar-benar mengubah pandangan dan persepsi Amirul terhadap dunia. Daripada seorang pemuda yang kurang keyakinan diri menjadi seorang pemidato yang lantang bersuara. Bagi Amirul, tidak ada satu sudut di universiti pun yang tidak boleh dijadikan tempat berpidato. Beliau juga menganggap kerja komuniti seperti ini perlu berjalan 24 jam. Tidak ada istilah cuti. Keaktifan Amirul memberi beliau peluang menjelajah ke serata United Kingdom. Dari minggu ke bulan sehinggalah bertukar tahun Amirul komited dan konsisten melibatkan diri dalam program-program hak asasi. Pada kemuncak penglibatan beliau, Amirul dilantik sebagai presiden sebuah pertubuhan hak asasi manusia.

Pada cuti semester tahun ketiga pengajian, Amirul ke Manchester iaitu salah sebuah bandar moden di United Kingdom untuk menjalankan program pengenalan hak asasi manusia di samping merekrut sejumlah sukarelawan baharu. Segala persiapan telah diaturkan sebelum rombongan Amirul tiba ke bandar tersebut. Amirul dengan riak kesal pada wajahnya menceritakan, ketika itu adalah satu kelaziman baginya dan rakan-rakan mengunjungi pub sambil berhibur dan mengambil minum keras bagi melepaskan tekanan. Islam hanya tinggal pada

kad pengenالannya tetapi di sana Amirul mengamalkan hidup bebas. Segala perbuatan yang dilarang oleh Islam daripada arak, pergaulan bebas dan bersekedudukan sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan beliau ketika itu. Hari berikutnya, program hak asasi manusia yang dirancang berjalan dengan baik. Ramai sukarelawan yang mendaftarkan diri sehingga kunjungan tersebut ditambah satu hari lagi bagi melatih sukarelawan baharu yang mendaftar. Banyak diskusi yang berlaku tetapi kebanyakannya hanya berkisar pada perkara asas hak asasi.

Dalam pada itu, bagi meringkaskan cerita mengenai penglibatan beliau yang semakin jauh dalam aliran liberalisme ini, Amirul menyatakan ia berlaku apabila beliau bertemu dengan seorang senior yang dihormatinya sewaktu berada pada tahun pertama pengajiannya. Menurut Amirul, banyak yang beliau belajar daripadanya menyebabkan dia cukup menghormatinya. Namun begitu, ketika Amirul melangkah ke tahun dua, seniornya itu tiba-tiba menghilangkan diri. Tiada sesiapa pun yang tahu ke mana dia pergi. Amirul sendiri berusaha bertanya kepada pihak universiti. Malangnya, tiada jawapan yang diperoleh.

Ahmad Jamal atau dikenali sebagai AJ datang menegurnya sewaktu beliau sedang menelaah buku *Geneva Convention* di taman universiti. Amirul menyatakan beliau sememangnya tidak menyangka dapat bertemu kembali dengan AJ. Sewaktu pertemuan itulah AJ mula menceritakan kehilangannya adalah disebabkan satu misi penting di tanahair. AJ bertanya kepada Amirul mengenai pengetahuannya tentang demokrasi. Amirul menyatakan sememangnya beliau menyokong demokrasi. Tambahan pula beliau merupakan seorang aktivis hak asasi manusia. AJ memuji usahanya selama ini dan menyatakan bahawa Amirul mempunyai potensi besar sebagai pemimpin. Pujian AJ tersebut menambah rasa teruja Amirul.

AJ menerangkan kepada Amirul bahawa dia terlibat dengan gerakan menegakkan keadilan untuk rakyat. Jelasnya, selama ini

masyarakat di Malaysia dikongkong oleh satu kuasa yang mereka tidak nampak. Menurut Amirul, AJ berjaya meyakinkan beliau bahawa perjuangannya itu adalah perjuangan rakyat. Pada waktu itu Amirul masih tidak tahu apakah nama gerakan yang diperjuangkan oleh AJ tetapi beliau merasakan ia sesuai dengan jiwanya. Tambahan pula ketika itu Amirul berpandangan bahawa Islam di Malaysia agak kejam. Ia melanggar banyak prinsip hidupnya. Apa lagi cadangan untuk memperkenalkan undang-undang hudud. AJ juga berjaya mendapatkan persetujuan Amirul untuk menyertai perjuangannya dengan meninggalkan beberapa risalah serta wang tunai untuk tiket penerbangan pulang ke Malaysia dalam masa dua minggu lagi, Amirul masih ingat lagi kata-kata AJ, *"Penting. Perlu pulang untuk berjuang!"*

Debaran Amirul memuncak tatkala roda pesawat mencecah bumi Malaysia. Perasaan teruja dan gementar menyelubungi diri. Amirul tidak pasti apa yang telah diaturkan oleh AJ. Ketibaan Amirul disambut oleh AJ dengan senyuman dan pelukan erat seorang abang. AJ kemudiannya membawa Amirul ke sebuah lokasi. Perjalanan dari lapangan terbang ke lokasi tersebut mengambil masa lebih kurang satu jam setengah. Amirul dan AJ disambut sekumpulan anak muda dan tidak lama selepas itu satu mesyuarat telah diadakan. AJ mendedahkan rancangan dan strategi yang akan digunakan untuk mempengaruhi rakyat dengan menggunakan pelbagai medium yang ada sama ada bersifat konvensional ataupun baharu. Maka, bermulalah gerakan yang diketuai oleh AJ. Matlamat gerakan ini adalah untuk menimbulkan keraguan rakyat terhadap ketua agama di Malaysia. Ringkasnya, gerakan ini berperanan menyemaikan rasa kebencian rakyat terhadap institusi raja melalui gabungan fahaman hak asasi manusia dan gaya hidup liberal. Gerakan ini turut mengambil keputusan bahawa untuk kempen sebesar ini, adalah penting mendapatkan sokongan daripada pertubuhan bukan kerajaan, badan-badan persendirian mahupun orang perseorangan untuk meluaskan pengaruh. Mereka yakin bahawa banyak pihak dan

sebahagian daripada ahli masyarakat mempunyai perspektif, pemikiran dan pendirian yang sama berkaitan kedudukan Islam dan institusi raja di negara ini. Apa yang menghalang mereka selain daripada undang-undang adalah mereka tidak mendapat pendedahan dan maklumat serta tidak mempunyai platform untuk turut menyatakan ketidakpuasan dan tentangan.

Gerakan tersebut mula mempergiatkan pelbagai kempen dan propaganda yang bertujuan menyemai kebencian rakyat terhadap institusi raja. Ia bergerak di seluruh negara dan beberapa buah negara luar. Menurut Amirul, beliau sendiri agak terkejut kerana terdapat beberapa badan dari luar negara memberi sokongan dan sebahagian daripadanya turut menawarkan dana. Dana tersebut ternyata membantu aktiviti gerakan dipergiatkan dengan lebih lancar dan sistematik. Gerakan ini menyedari bahawa polis cawangan khas (SB) ada mengekori dan memantau gerakan serta kegiatan yang dijalankan tetapi secara licik juga segala perancangan, strategi dan bahan bukti berjaya disembunyikan. Gerakan ini memberi tumpuan kepada kawasan bandar dan pinggir bandar, kerana mengikut kajian yang telah dijalankan, masyarakat di bandar lebih terbuka dalam menerima isu-isu seperti ini serta lebih berani mengutarakan sesuatu isu.

Amirul menyatakan berdasarkan pengamatannya sepanjang dua tahun terlibat dalam gerakan yang memperjuangkan prinsip liberal republikan tersebut, ternyata ia berjaya mempengaruhi ramai orang. Gerakan tersebut juga berjaya menyemai rasa benci dalam kalangan segelintir masyarakat terhadap institusi raja dan menanamkan benih tentangan terhadap kedudukan Islam di Malaysia.

"Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga". Mungkin kerana gerakan tersebut semakin aktif, ia berjaya dihidu oleh pihak berkuasa dan bilik operasi gerakan telah diserbu oleh pihak polis. Semua komputer riba, risalah-risalah dan fail-fail

diangkut ke balai polis. Namun begitu menurut Amirul, mereka telah menjangkakan serbuan tersebut dan berjaya melarikan diri lebih awal. Amirul sendiri melarikan diri ke selatan tanahair sedang rakan-rakan yang lain ada yang ke utara, timur dan pantai barat.

Pertemuan Amirul dengan seorang gadis bernama Aisyah sewaktu dalam penerbangan pulang ke Malaysia seperti satu ketetapan daripada Allah bagi memberi peluang untuk beliau kembali ke pangkal jalan. Sepanjang perjalanan, Amirul berusaha untuk berkenalan dengan Aisyah tetapi tidak menerima respons yang positif. Namun, Amirul bernasib baik kerana beliau sempat menghulurkan kad namanya dan beberapa penulisannya kepada Aisyah sewaktu Aisyah menunggu kenderaan yang akan datang untuk menjemputnya di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA). Beberapa minggu kemudian Aisyah menghubunginya dan menyatakan hasrat untuk bertemu dengan beliau kerana ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada Amirul.

Menurut Amirul, sewaktu pertemuan tersebut, Aisyah bertanya tentang penulisan beliau yang diserahkannya sewaktu di KLIA dahulu. Ketika itu Amirul menyangkakan Aisyah berminat untuk mengetahui secara mendalam mengenai fahaman liberalisme. Beliau dengan penuh bersemangat menceritakan kepada Aisyah mengenai penglibatannya dalam gerakan liberalisme. Mungkin kerana wujud perasaan suka terhadap Aisyah, segalanya Amirul ceritakan. Tambahan pula Amirul melihat Aisyah mendengar ceritanya dengan tekun. Namun begitu, selesai sahaja Amirul bercerita, Aisyah langsung bertanya, *"Awak suka tak kalau awak cipta robot, kemudian robot itu melawan awak? Bagaimana ya, seorang manusia yang diciptakan Tuhan, tetapi tidak menghormati penciptanya?"* Soalan itu membuatkan Amirul berasa terpuak dan terdiam beberapa saat. Terasa egonya tercalar. Wajah Aisyah tetap tenang dan membuatkan Amirul tidak mampu berkata walau sepatah perkataan pun.

Hari-hari selepas itu Amirul kerap bertemu dengan Aisyah. Kadang-kadang untuk berbual, berbincang malah bertengkar mengenai prinsip dan kehidupan. Ada sesuatu yang istimewa pada gadis itu sehingga membuatkan Amirul merasakan seperti ada tarikan magnet dan sentiasa ingin bersamanya. Keutamaan dan fokus Amirul terhadap aktiviti-aktiviti gerakan semakin longgar. Amirul lebih banyak meluangkan masa bersama Aisyah. AJ yang sekian lama memerhatikan perubahan Amirul akhirnya memberi kata dua kepadanya. Pertemuan dan perbincangan dengan Aisyah selama ini telah membuka mata hati dan pemikiran Amirul untuk membezakan antara yang hak dan yang batil. Amirul memilih meninggalkan gerakan tersebut dan fahaman yang banyak menyasarkannya daripada kebenaran. Takdir dan hidayah Allah mengatasi segala-galanya. Allah mentakdirkan Amirul bertemu dan bersatu dengan Aisyah untuk membuka pintu kebenaran untuknya.

KISAH 12

IKUT RASA BINASA

Kejutan budaya. Itulah istilah yang tepat apabila menyentuh tentang pengalaman yang dilalui oleh Fahmy, seorang mahasiswa di sebuah institusi pengajian tinggi yang sememangnya dibangunkan untuk membantu anak-anak Melayu. Bagi Fahmy, kejayaan melanjutkan pengajian di universiti adalah sesuatu yang bukan sahaja membanggakan dirinya tetapi juga keluarga terutama kedua orang tuanya. Semenjak di bangku sekolah lagi Fahmy telah menunjukkan kecemerlangan dari segi akademik, kepimpinan dan tidak terkecuali sebagai seorang pemidato yang baik. Fahmy berazam meneruskan kecemerlangan diri dengan memanfaatkan ilmu dan pengalaman baharu yang bakal ditimbanya di universiti. Fahmy juga masih mengingati pesanan ayahnya sewaktu menghantarnya ke universiti, supaya memberi tumpuan pada pelajaran dan tidak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang universiti.

Namun, beliau mula lupa akan pesanan ayahnya apabila menjalani kehidupan di kampus. Kehidupan di kampus membuatkan Fahmy merasakan satu suasana yang cukup berbeza termasuk terdedah pada pemikiran-pemikiran yang menyuntik semangatnya untuk menjadi seorang pejuang yang menegakkan keadilan. Fahmy menjadi lebih bersemangat semenjak menyertai 'Lepak Warung Kopi' yang diperkenalkan oleh seorang kawan. Kumpulan ini terdiri daripada para pemikir muda yang lebih

dikenali sebagai pemuda-pemuda 'Islam Tajdid'. Mereka bersungguh-sungguh inginkan perubahan di negara ini. Fahmy tertarik dengan program santai kumpulan ini dan berpeluang berkongsi ide dengan golongan tersebut yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pemikiran.

Semenjak menyertai 'Lepak Warung Kopi', Fahmy merasakan perspektif pemikirannya semakin terbuka dan meluas. Ini termasuklah perkara yang bersabit dengan institusi raja. Menurut Fahmy, sebelum ini banyak perkara yang beliau kurang tahu mengenai perihal institusi raja. Secara halus, Fahmy didedahkan dengan satu fahaman yang pengaruhnya semakin meluas dalam usaha mengumpulkan suara rakyat di negara ini untuk menuntut serta mengubah dasar pemerintahan demokrasi raja berperlembagaan kepada liberal republikan. Propaganda yang memburukkan institusi raja dipergiatkan sehingga berjaya menanam perspektif negatif terhadap institusi ini dengan matlamat untuk menghapuskannya. Fahmy turut aktif menghadirkan diri dalam sesi pertemuan dan perbincangan sehingga sering pulang lewat malam ke asrama. Namun begitu, Fahmy sentiasa memastikan yang beliau tetap menghadiri kuliah walaupun sering tersengguk-sengguk kerana kurang tidur. Sebenarnya ramai kawan-kawan Fahmy yang tidak menyedari akan penglibatannya dalam 'Lepak Warung Kopi'. Ia tidak dihebahkan secara terbuka dan Fahmy kebetulan ketika itu menerima ajakan daripada seorang rakan beliau yang telah lama menyertai kumpulan ini dan berjaya menanam sikap prejudis dalam diri Fahmy terhadap institusi raja. Fahaman yang cuba ditanam adalah berkisar tentang hak rakyat dan penindasan ke atas rakyat.

Dalam pada itu, Fahmy mula tertarik dengan salah seorang pemimpin yang begitu bersemangat ingin melakukan perubahan di negara ini. Prinsip serta pandangannya yang luas berjaya mempengaruhi golongan muda dalam membuat suatu keputusan termasuk tanpa perlu berpaksakan agama dan menolak hukum-

hukum sedia ada yang menjadi halangan atas alasan memberi kebebasan kepada generasi muda berjuang tanpa sekatan.

Pada mulanya Fahmy kurang meyakini fahaman ini kerana semenjak kecil lagi telah diajar supaya taat kepada raja. Namun begitu, apabila menjalani kehidupan di universiti, lain pula ceritanya terutamanya apabila beliau menyertai 'Lepak Warung Kopi'. Perspektif Fahmy terhadap institusi raja turut berubah sehingga sampai ke satu tahap perasaan ingin tahu dan bibit ketidakpuasan terhadap institusi ini kian berakar. Kumpulan ini bukan sahaja memperjuangkan kebebasan bersuara tetapi juga semakin giat mengatur strategi untuk merealisasikan pelaksanaan liberal republikan di negara ini. Pada pandangan mereka, kewujudan institusi raja menghalang perubahan dari segi hak dan kehendak rakyat termasuk hak agama kaum lain yang ingin menyebarkan agama mereka turut disekat. Mereka memberi contoh amalan pentadbiran negara luar yang tiada mempunyai institusi raja yang menunjukkan bahawa mereka bebas untuk melakukan apa sahaja dari segi kebebasan bersuara, kebebasan beragama dan hak-hak asasi manusia yang lain.

Mereka juga berpendapat prinsip ketaatan kepada raja perlu disanggah. Ini adalah kerana pada pandangan mereka selama ini kerajaan yang mengurus dan memelihara kebajikan rakyat dan bukannya institusi raja. Mereka turut berhujah disertai dengan dalil-dalil yang menyokong setiap kenyataan yang diberi. Fahmy semakin teruja ingin mengetahui lebih mendalam lagi tentang kelemahan sistem beraja ini. Fahmy sendiri merasakan prinsip "*raja dan rakyat tidak dapat dipisahkan*" sekadar '*tong kosong*' kerana selama ini pun beliau tidak pernah nampak raja datang ke kampung mendampingi dan membantu rakyat. Lebih menambahkan perspektif negatif Fahmy terhadap institusi raja adalah isu sebahagian kes yang memperlihatkan mereka masih lagi kebal daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Propaganda kumpulan 'Lepak Warung Kopi' semakin membakar sentimen kebencian Fahmy terhadap institusi raja. Banyak risalah diedarkan bertujuan untuk mempengaruhi rakyat supaya menolak institusi raja. Sampai ke satu tahap apabila pulang ke kampung sewaktu cuti semester, Fahmy cuba mempengaruhi pemikiran keluarganya supaya menolak institusi raja. Sangkaan Fahmy bahawa keluarganya akan bersetuju dengan pendirian beliau ternyata meleset apabila mereka terutama ayahnya membidas Fahmy dengan pertanyaan, *"Apa yang kau belajar kat universiti sampai beriya-iyanya mempersoalkan institusi raja?"* Bidasan ayah Fahmy menyebabkan beliau terkedu dan terdiam tanpa memberikan jawapan tetapi di dalam hatinya berkata mereka semua tidak faham apa sebenarnya yang berlaku. Meskipun gagal mempengaruhi keluarganya, Fahmy sedikit pun tidak merasa tergugat dengan pendirian keluarganya, malah tetap berpegang teguh pada pendirian bahawa institusi raja perlu dihapuskan dan perubahan sistem demokrasi raja berperlembagaan kepada liberal republikan perlu dijayakan.

Fahmy semakin kerap mengikuti ceramah-ceramah politik yang menjadi salah satu saluran utama dalam usaha menjatuhkan institusi raja. Semakin hari Fahmy semakin kagum dan bertambah seronok mendengar pejuang hak-hak asasi manusia menyampaikan hujah-hujah mereka. Fahmy pernah cuba berdebat dengan rakan-rakannya tentang institusi raja. Fahmy hampir ditewaskan oleh rakan-rakannya kerana mereka memberi hujah yang begitu padat dan konkrit dengan dalil yang cukup jelas. Namun begitu, Fahmy tetap mempertahankan pendiriannya walaupun telah dilabel sebagai pendukung liberalisme. Menurut Fahmy selepas mendengar hujah rakannya, terdetik juga di dalam hatinya sama ada pendiriannya benar atau sebaliknya. Namun disebabkan terpengaruh dengan kempen dan dakyah fahaman liberalisme yang selama ini beliau ikuti, Fahmy tetap menyokong dan berpandangan bahawa hak-hak raja perlu dihapuskan.

Fahmy kemudiannya didedahkan dengan elemen yang menjurus pada hak-hak bersuara seperti *free market*, *rule of law*, *limited government* dan *individual liberty* yang merupakan elemen-elemen penting dalam memperjuangkan hak asasi manusia. SeHINGGALAH satu hari kumpulan 'Lepak Warung Kopi' dipanggil dan dibawa bertemu dengan pemimpin parti pembangkang untuk merancang satu demonstrasi jalanan yang akan dibuat di ibu kota. Demonstrasi itu dinamakan sebagai 'SUCI 01'. Menurut Fahmy, pada mulanya beliau agak gementar untuk menyertai demonstrasi tersebut tetapi diyakinkan dengan penuh semangat oleh pemimpin itu bahawa demonstrasi berkenaan adalah untuk menyelamatkan Malaysia dan memastikan negara ini bebas daripada kuasa raja-raja. Fahmy dan rakan-rakan lain daripada kumpulan 'Lepak Warung Kopi' diberi upah dan suguhati untuk menjalankan tugas. Tugas yang diberikan adalah mencari dan menarik seramai mungkin pelajar-pelajar untuk menyertai demonstrasi ini dengan hanya bermodalkan arahan daripada pemimpin tersebut. Ternyata usaha tersebut berhasil bila mana sambutan daripada pelajar-pelajar sangat memberangsangkan. Kebanyakan yang turut serta adalah daripada mereka yang berlatarbelakang pro pembangkang.

Demonstrasi 'SUCI 01' ini dikhabarkan antara yang terbesar akan dilakukan di sekitar ibu kota. Fahmy turut terlibat mengagihkan kemeja-t 'SUCI 01' ke setiap pusat pengajian di sekitar ibu kota. Iklan mengenai 'SUCI 01' sudah tersebar di seluruh Malaysia. Ini merupakan pengalaman pertama kepada Fahmy menyertai demonstrasi jalanan. Jika sebelum ini beliau hanya menonton di laman *Youtube* tetapi kali ini Fahmy bukan saja turut serta, malah diberi tugas untuk menjayakannya. Fahmy dan mereka yang terlibat sebagai jentera penggerak diberi suguhati setelah segala persediaan selesai dilakukan. Fahmy juga ada menerima perkhabaran bahawa ramai yang akan hadir dari setiap negeri untuk menjayakan demonstrasi ini.

Isu utama yang akan disuarakan ialah kuasa raja perlu

dilupakan, raja perlu patuh pada undang-undang negara dan negara ini bukan milik raja. Isu-isu tersebut membuatkan Fahmy terfikir apakah semua yang dilaungkan itu benar-benar untuk rakyat atau sekadar mainan politik? Hati kecil Fahmy turut berkata-kata, *"Adakah apa yang aku lakukan ini salah?"* Namun, semua itu Fahmy tolak mentah-mentah kerana merasakan inilah masanya untuk bersama-sama dengan rakyat bersuara mendapatkan keadilan. Ketika itu Fahmy sedar bahawa beliau tidak sepatutnya terlibat memandangkan status beliau sebagai pelajar, tetapi nafsu dan semangat telah menguasai segalanya sehingga mendorong beliau menyertai demonstrasi tersebut.

Pada hari demonstrasi 'SUCI 01' berlangsung, Fahmy dan rakan-rakan daripada kumpulan 'Lepak Warung Kopi' telah diarahkan untuk berkumpul di suatu tempat. Ketika itu, kelihatan kelibat pasukan polis dan FRU (Pasukan Simpanan Persekutuan) yang bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Kehadiran peserta demonstrasi sangat mengejutkan iaitu dipenuhi lautan manusia dengan slogan-slogan yang telah dirancang dengan rapi. Penuh orang ketika itu sehingga menutup jalan-jalan utama. Kedengaran pekikan suara yang membantah institusi raja. Fahmy mula bergerak mengikut perarakan demonstrasi. Suasana ketika sangat hiruk pikuk dengan jeritan manusia dan suara-suara sumbang yang menghangatkan lagi suasana. Fahmy menceritakan bagaimana tiba-tiba berlaku satu pergelutan antara pihak penguatkuasa dan juga peserta demonstrasi selepas provokasi dilakukan oleh peserta. Dalam keadaan berasak-asak dan kelam kabut Fahmy cuba mengelak ke tepi tetapi tidak berjaya. Pada waktu itu kelihatan sepasukan polis dan FRU tiba kerana situasi sudah tidak terkawal. Fahmy berusaha untuk keluar dari lautan manusia tetapi tiba-tiba bahunya ditarik oleh seorang polis yang berpakaian preman. Ketika itu menurut Fahmy, jantungnya terasa terhenti seketika. Fahmy kemudiannya ditarik dan dibawa naik ke dalam trak FRU. Menurut Fahmy, hanya Allah yang tahu betapa kecutnya hati beliau sewaktu dibawa masuk ke dalam trak

dan dikunci. Selain daripada Fahmy, terdapat hampir tiga puluh peserta demonstrasi ditahan dan dibawa ke balai polis untuk disoal siasat.

Ketika dibalai polis, Fahmy mengakui bahawa beliau diselubungi dengan perasaan takut dan pelbagai persoalan berlegar dalam fikirannya. Apa yang paling merisaukan Fahmy adalah jika penangkapan beliau ini sampai kepada pengetahuan orang tuanya. Segala butir peribadi Fahmy dicatat oleh anggota polis yang bertugas. Fahmy menjawab segala soalan yang diajukan oleh polis. Pihak polis kemudiannya menghubungi keluarganya. Fahmy diberi peluang untuk bercakap dengan kedua orang tuanya. Rasa kesal semakin menebal apabila Fahmy mendengar tangisan ibunya dan nada suara ayahnya yang menggambarkan kekecewaan. Menurut Fahmy, airmatanya jatuh kerana telah mengecewa dan melukakan hati kedua orang tuanya. Kedua orang tuanya memaafkan Fahmy. Ayahnya turut memberi teguran atas kesilapan yang terlalu mengikutkan darah muda sehingga terjebak pada fahaman yang salah dan tidak sepatutnya ditegakkan. Fahmy menyambung dengan mengatakan bahawa pengalaman ditangkap, disoal siasat dan bermalam di lokap membuatkan beliau merasa sangat aib serta terasa tiada peluang hidup dan kelam masa depan.

Hari berikutnya Fahmy dan rakan-rakan dari kumpulan 'Lepak Warung Kopi' yang terlibat dalam penangkapan semalam dibebaskan dari lokap dan kembali ke universiti. Pihak universiti telah dimaklumkan mengenai penglibatan Fahmy dan rakan-rakannya tersebut dalam demonstrasi. Pihak universiti kemudiannya mengatur sesi kaunseling untuk pelajar-pelajar yang terlibat. Menurut Fahmy, kaunseling yang diberi amat membuatkan beliau insaf. Rupa-rupanya apa yang dipegang selama ini semenjak dari bangku sekolah adalah benar. Fahmy menyesali akan pemikirannya yang dangkal sehingga mudah terperdaya dengan kata-kata retorik seorang pemimpin parti

politik yang hakikatnya mempunyai agenda mendapatkan kuasa dan memusnahkan institusi raja. Fahmy dibebaskan daripada sebarang tindakan tatatertib memandangkan beliau adalah pelajar baharu. Namun begitu, Fahmy diberi amaran keras akan dibuang daripada pengajian sekiranya melibatkan diri dalam apa juga bentuk demonstrasi anjuran parti politik yang boleh mengancam keselamatan negara pada masa hadapan. Peluang kedua ini mendorong Fahmy menanam azam untuk menghindari akitiviti serta perjuangan yang sia-sia sebaliknya membangunkan dirinya sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan Islam, bangsa dan negara serta menghormati institusi raja.

KISAH 13

TAUBAT MERAWAT SALAH FAHAM UMAT

“Apa yang difikir selalunya mempengaruhi tindakan seseorang. Manusia biasanya bertindak mengikut apa yang dipegang atau dipercayainya. Persoalannya, terdapat segelintir manusia yang sentiasa merasakan dirinya betul dan orang lain salah walaupun mungkin apa yang diyakininya itu bertentangan dengan agama serta nilai atau peraturan masyarakat.”. Demikian Marwan memulakan bicaranya apabila bercerita tentang pengalaman beliau terlibat dengan fahaman liberalisme.

Marwan menambah, sebelum ini beliau bersikap skeptikal terhadap golongan beraliran Islam. Pada pandangan beliau, golongan berkenaan berfikiran tertutup dan terkebelakang kerana tafsiran sempit mereka terhadap ajaran dan peraturan Islam. Marwan lebih meyakini konsep Islam moderat kerana menganggap golongan fundamentalis hanya memberi gambaran kepada masyarakat bahawa Islam itu tertutup, kasar, zalim dan terkebelakang.

Marwan aktif dalam aspek kepimpinan di kolej kediamannya. Justeru, Marwan mempunyai kelompok rakan dan pemimpin yang sehaluan dengan pemikirannya termasuklah dari beberapa kolej yang lain. Marwan mempunyai kredibiliti seorang pemimpin kerana sering memajukan cadangan-cadangan yang bersifat

kreatif dan inovatif. Banyak juga pembaharuan yang berlaku di kolej berdasarkan ide dan cadangan Marwan. Daya pemikirannya yang kreatif dan inovatif serta sikap proaktif yang dimiliki oleh Marwan menyebabkan ramai pelajar menghormati pemikiran dan pandangannya. Marwan menyatakan bahawa ketika itu beliau merasakan dirinya berada di puncak dunia kerana menerima penghormatan sebegitu rupa.

Marwan berusaha menerokai ide-ide yang dapat membantunya mencetuskan pemikiran yang lebih ke hadapan berbanding pelajar-pelajar lain. Marwan juga telah mencadangkan supaya dibentuk kumpulan intelek muda dalam kalangan pemimpin-pemimpin kolej yang sealiran dengan pemikirannya kerana beliau berpegang pada prinsip, *“seorang pemuda yang berjiwa besar tidak seharusnya disekat daripada berfikir dan bersuara dengan bebas”*. Kumpulan ini akhirnya aktif dalam membincangkan isu-isu sosial dan politik serta banyak dipengaruhi oleh pemikiran tokoh-tokoh liberalisme. Kumpulan intelek muda yang diasaskan oleh Marwan berusaha menampilkan imej mereka sebagai sebuah kumpulan yang berfikiran kritis dan ke hadapan. Kelainan corak pemikiran kumpulan ini berjaya mengheret segelintir pelajar untuk berfikiran secara bebas. Malah, kumpulan intelek muda dan para pengikutnya turut menerima doktrin badan-badan politik serta pertubuhan bukan kerajaan yang memperjuangkan prinsip liberalisme. Mereka juga semakin berani mengkritik sistem pentadbiran negara dan institusi raja.

Marwan secara berterus terang menyatakan bahawa perasaan kurang hormat terhadap institusi raja timbul dalam dirinya semenjak dari zaman persekolahannya lagi. Perasaan itu timbul berikutan dari satu insiden yang melibatkan seorang kerabat diraja bebas dari hukuman meskipun telah melakukan satu kesalahan besar terhadap seorang rakyat biasa. Marwan merasakan ia satu ketidakadilan untuk rakyat. Justeru, semenjak hari itu Marwan mempersoalkan peranan dan kredibiliti institusi

raja. Di samping itu, propaganda beberapa parti politik tentang kelemahan pentadbiran negara turut mempengaruhi pemikiran Marwan. Parti-parti politik telah memanfaatkan alam siber secara konsisten untuk menyebarkan kritikan dan tohmahan terhadap kerajaan khususnya bagi mempengaruhi generasi XY yang mana Marwan tidak terkecuali daripadanya. Strategi dan propaganda parti-parti politik berkenaan yang turut disokong oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang merupakan sekutu mereka, akhirnya berjaya menembusi pemikiran sebahagian masyarakat terutamanya generasi muda sehingga ke tahap “yang benar dianggap palsu, yang palsu pula dianggap benar”. Budaya fitnah dan tohmah semakin berleluasa dalam masyarakat. Konsep “matlamat menghalalkan cara” juga semakin menjadi amalan sesetengah pemimpin dan parti politik serta pertubuhan demi agenda dan kepentingan masing-masing.

Dalam pada itu, Marwan yang berfikiran kritis dan mempunyai pendirian tersendiri sentiasa peka dengan perkembangan semasa dalam negara. Marwan sendiri pada hakikatnya keliru dan kurang bersetuju dengan beberapa pendekatan, keputusan dan kempen yang dianjurkan oleh parti politik yang disokongnya kerana dilihat seperti mempergunakan rakyat, menggunakan sentimen perkauman, menggugat kestabilan negara serta mengundang campur tangan asing. Kepercayaan Marwan terhadap ideologi dan pendekatan parti politik semakin longgar apabila hati dan pemikiran beliau tersentuh sewaktu membaca titah peringatan DYMM Raja Nazrin Shah yang ketika itu baginda merupakan Pemangku Raja Perak mengenai kepentingan memelihara kedaulatan bangsa dan negara. Marwan menunjukkan keratan akhbar yang mengandungi titah ucapan DYMM Raja Nazrin Shah tersebut yang antara lain menyebut;

“Akhir-akhir ini, bangsa bagaikan berhadapan pantang larangan sehingga silu untuk menyebut perkataan Melayu, di bumi dan di tanah air warisan bangsa yang terletak di tengah-tengah Nusantara Melayu. Bumi dan tanah air pusaka bangsa, pada satu ketika dahulu tersohor dengan kemakmuran, berperanan sebagai pusat pertemuan budaya timur - budaya barat, dilimpahkan sejahtera, di bawah naungan kerajaan berpayungkan Raja Melayu dan Kerajaan Melayu yang mengamalkan sistem pemerintahan berteraskan Islam. Jika tidak segera diperbetulkan rasa janggal untuk menyebut perkataan Melayu, dibimbangkan ia akan menjadi titik mula kepada pelupusan sejarah dan tamadun bangsa, lantas melarat kepada penghakisan bahasa dan identiti bangsa. Malah, telah turut kedengaran pengumuman oleh saluran media rasmi negara yang merujuk Raja Melayu sebagai Raja Malaysia.

Ketika bangsa bagaikan mabuk dilambung ombak globalisasi, amatlah perlu untuk bangsa diperingatkan kepada fakta sejarah, agar Melayu kekal dijadikan konsep yang hidup, tidak dihanyutkan oleh arus globalisasi. Konsep Melayu hendaklah kekal diaktifkan dengan menghormati bahasa Melayu, menghargai budaya Melayu, menghayati ajaran Islam, mengekalkan kedaulatan bangsa yang dilambangkan oleh takhta pemerintahan beraja. Sejauh mana Beta melaut, Beta senantiasa menjadikan pedoman akan ungkap kata yang pernah dizahirkan oleh Paduka Ayahanda Beta, Hakim Raja Tan Sri Azlan Shah ketika dianugerahkan Ijazah Doktor Persuratan oleh Universiti Malaya, pada 30 Jun 1979;

“ ...bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang agama, berbilang adat resam. Tetapi walau bagaimanapun, kita perlu ingat, dan jika kita tidak ingat, maka kita seharusnya diperingatkan, bahawa dalam negara yang semuanya berbilang itu, mestilah ada

suatu asas di mana kita mesti menumpukan perhatian. Dalam konteks ini, Malaysia telah wujud hasil dari cantuman tiga wilayah, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Persekutuan Tanah Melayu pula diasaskan atas tapak Kesultanan Melayu Melaka...; Perkataan 'Negeri Melayu Bersekutu', 'Negeri Melayu Tidak Bersekutu' dan 'Persekutuan Tanah Melayu' masih wujud dalam undang-undang kita. Dengan lain perkataan, negara Malaysia adalah berteraskan kepada sejarah Melayu, evolusi politik Melayu, nasionalisme Melayu yang hidup subur dan kepulauan Melayu yang mempunyai sejarah kebudayaan Melayu....Faktor-faktor dan hakikat inilah yang melahirkan Negeri-negeri Melayu, Persekutuan Tanah Melayu dan akhirnya Malaysia".

(Petikan Titah DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah di Majlis Wacana Perpaduan Ummah, Balai Budaya Tun Syed Nasir Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 19 Februari 2013)

Menurut Marwan, beliau menghayati teks ucapan berkenaan dan terdetik di dalam hatinya bahawa pada hakikatnya institusi raja mampu memainkan peranan bukan sahaja dari segi memelihara kedaulatan Islam dan kedudukan umat Melayu tetapi juga menyumbang pada perpaduan sosial, keamanan serta kemakmuran bersama. Rakyat memerlukan lebih ramai pemimpin yang mewakili institusi raja yang berjiwa rakyat, berfikiran luas serta berintegriti. Ketika itulah, Marwan baharu menyedari bahawa sistem pemerintahan dan Perlembagaan Negara sedia ada yang telah diamalkan semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan adalah jaminan sosial untuk rakyat keseluruhannya. Jika perlu pun pada penambahbaikan, ia mungkin hanya melibatkan permasalahan yang lebih pada tuntutan semasa yang relevan. Ternyata bahawa usaha sesetengah pihak yang mempunyai agenda tersirat untuk mengubah sistem pentadbiran demokrasi

raja berperlembagaan bukanlah satu langkah yang bijak malah mungkin lebih mendatangkan kemudaratn kepada agama, bangsa dan negara.

KISAH 14

BERANI KERANA BENAR

Aiman menghadiri majlis gerakan yang berfahaman liberal untuk kali pertama atas ajakan rakan baiknya. Pada sangkaan Aiman, majlis yang akan dihadapinya itu adalah majlis-majlis diskusi yang sering disertainya sebelum ini. Aiman sebagai seorang yang kuat berpegang pada syariat Islam menceritakan bahawa beliau sendiri berasa kurang selesa dengan suasana majlis berkenaan kerana bukan sahaja wujud percampuran lelaki dan wanita malah rata-rata yang hadir mengamalkan budaya yang bertentangan Islam serta etika sebuah majlis. Kelihatan lelaki dan wanita bukan muhrim saling bersalaman dan bersentuhan pipi apabila bertemu, menghisap rokok secara bebas serta berbual sambil diselang-seli dengan hilaian tawa seolah-olah tidak tahu menjaga adab majlis.

Lebih memeranjatkan Aiman, apabila majlis diskusi bermula, isu-isu yang dibentang atau dibangkitkan oleh panel penceramah serta peserta adalah mengenai kesetaraan gender, kebebasan beragama, LGBT dan hak asasi manusia. Pembentangan isu oleh para panel penceramah tersebut disokong dengan hujah-hujah yang kukuh bukan sahaja dengan menggunakan perspektif barat tetapi juga mengelirukan peserta dengan memetik beberapa ayat Al-Qur'an, Al-Hadis dan pandangan para ulama Islam berdasarkan kerangka logik serta rasional mereka semata-mata. Menurut Aiman, rasa terperanjatnya berubah menjadi sedih dan bimbang kerana majoriti panel penceramah serta peserta yang

hadir adalah kaum Melayu dan beragama Islam. Tidak ada seorang pun dalam majlis berkenaan yang membantah kenyataan-kenyataan batil yang dikemukakan. Ketika itu, Aiman bercadang untuk memberi teguran dan pandangan tetapi beliau menahan dirinya terlebih dahulu kerana berasa terpanggil untuk menyiasat gerakan berkenaan dan mempersiapkan dirinya dengan hujah yang penuh hikmah dan tepat.

Individu pertama yang menerima teguran Aiman adalah teman baiknya. Pada peringkat awal, teman baiknya sukar menerima teguran Aiman kerana pemikirannya telah dipengaruhi oleh fahaman liberalisme yang dibawa oleh gerakan tersebut. Teman baik Aiman terpengaruh dengan fahaman tersebut kerana pada pandangannya ia memberi perspektif yang berbeza tentang Islam iaitu lebih bebas dan tidak rasa terkongkong. Panel penceramah yang dijemput pula bukan sebarangan kerana terdiri daripada tokoh-tokoh cendekiawan serta profesional tempatan dan antarabangsa. Aiman berjaya meyakinkan teman baiknya dengan memetik sepotong hadis ringkas yang bermaksud;

“Apa yang paling aku takutkan bagi umatku adalah orang munafik yang pandai bersilat lidah.”

(HR Abu Ya’la)

Aiman bersyukur kerana niatnya untuk menyelamatkan teman baiknya itu daripada terlibat lebih jauh dalam fahaman liberalisme dipermudahkan oleh Allah SWT. Aiman banyak mendapat maklumat tentang gerakan tersebut daripada teman baiknya. Melalui maklumat berkenaan, Aiman semakin memahami akan modus operandi gerakan tersebut yang memfokus pada individu-individu yang rapat dengan ahli-ahlinya untuk menambah bilangan pengikut mereka.

Aiman kemudiannya mengambil inisiatif bertemu dengan beberapa tokoh cendekiawan Islam untuk mendapatkan

pandangan mereka tentang fahaman liberalisme. Tidak cukup dengan itu, Aiman meminta kerjasama dan persetujuan daripada beberapa pensyarah pengajian Islam menyertai perjuangannya atau mereka mencadangkan individu-individu yang dapat membantu beliau dalam membahaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh golongan liberalisme. Ada yang memberi sokongan dan sebahagian yang lain mengambil sikap berkecuali. Meskipun Aiman kecewa dengan sikap segelintir para ilmuwan Islam yang enggan memberi komitmen dalam menegakkan kebenaran, beliau berpegang pada firman Allah SWT melalui ayat 147, Surah Al-Baqarah:

الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ

Maksudnya:

"Kebenaran itu datang dari Rabbmu, maka janganlah kamu sekali-kali termasuk orang-orang yang ragu."

(Surah Al-Baqarah; 2 : 147)

Aiman seterusnya mengatur sebuah perjumpaan kecil dengan individu-individu yang berminat untuk memberi sokongan pada perjuangannya. Aiman menjelaskan kepada mereka bahawa untuk membanteras golongan seumpama ini bukanlah dengan kekuatan fizikal sebaliknya kekuatan iman, ilmu dan akal. Aiman mengakui bahawa beliau tidak mampu melaksanakannya secara bersendirian, tambahan pula penguasaan ilmunya terbatas. Justeru, Aiman memerlukan satu pasukan yang mantap dari segi semangat, komitmen dan ilmu untuk mengekang fahaman liberalisme daripada terus mempengaruhi masyarakat terutamanya umat Islam. Aiman menegaskan bahawa perjuangan ini adalah satu jihad untuk menjamin akidah umat Islam dan survival umat Melayu.

Individu yang menyertai misi Aiman hanya berjumlah 11 orang. Namun begitu, Allah tidak pernah memungkiri janjinya. Allah akan sentiasa membantu hambaNya yang menolong membela agamaNya. Jamaah Aiman yang berjumlah 11 orang tersebut menggerakkan kelebihan masing-masing termasuklah dari segi perkongsian ilmu melalui pelbagai medium, mengatur acara-acara umum (ceramah, forum dan bengkel) serta mendapatkan kerjasama strategik daripada badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam untuk mengekang pengaruh fahaman liberalisme.

Teman baik Aiman turut memainkan peranan apabila mencadangkan jamaah mereka mengatur strategi menghantar sejumlah wakil ke majlis diskusi anjuran gerakan berkenaan. Individu yang mewakili jamaah mereka ke majlis diskusi tersebut terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang Al-Qur'an dan Al-Hadis, falsafah Islam, siasah syar'iiyyah dan perundangan. Ia bertujuan supaya wakil-wakil yang diamanahkan untuk menjalankan misi tersebut mampu menentang segala hujah yang dikemukakan oleh ahli-ahli panel yang akan membentangkan kertas kerja mereka. Apa yang dirancang sememangnya menjadi kenyataan apabila wakil-wakil berkenaan memainkan peranan mereka dengan baik dalam mematahkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh golongan liberal. Kepetahan wakil-wakil jamaah Aiman mematahkan hujah golongan liberal tentu sahaja membuatkan sebahagian peserta terfikir apakah mereka mengikut fahaman dan jalan yang tepat untuk memandu kehidupan mereka. Dalam hal ini, manusia sebagai hambaNya hanya mampu berusaha tetapi hidayah adalah milik Allah. Sesungguhnya beruntunglah bagi mereka yang dipilih oleh Allah untuk menerima hidayahNya. Situasi tersebut pada hakikatnya adalah sebahagian daripada perancangan dan ketetapan Allah bagi membenarkan firmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَأَهْدَىٰ مِنْ
 بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ ۖ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ
 وَيَلْعَنُهُمُ اللَّعِنُونَ ﴿١٥٩﴾ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا
 وَبَيَّنَّاهُمْ فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk hidayah, sesudah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Kitab (yang diturunkan), mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh sekalian makhluk. Kecuali orang-orang yang bertaubat, dan memperbaiki (penyelewengan mereka) serta menerangkan (apa yang mereka sembunyikan); maka orang-orang itu, Aku terima taubat mereka, dan Akulah Yang Maha Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah Al-Baqarah; 2: 159-160)

Rentetan daripada kejayaan wakil-wakil jamaah Aiman dalam mematahkan hujah golongan liberal tersebut, terdapat segelintir pengikut mereka yang tidak berpuas hati dan berasa terancam. Natijahnya, Aiman dan beberapa ahli jamaah yang lain menerima ugutan serta surat layang yang mencemuh perjuangan mereka. Namun, semua itu tidak mematahkan semangat Aiman dan jamaahnya. Mereka tidak terikut-ikut dengan rentak golongan yang mengamalkan budaya, “lempar batu, sembunyi tangan” serta mereka juga yakin Allah adalah sebaik-baik pelindung daripada segala bentuk bahaya.

Aiman dan jamaahnya membuktikan bahawa "*selagi ada kemahuan di situ ada jalan*" dalam membela dan melindungi umat Islam daripada ajaran atau fahaman yang menyesatkan. Pengalaman Aiman dan jamaahnya juga menunjukkan tidak kira kecil atau besar kemampuan seseorang, usaha memartabatkan kedaulatan Islam adalah satu kewajipan bagi setiap Muslim. Kesungguhan serta komitmen Aiman dan jamaahnya seharusnya dijadikan inspirasi oleh setiap Muslim untuk memainkan peranan dalam mempertahankan Islam. Malah, janganlah kita tergolong dalam kelompok yang hanya pandai berkata-kata dan melemparkan kritikan semata-mata tetapi tetap berpeluk tubuh tanpa melakukan apa-apa.

KISAH 15

AIR MATA KHALID

Kaunselor memainkan peranan yang penting untuk menyelami masalah, membuka jalan penyelesaian dan mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh seseorang individu. Dalam hal ini, tugas sebagai kaunselor memberi peluang kepada Hasyim untuk memahami permasalahan yang dihadapi oleh individu dan masyarakat. Hasyim tidak menafikan tugas kaunselor semakin mencabar. Peningkatan jumlah kes dari tahun ke tahun membuktikan bahawa ramai yang memerlukan bantuan kerana menghadapi tekanan dan hilang arah tuju dalam kehidupan mereka. Lebih mengkusarkan, golongan yang lemah iman dan pegangan hidup lebih mudah terjerumus pada aktiviti-aktiviti yang kurang sihat dan kesudahan yang sia-sia. Begitu juga, sepanjang pengalaman beliau dalam bidang kaunseling, pada satu tahap tubuh seseorang akan menolak sesuatu yang tidak menepati jiwa, minat, kecenderungan atau kehendaknya. Seseorang itu akan memberontak dan melepaskan tekanan dengan cara yang berbeza-beza termasuk mengikut jalan yang salah.

Hasyim berkongsi pengalaman Khalid, seorang remaja yang memberontak dengan memilih aktiviti yang menyalahi undang-undang akibat tekanan yang dihadapinya semenjak beliau kecil. Ibu bapanya bersikap pilih kasih dan memberi layanan kurang adil kepadanya berbanding abangnya. Khalid mempunyai personaliti yang berbeza dengan abangnya. Abang Khalid merupakan seorang

anak yang mendengar kata, fokus pada pelajaran dan pendiam. Berbeza dengan Khalid yang mempunyai tingkah laku hiper, kurang minat pada pelajaran dan sering melakukan perkara-perkara yang menimbulkan kemarahan kedua ibu bapanya. Namun begitu, Khalid mempunyai kelebihan tersendiri iaitu pandai melukis serta cekap dalam memahami dan menggunakan komputer. Malangnya, ibu bapa Khalid yang lebih mementingkan pencapaian akademik tidak menghargai kelebihan yang dimiliki olehnya. Bagi ibu bapa Khalid, melukis dan menguasai komputer tidak menjamin masa depannya. Perhatian dan sokongan ibu bapa Khalid lebih banyak tertumpu pada abangnya yang sememangnya cemerlang dalam akademik dan aktiviti di sekolah.

Ibu bapa Khalid kemudiannya mengambil keputusan menghantar Khalid ke sekolah berasrama bagi meningkatkan pencapaian akademiknya serta menjadikan beliau lebih berdisiplin. Khalid tidak bersetuju dengan keputusan kedua ibu bapanya tetapi terpaksa akur dengan perintah mereka. Sikap pilih kasih, kurang memahami, kurang bertimbang rasa dan suka memaksa telah membekaskan rasa dendam di dalam hati Khalid terhadap kedua ibu bapanya. Khalid memberontak dengan selalu menimbulkan masalah di sekolah sehingga pihak sekolah terpaksa membuangnya. Khalid berubah secara drastik menjadi remaja yang bermasalah. Ibu bapa Khalid sudah hilang punca untuk mengawal Khalid.

Ikhtiar terakhir adalah dengan menumpangkan Khalid tinggal bersama bapa saudaranya yang mempunyai sepasang anak kembar lelaki yang sebaya dengan Khalid. Sepanjang menetap bersama bapa saudaranya, Khalid mencemburui kasih sayang dan perhatian yang diterima oleh sepupunya. Bapa saudara Khalid dan isterinya memberi layanan yang saksama kepada kedua-dua anak mereka. Bapa saudaranya memahami perasaan Khalid sambil memberi jaminan tidak akan meminggirkan Khalid dan melayannya seperti anak sendiri. Keluarga 'baharunya' sentiasa

menunjukkan kasih sayang dan sokongan kepada Khalid. Beliau berasa amat dihargai.

Apabila Khalid dan sepupunya menamatkan zaman persekolahan, mereka menyambung pelajaran di kolej yang sama. Khalid mengikuti kursus seni grafik. Bapa saudara Khalid akhirnya mengesan kelebihan Khalid dalam mengendalikan komputer. Beliau kagum dengan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan Khalid dalam semua aspek yang berkaitan dengan komputer. Tercetus di fikiran bapa saudara Khalid yang rupa-rupanya seorang pendukung di sebalik tabir sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang propembangkang untuk menggunakan kelebihan yang dimiliki oleh Khalid. Kelebihan beliau dapat membantunya menjalankan propaganda, mengkritik dan menentang sistem serta dasar kerajaan. Secara halus, bapa saudaranya memberi pendedahan kepada Khalid tentang platform-platform yang perlu digunakan untuk melancarkan perang siber. Bapa saudaranya menyediakan segala bahan dan maklumat manakala Khalid pula mereka bentuk serta mengemaskinikan status secara kreatif dan inovatif. Hari demi hari, kadar pengunjung laman web dan blog yang disediakan oleh Khalid kian meningkat termasuk yang memilih "*like*" pada setiap status yang dikemaskinikan olehnya.

Khalid semakin leka dengan dunia dan rutin barunya. Beliau semakin berani membangkitkan isu-isu sensasi. Pengalaman dengan keluarganya menyebabkan Khalid tidak mempercayai institusi perkahwinan. Ini mendorong Khalid menjadi penyokong tegar bagi gerakan LGBT. Lebih malang lagi, pendidikan agama yang kurang diterima oleh beliau baik daripada ibu bapa mahupun bapa saudara beliau mendorong Khalid cenderung pada cara hidup bebas. Ajaran Islam tidak dipedulikannya tetapi amalan hidup hedonistik yang cintakan hiburan dan keseronokan pula diagung-agungkannya. Golongan yang berjiwa dan bercita rasa seperti Khalid ini bukan sedikit jumlahnya. Justeru, golongan inilah yang menjadi aset kepada pihak berkepentingan untuk

menegakkan fahaman liberalisme serta sistem pentadbiran yang berasaskan republikan. Pihak berkepentingan ini rakus inginkan kuasa dengan memainkan sentimen rakyat. Mereka menyuntik jarum hasutan kepada masyarakat bahawa negara tidak akan maju kerana institusi raja yang berperanan melindungi kedaulatan Islam dan hak umat Melayu menjadi penghalang terbesar pada agenda mereka.

Sedikit demi sedikit Khalid mempelajari untuk menjalankan dakyah berkaitan politik. Khalid yang dangkal pengetahuannya tentang undang-undang dengan berani telah mengeluarkan kata-kata lucah serta penghinaan kepada pemimpin negara dan institusi raja. Malah, Khalid turut memasukkan slogan-slogan berbaur hasutan ciptaan bapa saudaranya kononnya atas tuntutan kebebasan bersuara dan hak asasi rakyat.

Kegiatan Khalid tersebut sampai ke pengetahuan Encik Hafizuddin, salah seorang pensyarah di kolejnya. Melihat pada penampilan Khalid dan cerita-cerita yang beliau dengar daripada segelintir pelajar, Encik Hafizuddin mengikuti perkembangan Khalid secara senyap-senyap. Beliau berasa terpanggil untuk menyelamatkan akidah dan masa depan Khalid. Encik Hafizuddin juga maklum tentang masalah keluarga yang dihadapi oleh Khalid. Beliau juga tahu bahawa bapa saudara Khalid adalah individu yang bertanggungjawab menjebakkannya pada aktiviti-aktiviti yang bukan sahaja menyalahi undang-undang tetapi juga menyalahi etika seorang anggota masyarakat di dalam sebuah negara yang merdeka. Peranan bapa saudara Khalid dalam hal ini diakui sendiri oleh sepupunya yang tanpa sengaja telah mendedahkan kegiatan bapa mereka kepada Encik Hafizuddin.

Encik Hafizuddin membuat laporan polis setelah mempunyai bukti yang cukup. Pihak polis dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berjaya mengemukakan bukti bahawa Khalid dan bapa saudaranya

terlibat dengan aktiviti yang boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah akta hasutan. Khalid kemudiannya diletakkan di bawah pengawasan juvana memandangkan beliau masih di bawah umur.

Pusat latihan juvana sentiasa mengaturkan jadual kaunseling untuk pelatih-pelatihnya termasuk Khalid. Apabila berbual dengan Khalid, dapat dirasakan bahawa jiwa dan hidupnya kosong. Beliau masih belum dapat memaafkan kedua ibu bapanya sehingga enggan bertemu dengan mereka. Encik Hafizuddin adalah satu-satunya pelawat yang beliau bersetuju untuk bertemu dan kerap datang melawatnya. Apabila ditanya kepada Encik Hafizuddin mengapa beliau memberi perhatian yang istimewa kepada Khalid, beliau menyatakan dia juga pernah merasa keperitan yang sama dan tersilap langkah sehingga terjebak pada penyalahgunaan dadah. Beliau bernasib baik kerana mendapat rawatan dan bimbingan daripada Ustaz Khair, seorang pengamal perubatan Islam. Allah mentakdirkan beliau bertemu dengan Ustaz Khair bagi membimbingnya ke jalan yang benar sehingga beliau berjaya mengubah cara hidupnya serta menikmati kebahagiaan hidup berkeluarga dan berkerjaya.

Encik Hafizuddin berazam untuk membantu dan membimbing Khalid. Prinsipnya, jika satu pintu tertutup, ia bermakna Allah ingin membuka lebih banyak pintu untuk hambaNya. Encik Hafizuddin yakin bahawa kunci bagi pintu hidayah dan pintu taubat sudah berada di dalam genggamannya. Khalid dan hanya menunggu masa untuk beliau membukanya. Sesungguhnya janji Allah SWT itu pasti sepertimana firmanNya:

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ

Maksudnya:

"Katakanlah: 'Wahai hamba-hambaKu yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah'."

(Surah Az-Zumar; 39 : 53)

KISAH 16

SESAL YANG TIADA NOKTAHNYA

Dari Abu Hurairah RA, beliau berkata, *“Seseorang datang kepada Rasulullah SAW dan bertanya: ‘Wahai Rasulullah kepada siapakah aku harus berbakti pertama kali?’ Nabi SAW menjawab, ‘Ibumu’, dan orang itu kembali bertanya, ‘Kemudian siapa lagi?’ Nabi SAW menjawab, ‘Ibumu’. Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi?’ Baginda SAW menjawab, ‘Ibumu’. Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi?’ Nabi SAW menjawab, ‘Kemudian ayahmu’.”*

(HR Bukhari dan Muslim)

Setiap kali terbaca atau terdengar hadis tersebut, hati Datuk Karim pasti berasa hiba. Ia cukup memberi kesan penyesalan dalam dirinya sehingga ke hari ini.

Datuk Karim berasal dari sebuah kampung di selatan tanahair. Beliau dibesarkan oleh ibunya sendirian kerana bapanya meninggal dunia sewaktu beliau masih di dalam kandungan. Ibunya mengambil upah menjahit baju dan menjaja kuih bagi menyara kehidupan mereka. Datuk Karim sewaktu kecil mempunyai sikap ringan tulang membantu ibunya. Selain menolong ibunya menjaja kuih dari rumah ke rumah, Datuk Karim mengambil upah daripada Haji Saad meraut pelepah daun kelapa untuk dijadikan penyapu lidi. Sekali-sekala Haji Saad memberi upah kepada Datuk Karim untuk menjaga kedai runcitnya sekiranya mempunyai urusan di pekan.

Datuk Karim juga seorang pelajar yang pintar di sekolahnya dan sering menerima anugerah pelajar cemerlang. Datuk Karim kemudiannya menerima tawaran melanjutkan pelajaran peringkat sekolah menengah di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), sebuah sekolah berasrama penuh yang elit untuk pelajar-pelajar cemerlang. Setelah mendapat keputusan cemerlang dalam M.C.E (kini dikenali sebagai S.P.M), Datuk Karim mendapat tajaan biasiswa daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk melanjutkan pengajian ke salah sebuah universiti di Amerika Syarikat. Ibu mana yang tidak berasa bangga melihat anaknya berjaya. Justeru, peluang tersebut mendapat sokongan dan restu daripada ibunya walaupun terpaksa menjalani kehidupan sendirian sepanjang anaknya menyambung pelajaran di luar negara.

Datuk Karim menyatakan kehidupan di luar negara banyak mengubah sikap dan peribadi beliau. Meskipun terdapat pegawai-pegawai MARA dan Majlis Pelajar Malaysia sebagai tempat rujukan dan membuat sebarang aduan, ternyata ia tidak mencukupi untuk menghalang seorang pelajar yang mengalami kejutan budaya serta jati diri yang lemah daripada dipengaruhi nilai serta budaya barat. Menurut Datuk Karim, sewaktu itu iaitu pada era 1970-an kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan orang Melayu masih lagi rendah dan tidak seperti hari ini. Mahu berjumpa wanita Melayu yang bertudung pun payah, paling tinggi mereka hanya menggunakan skaf yang menutup kepala sahaja dan bukannya sampai ke dada.

Di samping itu, di barat ketika itu terutamanya Amerika Syarikat budaya *hippies* sedang menjadi satu ikutan oleh bukan sahaja rakyat tempatan tetapi juga masyarakat dunia. Budaya tersebut mengajar masyarakat untuk hidup bebas, berseronok dan sehingga ke tahap ekstrim ada yang menolak agama. Datuk Karim sendiri terikut-ikut dengan budaya tersebut termasuklah dari segi berpakaian serta terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang kononnya

untuk melepaskan tekanan serta menggambarkan jiwa bebas seperti merokok, mengambil alkohol dan berhibur. Meskipun telah terjebak pada aktiviti-aktiviti tersebut, Datuk Karim masih mengaku dirinya Islam dan beliau tidak pernah melakukan seks bebas.

Sepanjang melanjutkan pengajian di luar negara, Datuk Karim tidak pernah pulang bercuti ke Malaysia kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Pada awal-awal pengajiannya di sana, sekurang-kurangnya sebulan sekali beliau akan mengutus surat kepada ibunya untuk bertanya khabar. Namun, dengan peredaran masa, Datuk Karim semakin jarang mengutus berita buat ibunya sehingga pada satu tahap hanya mengutus kad ucapan selamat hari raya sahaja.

Pada cuti semester, Datuk Karim membuat kerja separuh masa sama ada di restoran-restoran ataupun hotel bagi mendapatkan wang saku. Datuk Karim kemudian berkenalan dengan Elizabeth, seorang warga tempatan yang merupakan anak kepada pemilik restoran tempat beliau bekerja. Mereka ditakdirkan saling jatuh cinta dan akhirnya mendirikan rumahtangga. Meskipun telah memeluk Islam, Elizabeth masih mengekalkan budaya dan cara hidup barat di samping tidak menerima bimbingan daripada Datuk Karim.

Apabila tamat pengajian, Datuk Karim pulang ke tanah air bersama-sama isterinya. Datuk Karim telah mengutus surat kepada ibunya untuk memaklumkan beliau akan pulang ke Malaysia tetapi masih merahsiakan perkahwinannya dengan Elizabeth. Ibu Datuk Karim berasa gembira dengan perkhabaran tersebut dan merancang mengadakan kenduri kesyukuran bagi menyambut anaknya. Tiba pada hari yang dinantikan, ibu Datuk Karim terkejut mendapati anaknya pulang bersama seorang wanita berbangsa asing dan berpakaian menjolokkan mata. Datuk Karim kemudian memperkenalkan isteri beliau kepada ibunya. Jiran-jiran

yang hadir juga terperanjat melihat penampilan Datuk Karim yang berambut panjang dan isterinya yang berpakaian seksi. Ibu Datuk Karim tetap menyambut dan meraikan kepulangan anak dan menantunya meskipun menanggung aib dengan jiran-jirannya. Kepulangan Datuk Karim dan isterinya menjadi buah mulut orang kampung. Ketika itu menurut Datuk Karim, masyarakat Melayu terutamanya di kampung-kampung sukar menerima orang asing masuk ke dalam masyarakat mereka.

Sepanjang hari ibu Datuk Karim hanya membisu seribu bahasa. Namun begitu, ibunya tetap menyediakan bilik serta hidangan makan malam untuk Datuk Karim dan isterinya. Datuk Karim berfikir bahawa ibu beliau tidak dapat menerima dirinya dan Elizabeth. Datuk Karim berasa malu dengan Elizabeth kerana keadaan rumah ibunya yang usang, hidangan yang merupakan baki lauk pauk kenduri siang tadi serta sikap ibunya yang dingin. Keesokannya, tanpa berbincang dan bertemu dengan ibunya, Datuk Karim mengajak Elizabeth meninggalkan kampungnya. Semenjak itu Datuk Karim tidak pernah pulang ke kampung.

Lebih kurang dua tahun kemudiannya, Datuk Karim terserempak dengan Haji Saad di lapangan terbang kerana menghantar abangnya yang mahu berangkat mengerjakan umrah. Datuk Karim pula ketika itu sedang menunggu penerbangan ke Kota Kinabalu atas urusan perniagaan. Datuk Karim yang terlebih dahulu menyapa Haji Saad kerana beliau masih mengenali wajahnya. Tiba-tiba Datuk Karim melihat mata Haji Saad bergenangan air mata. Haji Saad segera memeluk Datuk Karim sambil memberitahu ibunya telah meninggal dunia enam bulan yang lalu. Haji Saad memberitahu Datuk Karim bahawa mereka tidak tahu bagaimana untuk menghubunginya bagi menyampaikan khabar tersebut kerana tidak seorang pun mempunyai alamat atau nombor telefon beliau. Mendengar perkhabaran itu, pandangan Datuk Karim tiba-tiba menjadi gelap dan beliau terus terduduk sambil menangis. Datuk Karim

kemudian membatalkan urusan perniagaannya di Kota Kinabalu dan tanpa berlengah terus bergegas menuju ke kampungnya.

Sesampai sahaja di rumah arwah ibunya, hancur luluh hati Datuk Karim melihat rumah tersebut kosong dan sunyi. Datuk Karim terbayang bagaimana ibunya melalui hidup sebatang kara di rumah yang usang itu sepanjang beliau belajar di luar negara dan meninggalkan rumah tersebut disebabkan rajuk yang tidak bertempat. Datuk Karim merasa kesal yang tidak terhingga kerana memperlakukan ibunya sebegitu rupa. Air matanya mencurah-curah tanpa henti sambil bertanya pada dirinya, *“Apalah hak aku untuk berasa kecil hati dengan seorang ibu, sedangkan aku sendiri terlupa bahawa hati ibu lebih terluka dan ibu lebih berhak berkecil hati denganku.”*

Datuk Karim menceritakan tidak tertanggung rasanya apabila melihat foto beliau sewaktu kecil bersama ibunya masih ada di sisi katil ibunya. Buku-buku laporan akademik sejak beliau berada di sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah masih tersusun rapi di dalam laci. Pakaian-pakaian lamanya tersimpan kemas di dalam almari. Terdetik di dalam hati Datuk Karim, mungkinkah barang-barang milik peribadinya itu menjadi teman kepada ibunya sewaktu beliau dalam kesunyian dan kerinduan.

Haji Saad dan isterinya, Hajah Che’ Som datang melawat Datuk Karim dan menenangkannya. Menurut Hajah Che’ Som, ibunya sering meluahkan bahawa dia begitu merindui anaknya tetapi kebahagiaan anak tunggalnya lebih penting. Malah, sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir dia meminta agar disampaikan salam serta peluk ciumnya dan beritahu bahawa dia telah mengampunkan segala dosa atau kesalahan anaknya serta berharap dapat bertemu di syurga nanti. Haji Saad juga menyerahkan buku simpanan atas nama Datuk Karim. Menurut Haji Saad, setiap bulan beliau membantu mendepositkan RM50 ke dalam akaun tersebut. Menurut ibunya, itu adalah simpanan untuk anaknya jika ada keperluan termasuk untuk urusan perkahwinan.

Simpanan yang dibuat oleh arwah ibunya mencecah hampir RM6,000. Meskipun jumlahnya tidak sebesar mana bagi seorang ahli perniagaan seperti Datuk Karim, ia cukup menggambarkan kasih sayang dan pengorbanan seorang ibu. Ketika menziarahi pusara ibunya dengan ditemani oleh Haji Saad dan Hajah Che' Som, Datuk Karim amat merasa kehilangan dan betapa besar dosa beliau terhadap ibunya. Haji Saad memberi kata semangat kepada Datuk Karim dengan menyatakan masih ada peluang untuk beliau berbakti kepada orang tuanya walaupun mereka telah meninggal dunia. Banyak hadis yang menyentuh tentang hal ini antaranya termasuklah;

"Dari Aisyah menceritakan bahawa seorang lelaki datang bertanya kepada Rasulullah SAW: 'Ya Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia, dan dia tidak ada berwasiat apa pun dan saya rasa kalau dia sempat berbicara dia akan bersedekah, adakah dia mendapat pahala jika aku bersedekah untuknya?'. Nabi SAW menjawab: 'Ya, (bersedekahlah dan dia akan mendapat pahala)'."

(HR Bukhari dan Muslim)

"Dari Abu Usaid Malik bin Rabi'ah berkata bahawa ketika kami duduk bersama Rasulullah SAW, tiba-tiba datanglah seorang lelaki dari kabilah Bani Salamah bertanya: 'Ya Rasulullah, adakah kebaikan yang saya dapat lakukan kepada kedua ibubapa saya yang telah meninggal dunia?' Rasulullah SAW menjawab: 'Ada, engkau berdoa untuk keduanya, meminta diampunkan dosa-dosanya dan tunaikan wasiat serta janji-janjinya, dan hubungkanlah silaturahim dengan saudara dan keluarganya, dan hormati serta muliakan kawan-kawannya.'"

(HR Abu Daud, Ibnu Majah & Ibnu Hibban)

Peristiwa tersebut telah berlalu lebih dari tiga dekad yang lalu. Namun begitu, kesannya cukup mendalam untuk Datuk Karim malah terus menghantui dirinya sehingga ke

hari ini. Semenjak dari peristiwa itu, Datuk Karim kembali mempelajari ajaran Islam dengan mengambil seorang guru untuk membimbingnya dan isteri beliau. Datuk Karim juga telah membeli tanah bersebelahan rumah arwah ibunya dan mendirikan sebuah pusat tahfiz. Beliau membiayai sepenuhnya pusat tahfiz berkenaan dengan harapan semoga pahalanya sampai kepada kedua arwah ibu bapanya.

Datuk Karim dan isterinya juga aktif melibatkan diri dalam program-program kebajikan terutamanya bagi golongan warga emas, anak-anak yatim dan golongan kurang upaya. Aktiviti-aktiviti tersebut memberi ketenangan serta kepuasan kepada Datuk Karim dan isterinya yang masih belum dikurniakan zuriat. Pasangan ini redha dengan ketentuan Allah tersebut dan Datuk Karim sendiri secara peribadi menganggap ia adalah kafarah bagi dosa-dosanya terutama terhadap ibunya.

Perkembangan dalam negara berkaitan dengan pengaruh liberalisme amat membimbangkan Datuk Karim. Menurut Datuk Karim, cabaran masa kini lebih besar berbanding pada era 1970-an sewaktu anak-anak muda terpengaruh dengan budaya hippies dan hedonistik. Kini, dalam keadaan dunia tanpa sempadan dan pengaruh siber berleluasa, dapat dibayangkan bagaimana unsur-unsur budaya yang merosakkan tersebut menular dalam masyarakat. Dalam masyarakat Malaysia sendiri, jelas menunjukkan bahawa amalan nilai-nilai murni semakin terhakis. Anak-anak tidak menghormati ibu bapa, ajaran agama diremehkan, pergaulan bebas berleluasa, jenayah meningkat serta perpecahan masyarakat kian ketara.

Pada pandangan Datuk Karim, bagi mengekang pengaruh berkenaan, masyarakat perlu kembali pada perkara-perkara asas iaitu berpegang pada ajaran agama, memperkukuhkan institusi keluarga, menguatkuasakan perundangan terutama berkaitan dengan akidah umat Islam serta memantapkan sistem pendidikan

terutamanya yang bersifat ukhrawi. Sekiranya fahaman-fahaman barat yang merosakkan ini tidak dibendung, ia akan mewujudkan lebih banyak masalah sosial seperti murtad, perzinaan, perpecahan, serta ketidakamanan malah lebih membimbangkan sehingga menimbulkan kemurkaan Allah yang berkuasa untuk menurunkan bala dan malapetaka. *Na'uzubillahi min zalik.*



KISAH 17

DI MANA BUMI DIPIJAK, DI SITU LANGIT DIJUNJUNG

Ketika mewawancara David Tan, setiap orang yang melintasi kami pasti akan menoleh dua kali disertai dengan senyuman di bibir dan tidak kurang juga kening mereka berkerut. Sebabnya mudah, mungkin ramai yang terkejut, terharu dan mungkin juga bangga melihat seorang anak muda berbangsa Tionghua mendaftarkan diri sebagai seorang anggota tentera darat.

Apabila ditanya apakah yang mendorong beliau menyertai tentera darat, David Tan menjawab dengan ringkas, "*minat dan dorongan datuk*". Anak kelahiran Ipoh, Perak ini menyatakan rasa bangga beliau kerana bukan sahaja berjaya menceburi bidang yang diminatinya tetapi juga dapat memenuhi impian datuknya yang begitu berhajat melihat salah seorang daripada anak cucunya mengikut jejaknya. Semenjak di bangku sekolah rendah lagi, David Tan yang merupakan anak bongsu daripada empat orang adik beradik telah menunjukkan minat beliau terhadap pasukan berpakaian seragam. Tambahan pula, David Tan adalah cucu kesayangan datuknya dan hubungan mereka sangat rapat. Datuknya sering bercerita kepadanya tentang kisah-kisah sebelum kemerdekaan termasuklah zaman penjajahan Inggeris, kedatangan tentera Jepun dan ancaman komunis. Sebelum ini, David Tan hanya mendengar kisah-kisah tersebut dalam mata pelajaran sejarah di sekolah tetapi pengalaman sebenar datuknya yang

pernah terlibat mempertahankan negara ketika itu membuatkan beliau lebih bersemangat untuk menjadi seorang tentera.

Namun begitu, menurut David Tan bukan mudah untuk beliau meyakinkan keluarga terutama ibu bapanya mengenai kerjaya pilihannya. Mana tidaknya, abangnya merupakan seorang peguam manakala kedua-dua orang kakaknya pula berkhidmat sebagai pakar perubatan di pusat perubatan swasta. Tentu sahaja ibu bapanya mahu David Tan mengikut jejak abang dan kakaknya. Lagipun, umum mengetahui bahawa bidang keselamatan terutamanya tentera dan polis bukanlah kerjaya pilihan masyarakat Tionghua. David Tan merayu kepada kedua ibu bapanya agar menghormati minat serta keputusan beliau atau sekurang-kurangnya mempertimbangkan hasrat datuknya yang menjangkau usia 82 tahun. Ibu bapa David Tan akhirnya akur dengan kehendak beliau kerana selama ini pun mereka memberi kebebasan kepada anak-anak dalam membuat keputusan. Ibu bapa David Tan meskipun kurang bersetuju dengan keputusannya tetap berasa bangga kerana mempunyai seorang anak yang prihatin terhadap perasaan seorang tua serta mewarisi semangat datuknya.

Berdasarkan pada perkembangan dan senario semasa yang memperlihatkan wujud jurang di antara kaum di negara ini, menurut pandangan David Tan jurang tersebut tidak seharusnya wujud jika sentimen perkauman tidak diapi-apikan dalam masyarakat. David Tan menegaskan bahawa setelah mencapai lebih lima dekad kemerdekaan, mengapa baharu sekarang sesetengah pihak yang berkepentingan membangkitkan isu ketidakadilan sosial. Walhal, Malaysia dibangunkan atas semangat perpaduan dan saling memahami kontrak sosial yang termetri dalam Perlembagaan Negara. Ini jelas menunjukkan bahawa individu atau kelompok yang kurang bertanggungjawab memecahbelahkan perpaduan kaum adalah golongan oportunis dan ramai di antara penyokong-penyokong mereka buta pada

sejarah dan perundangan.

David Tan kemudiannya menceritakan kembali kisah yang disampaikan oleh datuknya. Menurut datuknya, orang Melayu adalah bangsa yang baik hati dan suka berbudi. Orang Melayu juga mempunyai sifat tolak ansur yang tinggi dan pintar dari segi daya diplomasi. Orang Melayu juga yang mengetuai barisan mempertahankan keselamatan anak watan, negeri dan negara daripada ancaman musuh. Orang Melayu juga mengetuai tuntutan kemerdekaan daripada Inggeris. Orang Melayu juga memberi ruang serta peluang kepada kaum Cina dan India untuk menjadi penduduk atau warganegara Malaysia yang pada ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu. Maka, atas alasan apakah golongan oportunist dan penyokong-penyokong mereka mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu?

Menurut David Tan, jurang dan perpecahan antara kaum mula dirasai sejak 10 tahun kebelakangan ini. Sebelum itu, beliau berpendapat masyarakat Malaysia hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Berbeza dengan senario pada hari ini, masyarakat dipanaskan dengan isu-isu politik dan fahaman yang sensasi yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan negara. David Tan sendiri kurang bersetuju dengan pendirian institusi gereja berkaitan dengan isu kalimah Allah meskipun beliau merupakan seorang penganut Kristian. Pada pandangannya, Perlembagaan Negara telah menetapkan kedudukan Islam di negara ini sebagai agama Persekutuan. Selama ini juga beliau dapat mengamalkan ajaran agamanya dengan bebas. Beliau juga kurang faham mengapa perlu mencampuri ajaran agama orang lain sedangkan sebelum ini prinsip menghormati pegangan agama kaum lain telah menjadi amalan semenjak merdeka lagi.

Apabila ditanya pandangannya tentang campur tangan kuasa asing untuk menentukan hala tuju pentadbiran negara, David Tan mengakui bahawa beliau kurang tahu sejauh mana

kebenarannya. Namun, hasil pembacaannya daripada akhbar dan internet beliau bersetuju terdapat usaha ke arah tersebut. Pada pandangannya, perkara tersebut mungkin merupakan satu realiti yang menjadi ancaman kepada negara. Rumusannya mudah, kuasa menyebabkan seseorang itu semakin tamak untuk menambah kuasa. Begitulah yang berlaku pada kuasa-kuasa besar di dunia dan pihak atau individu yang mempunyai pengaruh atau pengikut. Bagi beliau, kuasa yang dimiliki jika tidak disertakan dengan rasa tanggungjawab bukan sahaja memusnahkan orang atau pihak yang memegang kuasa tersebut tetapi turut menghancurkan yang lain sama ada manusia, negara mahupun dunia ini.

Berhubung sistem pentadbiran negara, David Tan menyatakan bahawa beliau malah keluarganya bersetuju dengan amalan sistem demokrasi raja berperlembagaan atas dasar menghormati prinsip ketuanan Melayu. David Tan menambah mengapa perlu mengubah sistem sedia ada jika selama ini negara berjaya ditadbir dengan baik, masyarakat hidup dengan aman serta negara mencapai kemakmuran. Malah, negara-negara luar turut memandang tinggi dengan pencapaian Malaysia.

David Tan mengakhiri sesi wawancara dengan menyeru generasi muda supaya lebih bijak menilai dan memilih jalan. Dalam konteks ini, penting untuk generasi muda memahami, menghayati dan menghargai sejarah negara serta perjuangan para pejuang terdahulu. Jika tidak, generasi muda hanya meletakkan diri mereka seperti, *"lembu yang dicucuk hidungnya"*, mengikut secara membuta tuli. Beliau juga menyarankan agar pihak pemerintah supaya lebih banyak mendekati golongan muda serta menyediakan barisan pelapis dalam pelbagai bidang yang memiliki jati diri, semangat nasionalis dan matlamat yang jelas untuk bersama-sama mempertahankan kesejahteraan dan martabat negara.

Dalam konteks wawancara dengan David Tan, dapatlah dirumuskan bahawa kontrak sosial dan amalan perpaduan di negara ini menepati ajaran Islam yang menjamin hak golongan bukan Islam sepertimana firman Allah SWT:

لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ
 تُخْرِجُوهُمْ مِّنْ دِينِكُمْ أَنَّ تَبْرُوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ
 يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَتَلُوكُمْ
 فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُم مِّنْ دِينِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ
 أَن تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya:

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu) dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."

(Surah Al-Mumtahanah; 60 : 8-9)

KISAH 18

SALAH PERHITUNGAN

Hakim memulakan perbualan dengan menceritakan kegigihan bapa beliau. Hakim menyatakan bahawa bapa beliau walaupun tidak berpelajaran tinggi dan merupakan seorang pekerja biasa amat berminat dan sering mengikuti perkembangan isu-isu semasa terutamanya politik.

“Ayah seorang rakyat biasa dan tidak berpelajaran tinggi. Dahulu ayah berkhidmat di bawah bahagian pengurusan sampah di salah sebuah majlis perbandaran. Walaupun setiap hari ayah bergelumang dengan sampah sarap, saya tetap bangga kerana orang-orang seperti ayahlah yang menyumbang pada kebersihan dan keindahan tempat tinggal penduduk bandar. Malah, saya amat memandang tinggi kepadanya kerana mengenepikan rasa malu demi mencari rezeki yang halal untuk keluarga. Ayah cukup rapat dengan anak-anak. Dia akan meluangkan masa makan malam dan menonton televisyen bersama keluarga. Sewaktu berkumpul, ayah mula membuka macam-macam topik terutamanya yang berkaitan peristiwa atau insiden yang berlaku dalam negara.”

Hakim masih ingat lagi bagaimana berapi-apinya bapa beliau mengkritik tindakan kerajaan apabila seorang pemimpin yang dikaguminya dipecat daripada kabinet. Isu pemecatan pemimpin berkenaan telah mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat pada ketika itu kerana mempercayai bahawa pemimpin tersebut telah difitnah dan dizalimi. Pemimpin berkenaan pula bijak memanipulasi keadaan dengan terus membakar sentimen

rakyat kononnya atas alasan menuntut perubahan. Strategi pemimpin tersebut berjaya mengheret sebahagian masyarakat termasuk bapa Hakim untuk berarak menyatakan bantahan. Situasi dalam negara terutamanya di ibu negara ketika itu sememangnya panas dengan kebangkitan sebahagian masyarakat yang membuat bantahan sehingga mencetus huru hara tetapi berjaya dikawal oleh pihak keselamatan.

Umum mengetahui bahawa selepas perbicaraan, mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara ke atas pemimpin berkenaan. Keputusan tersebut lebih menyemarakkan sentimen kurang puas hati dalam kalangan penyokong-penyokongnya yang melihat beliau sebagai pemimpin yang berjiwa Islam, dekat dengan masyarakat dan diiktiraf oleh para pemimpin negara-negara luar. Perkembangan tersebut juga menjadi faktor penolak pada perubahan senario politik tanahair terutamanya melibatkan umat Melayu. Pemimpin berkenaan walaupun sedang menjalani hukuman penjara merupakan *'master mind'* dalam meneruskan strategi membakar sentimen rakyat bagi memperkukuhkan sokongan terhadapnya dan parti politik yang baharu ditubuhkannya.

Bapa Hakim tidak terkecuali daripada merasa bahang sentimen yang sama. Hampir setiap hari beliau membahaskan isu ketidakadilan pemerintah. Bapa Hakim terbawa-bawa dengan emosinya sehingga ke tahap mengutuk serta menghina pihak pemerintah. Hakim sekeluarga turut terpengaruh dengan perspektif dan pendirian bapa mereka. Bapa beliau semakin taksub pada 'perjuangan' parti politik yang diasaskan oleh pemimpin berkenaan. Sentimen dan perasaan taksub semakin berakar apabila pemimpin tersebut menggunakan pendekatan meraih simpati daripada masyarakat termasuklah dengan mempergunakan kaum keluarganya, memberi gambaran beliau adalah mangsa konspirasi politik, mempersoalkan kredibiliti badan atau agensi kerajaan yang berkaitan dengan perbicaraannya, dakwaan cubaan untuk

menamatkan riwayatnya serta mendapat layanan buruk sehingga menjejaskan kesihatannya.

Masyarakat terus terpedaya. Pendedahan terhadap aktiviti salah laku pemimpin berkenaan dianggap satu fitnah, tohmahan dan usaha untuk menjatuhkannya. Sokongan terhadap pemimpin tersebut dan partinya semakin meningkat. Bapa Hakim semakin aktif melibatkan diri dalam parti berkenaan sebagai salah seorang ahli jawatankuasa di cawangan tempat tinggal mereka. Malah, beliau beberapa kali berjaya memujuk keluarganya untuk turut serta dalam perhimpunan. Bapa Hakim telah menerima surat amaran daripada pihak pengurusan supaya tidak melibatkan diri dalam aktiviti dan agenda politik yang menyalahi undang-undang, tetapi bapa beliau mengambil sikap, *“berpatah arang, berkerat rotan”* bagi menyatakan pendiriannya. Bapa Hakim menganggap amaran yang diterimanya sebagai bukti kerajaan mengkhianati amalan demokrasi dan menyekat kebebasan bersuara rakyat. Pihak pengurusan yang masih mempunyai sifat timbang rasa, berusaha untuk tidak mengenakan tindakan kepada bapa Hakim memandangkan beliau mempunyai tanggungan yang ramai. Justeru, seorang pegawai yang bapa Hakim hormati kerana keperibadiannya berjaya memujuk bapanya supaya membataskan atau jangan melakukan sesuatu yang menggadaikan nasib dan masa hadapan keluarga.

Apabila bapa Hakim mula mengurangkan penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti parti, ia memberi ruang kepada beliau untuk berfikir lebih rasional dan sifat taksubnya semakin longgar. Seinggalah pada satu hari, apabila bapa Hakim terbaca tentang pendirian pemimpin yang dikaguminya itu tentang prinsip liberalisme dan pluralisme agama. Bapa Hakim kurang bersetuju dengan kenyataan pemimpin tersebut yang menyamaratakan Islam dengan semua agama. Kenyataan pemimpin berkenaan telah mengundang kontroversi dan bantahan terutamanya daripada badan-badan Islam yang menuntutnya

supaya memberi penjelasan dan menarik balik kenyataan tersebut. Namun, pemimpin berkenaan mempertahankan kenyataannya dan mendakwa ia diputarbelitkan oleh pihak pemerintah untuk mengelirukan masyarakat. Di samping itu, bapa Hakim semakin mendapati bahawa banyak kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin tersebut dan pemimpin-pemimpin kanan partinya bertentangan dengan prinsip Islam. Kenyataan-kenyataan mereka juga lebih menjurus pada menjaga hati rakan-rakan sekutunya termasuk kuasa-kuasa barat yang menunjukkan sokongan pada 'perjuangan' mereka. Ini termasuklah isu kebebasan beragama dan pembelaan terhadap golongan LGBT yang ternyata menyalahi syarak dan fitrah manusia. Di samping itu, sesuatu yang bapa beliau tidak boleh terima adalah sokongan pemimpin berkenaan terhadap isu penggunaan kalimah Allah yang pada pandangannya memberi ruang kepada musuh melakukan penjajahan terhadap Islam dan umatnya.

Bapa Hakim mula merasakan 'perjuangan' pemimpin berkenaan dan parti politik serta rakan-rakan sekutunya boleh mengundang kemudaratan pada Islam, umat Melayu, masyarakat dan negara. Pemimpin berkenaan yang dahulu dihormati kerana berjiwa Islam tidak lagi membicarakan perjuangan Islam sebaliknya mempertahankan pluralisme agama. Pemimpin tersebut yang dahulunya dianggap pembela umat Melayu kini tunduk pada desakan supaya semua kaum mendapat hak yang sama sehingga mahu membelakangkan dasar yang telahpun termaktub dalam Perlembagaan Negara. Pemimpin yang pernah dikaguminya kerana kredibilitinya di peringkat antarabangsa rupa-rupanya sanggup menjadi kuda tunggangan kuasa, badan dan individu asing termasuk Yahudi untuk mencapai cita-cita politiknya.

Bapa Hakim merasakan dirinya terpedaya dan kesal kerana telah mengheret keluarganya dalam satu perjuangan yang sia-sia. Beliau meminta maaf kepada keluarganya kerana sifat taksubnya

membawa beliau pada landasan yang salah sehingga mengancam martabat Islam, kedudukan umat Melayu, perpaduan antara kaum serta kestabilan negara. Baba Hakim menganggap ‘perjuangan’ pemimpin tersebut dan partinya lebih busuk daripada sampah sarap yang diangkutnya. Bagi Hakim pula, bapanya tetap seorang wira kerana seorang wira sejati berani mengakui kesalahannya dan sentiasa bersedia memperbaiki kesilapannya.

Pengalaman Hakim dan keluarganya harus dijadikan iktibar kepada manusia supaya menjauhi sifat taksab dan jumud sepertimana firman Allah SWT:

قُلْ يٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ لَا تَغْلُواْ فِى دِينِكُمْ غَيْرَ ٱلْحَقِّ وَلَا
تَتَّبِعُواْ أَهْوَآءَ قَوْمٍ قَدْ ضَلُّواْ مِن قَبْلُ وَأَضَلُّواْ كَثِيرًا وَضَلُّواْ
عَن سَوَآءِ ٱلسَّبِيلِ

Maksudnya:

“Katakanlah: Wahai ahli Al-Kitab, janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batas) dengan cara tidak benar dalam agamamu dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu orang yang sesat dahulunya (sebelum kedatangan Muhammad) dan mereka menyesatkan kebanyakan (manusia) dan mereka sesat dari jalan yang lurus.”

(Surah al-Maa'idah; 5 : 77)

KISAH 19

MENTAATI PEMERINTAH

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ
مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (Sunnah) RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya."

(Surah An-Nisaa'; 4 : 59)

Pertemuan penulis dengan YM Dato' Raja Ikram memberi gambaran yang lebih jelas mengenai institusi raja serta konsep dan prinsip mentaati pemerintah dalam kerangka pandang dunia Islam

dan alam Melayu. YM Dato' Raja Ikram yang telah berkhidmat dengan istana menghampiri suku abad menegaskan bahawa institusi raja berperanan penting bagi menjamin kelangsungan umat Melayu khususnya di Malaysia. Kelangsungan umat Melayu pula menyumbang pada pemeliharaan kedaulatan Islam di negara ini.

Beliau yang telah berkhidmat di bawah dua orang sultan menyatakan masyarakat kurang menyedari bahawa institusi raja yang menjadi sebahagian warisan alam Melayu sebenarnya adalah selari dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah berhubung tuntutan mentaati pemerintah atau pemimpin. Terdapat lima prinsip yang mendukung prinsip mentaati pemerintah dan pemimpin menurut pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah iaitu:

1. Mentaati mereka dalam urusan kebaikan (*ma'aruf*), termasuk melaksanakan perintah mereka yang *ma'aruf* dan membantu mereka dalam urusan kebaikan yang diperlukan atau diperintahkan.
2. Mengakui, menghormati, dan memuliakan kedudukan mereka sebagai pemerintah atau pemimpin serta sentiasa mendoakan kebaikan untuk mereka.
3. Menggugurkan ketaatan terhadap mereka dalam urusan atau perintah yang bersifat maksiat kepada Allah.
4. Membenci maksiat yang mereka lakukan dan mengingkari keburukan yang mereka lakukan dengan memberi nasihat serta menggunakan kaedah-kaedah yang syar'ii.
5. Menghindari usaha untuk menjatuhkan, membelot, menzahirkan sifat membangkang terhadap kepimpinan, serta tidak menghina atau mencela pemerintah walaupun mereka bertindak buruk dan zalim selama mana mereka masih tetap menegakkan syiar Islam, mendirikan solat dan tidak dilihat kekafiran padanya.

Prinsip-prinsip tersebut turut disokong oleh pandangan Imam An-Nawawi Rahimahullah yang menyatakan;

“Adapun keluar dari ketaatan terhadap pemimpin (penguasa) serta memerangi (atau membangkang) mereka, maka hukumnya adalah haram berdasarkan kesepakatan (ijma’) umat Islam, walaupun pemimpin tersebut bersifat zalim lagi fasik.”

(Imam An-Nawawi, Syarah Shahih Muslim, 12/229)

Dalam memberi pandangan tersebut, tentu sahaja para ulama Islam zaman awal menjadikan Al-Qur’an dan As-Sunnah sebagai rujukan termasuklah mengenai kewajipan mentaati pemerintah atau pemimpin, antaranya;

“Sultan (pemimpin) itu adalah naungan Allah di bumi, sesiapa yang menghinanya, maka Allah akan menghinakannya dan sesiapa yang memuliakannya, nescaya Allah akan memuliakan dia.”.

(HR Al-Baihaqi)

Menurut YM Dato’ Raja Ikram, kefahaman masyarakat yang rendah terhadap sejarah Melayu dan asas-asas perundangan dalam negara menjadi sebahagian faktor mengapa wujud golongan yang tidak nampak akan kepentingan institusi raja. Malah, terdapat segelintir daripada golongan ini melihat institusi raja sebagai satu sistem yang lapuk dan tidak relevan dalam era globalisasi. Secara umumnya, golongan berkenaan juga sering mensabitkan kemalapan peranan institusi raja disebabkan ia dilihat sebagai sebuah institusi yang hanya berada dalam lingkungan adat istiadat dan upacara semata-mata. Justeru, sehingga ke satu tahap mesej-mesej yang disampaikan oleh institusi raja hanya diterima oleh masyarakat sebagai ucapan formaliti walhal sultan atau Raja-Raja Melayu di negara ini rata-ratanya bersifat prihatin pada permasalahan rakyat termasuklah berkaitan Islam, umat Melayu serta isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat.

Pada hakikatnya menurut YM Dato' Raja Ikram, sultan atau Raja-Raja Melayu peka pada isu yang mahu disentuh serta perlu diberi perhatian untuk ditangani. Justeru, setiap sultan atau Raja-Raja Melayu sering berbincang dengan Perdana Menteri atau Menteri Besar negeri masing-masing tentang apa-apa perkembangan dalam negara atau negeri. Soal pentadbiran negara atau negeri tidak dilepaskan begitu sahaja tanpa dibawa pada pengetahuan dan perkenan baginda. Hakikat ini bukan hanya dijelmakan melalui Parlimen atau persidangan Dewan Undangan Negeri semata-mata tetapi perbincangan bagi memberi teguran atau bertukar pandangan kerap berlaku di luar daripada kedua-dua platform tersebut.

Arus kemodenan yang melanda masyarakat turut mempengaruhi pemikiran rakyat. Di samping itu, terdapat pula pihak yang mempunyai kepentingan dan agenda tersirat "*menangguk di air yang keruh*" dengan berusaha memberi perspektif negatif mengenai institusi raja bertujuan untuk menghapuskannya dan menggantikan institusi raja serta sistem pentadbiran sedia ada dengan sebuah sistem pentadbiran republik. Pihak kurang bertanggungjawab ini memainkan sentimen rakyat untuk meraih sokongan daripada masyarakat terhadap doktrin yang cuba mereka serapkan dengan menegaskan bahawa melalui sistem republik, rakyat yang berkuasa serta bebas bersuara atau membuat keputusan. Sasaran mereka antaranya adalah kaum bukan Bumiputera, masyarakat bandar, golongan profesional dan generasi muda. Malah, terdapat usaha untuk mempengaruhi dan mendapatkan sokongan daripada kalangan individu yang mempunyai pertalian darah dengan pihak istana. Ringkasnya, strategi mereka bukan sahaja bertumpu pada desakan dari luar tetapi juga cuba memecahkannya dari dalam institusi raja itu sendiri.

YM Dato' Raja Ikram menambah bahawa modus operandi yang sama dijalankan ke atas umat Melayu. Beliau mengajak umat

Melayu untuk menginsafi senario yang melanda umat Melayu sejak kebelakangan ini. Senario hari ini jelas menunjukkan bahawa umat Melayu telah berpecah disebabkan perbezaan ideologi politik. Perbezaan itu pula merebak pada penyemaian benih kebencian antara satu sama lain serta bersikap jumud dan taksub pada pendirian masing-masing. Lebih malang dan menyedihkan, ada di antara umat Melayu berpegang pada; *"Melayu tak penting, Islam lebih penting"* dan *"Raja Melayu tidak penting, suara rakyat lebih utama"*. Apakah umat Melayu tidak menyedari bahawa dalam konteks Malaysia yang dahulunya adalah Tanah Melayu, Islam dan Melayu bergerak seiringan? Bukankah selama ini Islam melindungi umat Melayu manakala umat Melayu pula dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan kedaulatan Islam. Apakah umat Melayu lupa pada prinsip raja dan rakyat berpisah tiada? Raja memayungi rakyat demi keharmonian masyarakat dan kestabilan negara, rakyat pula berikrar untuk taat kepada raja dan negara selari dengan prinsip Rukun Negara.

YM Dato' Raja Ikram juga mengajak umat Melayu yang ditakdirkan Allah SWT sebagai khalifah untuk mempertahankan Islam di negara ini dan berupaya menjadi model bagi negara-negara Islam yang lain supaya menghindari sifat terburu-buru dalam tindakan. Umat Melayu terkenal dengan jiwa halusnyanya, bukannya bertingkah kasar terutama dalam mencari penyelesaian dan membuat keputusan.

Hari ini, umat Melayu masih mempunyai kuasa memerintah dan Islam diiktiraf oleh undang-undang sebagai agama Persekutuan. Jika ditakdirkan musuh-musuh Islam serta umat Melayu berjaya mengubah kedudukan politik dan sistem pentadbiran negara, ketika itu apa lagi yang masih tinggal untuk umat Melayu? Justeru ujar beliau, usahlah kita meletakkan agama, bangsa dan negara kita untuk menerima nasib, *"menang sorak, kampung tergadai"*.

KISAH 20

WAHAI UMAT ISLAM, BANGKITLAH DARI TIDUR

Tuan Salleh seorang aktivis sebuah NGO Islam menggesa umat Islam supaya membuka mata dan hati mereka terhadap strategi dan agenda musuh-musuh Islam khususnya pihak barat yang mempunyai matlamat menguasai pemikiran umat Islam. Menurutny lagi, jika digunakan hukum `putaran roda' maka sejarah penjajahan kuasa-kuasa besar pada abad ke-15 dan abad ke-16 wajar dijadikan iktibar. Ketika itu, matlamat bukan bertumpu pada kuasa dan ekonomi semata-mata tetapi juga berusaha merealisasikan matlamat di sebalik agenda utama mereka iaitu, "*Gospel, Gold and Glory*". Agenda tersebut menjadi legasi penjajahan barat dengan berkembangnya fahaman seperti liberalisme dan pluralisme. Fahaman-fahaman tersebut dijadikan senjata oleh para orientalis barat untuk menyerang Islam. Hal ini kerana sejarah juga membuktikan bahawa serangan secara fizikal atau beradu kekuatan senjata memungkinkan kemenangan berpihak kepada Islam. Sebaliknya, senjata paling berkesan untuk menundukkan Islam dan umatnya adalah dengan meracuni serta menguasai akidah dan pemikiran mereka.

Tuan Salleh juga menyatakan bahawa badan-badan yang menggerakkan fahaman liberalisme dan pluralisme di negara ini menyasarkan golongan profesional dan intelektual. Mereka yakin bahawa golongan ini mampu memainkan peranan

dalam mempengaruhi masyarakat khususnya umat Islam untuk menerima fahaman yang cuba disebarluaskan. Umat Islam termasuk orang Melayu mudah menerima pendapat yang dilontarkan oleh golongan yang mereka pandang tinggi berbanding dengan pihak bukan Islam. Dalam hal ini, secara tidak langsung golongan profesional dan intelektual berkenaan diperalatkan dan menyumbang pada penularan fahaman liberalisme dan pluralisme. Beliau sendiri pernah didatangi oleh individu-individu yang cuba mempengaruhinya tetapi bersyukur kerana sikap beliau yang cukup berhati-hati dalam menerima maklumat dan pandangan, menyelamatkannya daripada terjebak pada fahaman tersebut. Tambahan pula, penglibatannya dalam NGO Islam memberi peluang kepadanya mempunyai ramai kenalan yang memiliki kefahaman Islam yang dalam dan mudah baginya untuk merujuk jika beliau mempunyai sebarang kemusykilan.

Menurut Tuan Salleh, seperkara lagi yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam di negara ini adalah wujudnya jurang kemahiran di antara golongan liberalisme dengan para ilmuwan dan agamawan Islam. Kemahiran yang dimaksudkannya adalah kecenderungan menghasilkan penulisan dan penguasaan Bahasa Inggeris. Maka, tidak hairanlah penggerak-penggerak liberalisme tersebut menghasilkan banyak penulisan berbahasa Inggeris sama ada dalam bentuk karya yang dibukukan, artikel, laman web dan blog bertujuan mendekati dan mempengaruhi kumpulan sasaran mereka. Malah, mereka mengambil satu langkah ke hadapan dengan melantik syarikat penerbitan yang dimiliki oleh orang Melayu yang beragama Islam untuk menerbit dan memasarkan karya-karya yang mengandungi fahaman liberalisme, pluralisme, kristianisme dan sebagainya.

Tuan Salleh menegaskan bahawa ramai yang prihatin terhadap ancaman dan cabaran yang sedang dihadapi oleh umat Islam. Namun begitu, golongan yang mempunyai kemahiran dan

kebolehan kritikal untuk mempertahankan dan memperjuangkan kesucian Islam daripada dicemari masih lagi kurang. Jika kini masyarakat dunia telah memasuki era globalisasi yang mana menyaksikan manusia mampu memberi dan menerima maklumat tanpa sempadan, maka ia menjadi satu petanda tuntutan untuk melahirkan lebih ramai pejuang-pejuang Islam yang menjadikan penulisan dan pendekatan dakwah yang strategik serta berkesan sebagai matlamat jihad mereka.

Apabila ditanya tentang pengaruh liberalisme ke atas generasi muda, Tuan Salleh memberi contoh pengalaman yang berlaku di Indonesia. Umum mengetahui bagaimana keterbukaan Indonesia berhubung dengan amalan beragama. Hal ini memudahkan badan-badan penggerak fahaman liberalisme memainkan jarum mereka. Contohnya, mereka mempengaruhi tenaga-tenaga akademik pengajian Islam di kebanyakan universiti di Indonesia. Mereka berjaya mempengaruhi golongan akademik berkenaan untuk menerima dan mencerminkan liberalisme sebagai satu bentuk aliran falsafah dan pemikiran baharu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kesannya, para tenaga akademik inilah yang menjadi alat menyalurkan fahaman tersebut kepada para pelajar dan masyarakat. Mereka mula berani untuk mentafsir dan mengupas semula Al-Qur'an berdasarkan hukum akal semata-mata sedangkan Allah mendatangkan kitabNya melalui Rasulullah SAW dan manusia beriman dengan kandungannya mengikut tafsiran Baginda SAW. Apa yang cuba diusahakan oleh puak liberalis tersebut tentu sahaja bertentangan dengan firman Allah SWT:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ
يَتْلُوا عَلَيْهِمْ ءَايَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ
وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Qur’an yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Qur’an) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”

(Surah Ali-’Imran; 3 : 164)

Umat Islam di negara ini harus sedar dan disedarkan mengenai bahaya fahaman liberalisme dan pluralisme. Jika ia tidak dibendung, bimbang akan menjejaskan akidah umat Islam dan meruntuhkan institusi sosial yang berasaskan kerangka Islam. Kita tentunya tidak mahu melihat fenomena seperti Islam disamakan dengan sistem kepercayaan lain, kebebasan beragama berleluasa, pasangan berlainan agama dibenarkan berkahwin dan melahirkan zuriat, bertudung bagi wanita bukan sesuatu yang wajib, golongan LGBT diberi hak dalam masyarakat dan aspek-aspek lain yang bertentangan dengan fitrah manusia serta hukum alam.

Tuan Salleh turut menceritakan bagaimana beliau mula terlibat secara aktif dalam NGO Islam. Menurut beliau, peristiwa yang menimpa seorang muallaf dan keluarganya amat menyentuh hatinya. Muallaf berkenaan dan isteri serta anak mereka berusia lima bulan telah dipancung kerana bertegas untuk tetap dalam Islam dan tidak mahu kembali pada agama asal mereka. Tuan Salleh diberitahu oleh seorang sahabatnya yang terlibat menguruskan kes tersebut bahawa Allah mengurniakan darjat syahid untuk keluarga berkenaan kerana mempertahankan akidah

mereka. Hal ini dibuktikan apabila wajah ketiga-tiga jenazah tersebut amat berseri di samping terdapat percikan air peluh di dahi mereka dan darah masih mengalir meskipun telah berhari-hari jenazah mereka ditempatkan di bilik mayat. Tuan Salleh bertanya pada dirinya sendiri, berapa ramai antara umat Islam di Malaysia yang sanggup berbuat sepertimana keluarga muallaf syuhada tersebut yang baharu sahaja beriman dengan Islam?

Tuan Salleh menyatakan beliau kemudian teringat pada dua kes murtad melibatkan anak Melayu. Kes pertama, masyarakat Islam di Malaysia dikejutkan dengan isu seorang wanita Islam memberitahu bapanya bahawa beliau telah memeluk ajaran Kristian. Bapanya seorang imam, wanita berkenaan pula mendapat pendidikan di sekolah agama serta difahamkan menghafaz banyak surah Al-Qur'an. Namun begitu, kes ini membuktikan bahawa apakah jaminan bahawa seseorang itu akan hidup dan mati sebagai seorang Muslim. Bayangkan betapa remuk hati seorang ayah, betapa hancur hati seorang ibu dan betapa luluh hati keluarga apabila akidah wanita tersebut tidak dapat diselamatkan apabila kelicikan puak-puak liberalisme dan kristianisme menggunakan saluran undang-undang bagi memastikan wanita berkenaan tidak kembali pada ajaran Islam.

Kes kedua, seorang wanita yang sanggup membuang agama, ibu bapa dan keluarga kerana cinta. Dek terlalu mengikut nafsu, wanita tersebut sanggup membuat laporan polis mendakwa bapa dan abangnya yang menyerang kekasihnya demi untuk menyelamatkan akidah anak/adik mereka kerana mencederakan kekasihnya. Seorang anak/adik sanggup melihat bapa dan dan abangnya meringkuk di dalam penjara kerana kononnya mempertahankan cinta sucinya. Malah, lebih menyedihkan wanita berkenaan sanggup membuang namanya dan nama bapa beliau serta menggantikan identitinya dengan nama baharu yang tidak mencerminkan beliau seorang penganut Islam dan berbangsa Melayu.

Kes-kes tersebut adalah sebahagian realiti yang berlaku di negara ini yang menyebabkan Tuan Salleh merasa terpenggil untuk berjuang mempertahankan Islam dan akidah umatnya. Kes-kes yang disebutkannya tadi adalah kes yang mendapat perhatian umum dan ia berlaku lebih dari 15 tahun yang lalu. Namun, pada hari ini berapa banyak kes murtad seumpama ini yang berlaku dan di luar pengetahuan kita? Tidakkah umat Islam di negara ini merasakan bahang permasalahan ini seperti "*sekam di dalam api*"? Kes-kes tersebut juga memberi isyarat bahawa jati iman dan jati diri sebahagian umat Melayu amat rapuh dan mudah dipengaruhi. Islam bukan agama yang diwarisi atau agama keturunan. Hilang iman, hilanglah pegangan. Hilang pegangan, hilanglah bangsa, Hilang bangsa, hilanglah Islam di negara tercinta ini. Sebaliknya, jika iman menjadi perisai jati seseorang, jaminannya adalah umat Islam layak menjadi khalifah, Islam yang syumul terus terpelihara, malapetaka dijauhkan, masyarakat hidup sejahtera, negara aman makmur dan syurga ganjaran mutlak daripadaNya.